



ekuinas
EKUITI NASIONAL BERHAD

MENCAPAI KECEMERLANGAN

LAPORAN TAHUNAN 2014

DIDORONG SECARA KOMERSIAL . PRESTASI TINGGI
BERDASARKAN MERIT . BERSEMANGAT . FOKUS . RENDAH DIRI

MENCAPAI KECEMERLANGAN

**DIDORONG SECARA KOMERSIAL . PRESTASI TINGGI
BERDASARKAN MERIT . BERSEMANGAT . FOKUS . RENDAH DIRI**

Ditubuhkan pada tahun 2009, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah diberi mandat untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

Dengan dua operasi pelaburan iaitu pelaburan secara langsung dan melalui program penyumberan luarnya, Ekuinas berkembang dengan pesat dalam tempoh lima tahun ia beroperasi.

Pertumbuhan ini didorong oleh kedua-dua budaya dan juga nilai-nilai yang telah dibangunkan yang mengukuhkan lagi matlamat kami.

Dengan berpaksikan pencapaian prestasi yang tinggi, pendekatan berdaya komersial, pengiktirafan berasaskan merit, keghairahan untuk berjaya, objektif tertumpu dan sikap rendah diri, kami kekal teguh untuk memastikan operasi kami mencapai apa yang diharapkan dan akan terus memacu kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang.

VISI

Untuk menjadi syarikat
pengurusan dana ekuiti
persendirian bertaraf dunia



MISI

Untuk melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang
seterusnya, di samping menggalakkan penglibatan Bumiputera
dalam ekonomi secara saksama, efektif dan mampan





NILAI-NILAI SYARIKAT

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami



KANDUNGAN

RINGKASAN TAHUNAN

- Sepintas Lalu – 2014
- Model Operasi Ekuinas
- Maklumat Penting Kewangan 2014
- Sorotan Kewangan Lima Tahun
- Syarikat-Syarikat Portfolio
- Peristiwa Penting 2014
- Perutusan Pengerusi
- Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif

MEMPENGARUHI KEHIDUPAN

- Renungan

KEPIMPINAN

- Struktur Korporat
- Maklumat Korporat
- Struktur Organisasi
- Lembaga Pengarah
- Pengurusan Kanan
- Pengurusan Lain
- Warga Pelaburan
- Pengurusan Kanan Syarikat-Syarikat Portfolio

PRESTASI

- Laporan Prestasi Pelaburan **88**

TADBIR URUS KORPORAT

- Penyata Tadbir Urus Korporat **124**
- Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman **140**
- Laporan Jawatankuasa Audit **149**
- Dasar Pendedahan **156**

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

162

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

- Peristiwa Penting Korporat **172**
- Glosari Terma Lazim dalam Ekuiti Persendirian **174**
- Direktori Kumpulan **175**



Imbas kod QR ini untuk
melayari laman web rasmi Ekuinas

6

LANGKAH MUDAH UNTUK MELIHAT MAKLUMAT LANJUT DARI LAPORAN TAHUNAN EKUINAS 2014



1 Pasang aplikasi pembaca kod QR. Muat turun aplikasi tersebut dari Apple App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar anda.



2 Klik aplikasi tersebut dan jalankan pemasangan (Sila semak keserasian peranti sebelum pemasangan).



3 Setelah aplikasi dipasang, klik 'buka' dan jalankan aplikasi tersebut.



4 Pilih Imbas Kod bar.



5 Halakan kamera anda pada kod QR. Kamera dipegang kukuh untuk kurangkan gegaran.



6 Telefon pintar anda akan membawa anda ke laman web rasmi Ekuinas.

RINGKASAN TAHUNAN

DIDORONG SECARA KOMERSIAL

KEPERLUAN DIPENUHI · CABARAN DISAHUT

Di bawah bimbingan dan panduan ahli Lembaga Pengarah kami dan seterusnya dengan proses pelaburan yang ketat dan pengurusan yang mantap, kami mengejar matlamat pelaburan secara berhemah dan berdisiplin untuk mewujudkan nilai.







**KEPERLUAN
DIPENUHI.
CABARAN
DISAHUT.**



Alliance Cosmetics Group (ACG), syarikat terkemuka di pasaran umum kosmetik berwarna dan wangian di Malaysia, Singapura dan Brunei.

SEPINTAS LALU 2014

PRESTASI PELABURAN

DIRECT TRANCHE I

PULANGAN
KASAR
PORTFOLIO

RM677.1
JUTA

IRR
KASAR

19.6%
setahun

IRR
BERSIH

15.3%
setahun

DIRECT TRANCHE II

PULANGAN
KASAR
PORTFOLIO

RM148.4
JUTA

IRR
KASAR

31.9%
setahun

IRR
BERSIH

19.3%
setahun

OUTSOURCED TRANCHE I

PULANGAN
KASAR
PORTFOLIO

RM55.0
JUTA

IRR
KASAR

10.6%
setahun

IRR
BERSIH

8.8%
setahun

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

Bilangan pelaburan -
Pelaburan Langsung dan
Program Penyumberan Luar

33

Pelaburan
Langsung

21

Program
Penyumberan Luar

12

Jumlah pelaburan komited oleh Ekuinas

RM2.4
BILION

Jumlah kemasukan modal ke dalam
ekonomi negara, bersama-sama
dengan rakan pelabur swasta

RM3.0
BILION

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL - GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Peningkatan dalam ekuiti Bumiputera

RM4.2 BILION

(1.9 kali ganda modal dilabur)

Peningkatan dalam
Jumlah Nilai Pemegang Saham

RM5.5 BILION

(2.4 kali ganda modal dilabur)

Peningkatan pengurusan Bumiputera sejak
kemasukan Ekuinas di dalam syarikat

9.4%

Peningkatan kakitangan Bumiputera sejak
kemasukan Ekuinas di dalam syarikat

18.3%

SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Keuntungan Selepas Cukai

RM14.5 JUTA

Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)

RM4.1 BILION


Nisbah OPEX kepada FuM

1.0%

MODEL OPERASI EKUINAS

Ekuinas adalah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan dengan matlamat untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi menerusi penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

BAGAIMANA EKUINAS BEROPERASI?



Objektif dicapai secara mesra pasaran, berdasarkan merit dan telus bagi memastikan impak yang mampan untuk jangka masa panjang.

MEMENUHI 2 OBJEKTIF UTAMA...

OBJEKTIF KEWANGAN

Menggalakkan penginstitutionan ekuiti Bumiputera
 Sasaran pulangan: **Min IRR 12%**,
Sasaran aspirasi IRR 20% setahun



Min IRR

12%
setahun

Sasaran
aspirasi IRR

20%
setahun

OBJEKTIF SOSIAL

Menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera

PEMILIKAN
EKUITI

PENGURUSAN

PELUANG
PEKERJAAN

MEWUJUDKAN NILAI
DI SELURUH
RANTAIAN BEKALAN

MELALUI 2 KAEDAH PENTING...

PELABURAN LANGSUNG

PELABURAN
SECARA
LANGSUNG

PELABURAN
'BUY-OUT' DAN
'CONTROLLING
STAKE'

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

MODAL DIPERUNTUKKAN KEPADA
PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR (OFM)
UNTUK TUJUAN PELABURAN

OFM PERLU MENARIK MODAL LUARAN

FOKUS KEPADA
PELABURAN MODAL PERTUMBUHAN

MENSASARKAN 2 KUMPULAN UTAMA

USAHAWAN

MEMBANTU
USAHAWAN DENGAN
MODAL RISIKO

MENINGKATKAN
KEUPAYAAN DENGAN
PENYELIAAN
PROFESIONAL

PENGURUSAN PROFESIONAL

PELUANG KEPADA PENGURUS
BERKALIBER UNTUK MENDAPATKAN SKIM
INSENTIF EKUITI BERDASARKAN PRESTASI

MAKLUMAT PENTING KEWANGAN 2014

1 PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	600.0	600.0
Dana kumulatif diterima daripada YEN	3,000.0	2,400.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	200.0	-
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	200.0	-

2 DANA DITUBUHKAN

	Tahun Ditubuhkan	Saiz Dana RM Juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	2010	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Dilaburkan sepenuhnya
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	2012	1,000.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Komited sepenuhnya
Ekuinas Direct (Tranche III) Fund*	2014	1,500.0	Buy-out dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 tahun	Sedang dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 tahun	Sedang dilaburkan
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 tahun	Sedang dilaburkan

* Baru ditubuhkan pada November 2014

3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Pelaburan Langsung	3,500.0	2,000.0
Penyumbangan Luar	640.0	640.0
	4,140.0	2,640.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	4,427.0	2,927.0

4 RINGKASAN PRESTASI DANA

a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Berkumpulan

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM Juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM Juta
2014			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	10	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	11	917.3	917.3
Jumlah	21	2,175.5	2,297.6
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	10	243.2	675.5
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	2	20.3	50.0
Jumlah	12	263.5	725.5
Jumlah	33	2,439.0	3,023.1
2013			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	10	1,258.2	1,380.3
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	5	375.2	375.2
Jumlah	15	1,633.4	1,755.5
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	7	179.5	595.0
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund	2	20.3	50.0
Jumlah	9	199.8	645.0
Jumlah	24	1,833.2	2,400.5

b. Ringkasan Aktiviti Pelupusan Berkumpulan

	Jumlah Bilangan Pelupusan	Jumlah Terealisasi RM Juta
2014		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	3	954.8
2013		
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	2	409.4

c. Ringkasan Prestasi Kewangan

	Pulangan Kasar Portfolio RM Juta	Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Pelaburan Langsung			
2014			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	677.1	19.6% p.a.	15.3% p.a.
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	148.4	31.9% p.a.	19.3% p.a.
2013			
Ekuinas Direct (Tranche I) Fund	655.9	25.5% p.a.	20.4% p.a.
Ekuinas Direct (Tranche II) Fund	133.0	68.9% p.a.	50.4% p.a.
Dana Penyumberan Luar			
2014			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	55.0	10.6% p.a.	8.8% p.a.
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M
2013			
Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund	12.5	5.0% p.a.	2.4% p.a.
Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund*	-	N/M	N/M

* Prestasi kewangan untuk Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan

d. Prestasi Objektif Sosial - Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM Juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM Juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2014	4,246.2	1.9x	5,517.6	2.4x
2013	2,838.2	1.7x	4,087.5	2.5x

5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	2,640.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	40.3	33.8
Keuntungan selepas Cukai (PAT)	14.5	14.6
Nisbah OPEX kepada FuM	1.0%	1.3%

6 PRESTASI DANA INDIVIDU**a. Ekuinas Direct (Tranche I) Fund**

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	10	10
Aktiviti Pelaburan		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	1,258.2	1,258.2
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	1,380.3	1,380.3
Aktiviti Pelupusan		
Bilangan Pelupusan	3	2
Jumlah Terealisasi	800.8	409.4
Prestasi Kewangan		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	677.1	655.9
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) %	19.6% p.a.	25.5% p.a.
IRR Bersih %	15.3% p.a.	20.4% p.a.
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	1,077.3	1,461.2
Nilai Aset Bersih	914.0	1,264.0

b. Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Saiz Dana	1,000.0	1,000.0
Jumlah Pelaburan	11	5
Aktiviti Pelaburan		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan	917.3	375.2
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	917.3	375.2
Aktiviti Pelupusan		
Bilangan Pelupusan	1	-
Jumlah Terealisasi	154.0	-
Prestasi Kewangan		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	148.4	133.0
Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) %	31.9% p.a.	68.9% p.a.
IRR Bersih %	19.3% p.a.	50.4% p.a.
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	642.5	370.1
Nilai Aset Bersih	300.2	302.0

c. Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Saiz Dana	400.0	400.0
Jumlah Pelaburan	10	7
Aktiviti Pelaburan		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM	341.3	260.8
- Pelaburan Komited oleh Ekuinas	243.2	179.5
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	675.5	595.0
Prestasi Kewangan		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	55.0	12.5
Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) (Tahunan) %	10.6% p.a.	5.0% p.a.
IRR Bersih (Tahunan) %	8.8% p.a.	2.4% p.a.
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	331.1	216.2
Nilai Aset Bersih	331.1	216.2


d. Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

	2014 RM Juta	2013 RM Juta
Saiz Dana	240.0	240.0
Jumlah Pelaburan	2	2
Aktiviti Pelaburan		
Pelaburan Komited yang Dilaksanakan oleh OFM	31.0	31.0
- Pelaburan Komited oleh Ekuinas	20.3	20.3
Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	50.0	50.0
Prestasi Kewangan		
(i) Pulangan		
Pulangan Kasar Portfolio	-	-
Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) (Tahunan) %	N/M	N/M
IRR Bersih (Tahunan) %	N/M	N/M
(ii) Lembaran Imbangan		
Nilai Portfolio	14.8	17.1
Nilai Aset Bersih	14.8	17.1


* Kadar IRR dan IRR Bersih untuk Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana tersebut masih berada di peringkat awal pelaburan.

SOROTAN KEWANGAN LIMA TAHUN


Jumlah Dana Diterima




Jumlah Bilangan dan Nilai Pelaburan Komited




Jumlah Kemasukan Modal ke dalam Ekonomi Negara




Jumlah Bilangan Pelupusan dan Nilai Direalisasi




Prestasi Dana - Ekuinas Direct (Tranche I) Fund




Prestasi Dana - Ekuinas Direct (Tranche II) Fund



Jumlah Nilai Ekuiti Bumiputera dan Pemegang Saham Lain Yang Tercipta



Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM) dan Nisbah FuM Kepada Perbelanjaan Operasi



SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

PELABURAN LANGSUNG

Dilabur



Malaysia/Singapore



Pelupusan Separu



Icon Offshore telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada Jun 2014

Pelupusan Sepenuhnya



Pelupusan: November 2012



Pelupusan: Oktober 2013

PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Dilabur




SEGi
University
Group



R·E·A·L
EDUCATION GROUP



CONSOBIZ
VENTURES
SDN. BHD.
Disposable Diaper Manufacturer



Pelupusan Sepenuhnya

atelier
asia sdn. bhd.

Pelupusan: Mei 2014

PERISTIWA PENTING 2014



Pengumuman keputusan TK2013:

- Pulangan Kasar Portfolio: RM655.9 juta.
- Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR): 25.5% setahun, IRR bersih: 20.4% setahun.
- Peningkatan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM2.8 billion atau 1.7 kali modal dilaburkan oleh Ekuinas.
- Peningkatan Jumlah Nilai Pemegang Saham sebanyak RM4.1 billion atau 2.5 kali modal dilaburkan oleh Ekuinas.



Pelaburan langsung baharu:

Ekuinas mengumumkan pelaburan menerusi cabang Runcit F&Bnya, Integrated Food Group Sdn Bhd (IFG) untuk kepentingan sebanyak 60% dalam Coolbloo, peneraju pasaran tempatan dalam sektor francais pencuci mulut dan minuman.



Icon Offshore disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, menandakan kejayaan penyenaraian pertama syarikat portfolio Ekuinas.

Ekuinas menjana jumlah hasil kasar sebanyak RM545.4 juta daripada penyenaraian ini.



Ekuinas mengumumkan pelaburannya dalam Orkim Sdn Bhd dengan kepentingan sebanyak 95.5%. Orkim adalah salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) Malaysia yang terbesar dengan bahagian pasaran industri hampir 30%.

JUN

OGOS



Ekuinas, bersama-sama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menghoskan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia 2014 yang dihadiri oleh lebih 300 pemimpin industri dan profesional.

SEP



Yayasan Ekuiti Nasional, yayasan amanah yang memiliki Ekuinas, komited untuk mengagihkan RM500.0 juta daripada sebahagian jumlah pulangan Dana pertama Ekuinas, Ekuinas Direct (Tranche I) kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera (YPB) untuk manfaat pemegang unit Bumiputera dana amanah yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).



Pelaburan secara langsung baharu:

Pelaburan komited Ekuinas bernilai RM124.0 juta di dalam Tenby Group, syarikat pendidikan K-12 swasta dengan sukatan pelajaran tempatan dan antarabangsa sebanyak 70%, serta 60% dalam Trangolo, perintis dalam perkhidmatan kiriman wang mudah alih merentas sempadan.



DIG

PERUTUSAN PENGGERUSI

Setelah lima tahun beroperasi, tahun 2014 adalah tahun yang benar-benar menunjukkan keberkesanan model ekuiti persendirian Ekuinas yang unik sebagai satu kaedah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi dengan mewujudkan syarikat-syarikat peneraju pasaran terkemuka Malaysia yang baharu.

Kami berbangga dengan pencapaian kami dalam tempoh lima tahun yang lalu dan ini menjadi inspirasi untuk Ekuinas berganjak ke fasa perjalanan seterusnya dengan semangat baharu untuk menunaikan harapan pihak-pihak berkepentingan kami.





Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi

PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS) MENCECAH TAHUN KE LIMA OPERASINYA PADA TAHUN 2014 DAN SAYA DENGAN SUKACITANYA INGIN BERKONGSI DENGAN ANDA **SOROTAN KEWANGAN DAN OPERASI SYARIKAT UNTUK TAHUN KEWANGAN YANG DIKAJI SERTA PERJALANAN YANG KAMI LALUI SEPANJANG LIMA TAHUN YANG LALU.**

Tahun 2014 terus memberi cabaran kepada kebanyakan ekonomi di seluruh dunia kerana aktiviti pemulihan ekonomi masih belum dicapai sepenuhnya. Ia dijangka akan pulih sedikit pada tahun akan datang apabila IMF World Economic Outlook, yang diterbitkan pada bulan Oktober 2014, mengunjurkan peningkatan dalam pertumbuhan ekonomi global dari 3.3% pada tahun 2014 kepada 3.8% pada tahun 2015, didorong oleh harga minyak yang ketara lebih rendah.

Ekonomi Malaysia kekal teguh berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia pada 2014 yang menyatakan jumlah pertumbuhan ekonomi pada kadar 6% (Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014, 11 Mac 2015), disokong pula oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan pertumbuhan dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan. Namun tinjauan ekonomi untuk 2015 masih sukar untuk diramalkan kerana ekonomi Malaysia bertarung dengan harga minyak yang lebih rendah, nilai mata wang yang semakin lemah dan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Di sebalik persekitaran yang tidak menentu ini, kami gembira Ekuinas melalui satu lagi tahun yang amat produktif dan dipenuhi pelbagai aktiviti. Selepas menempuhi tempoh pelaburan yang mencabar dalam tahun kewangan berakhir 2013 (TK2013), tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014) menyaksikan kadar pelaburan kami kembali meningkat kepada RM500.0 hingga RM600.0 juta seperti yang disasarkan, realisasi pelaburan yang tinggi hasil daripada penyenaraian pertama sebuah syarikat portfolio Ekuinas dan juga prestasi dana yang

berterusan telah membolehkan pengagihan keuntungan Ekuinas yang pertama untuk memanfaatkan lebih ramai komuniti Bumiputera.

Setelah lima tahun beroperasi, tahun 2014 adalah tahun yang benar-benar menunjukkan keberkesanan model ekuiti persendirian Ekuinas yang unik sebagai satu kaedah untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi dengan mewujudkan syarikat-syarikat peneraju pasaran terkemuka Malaysia yang baharu.

MEMENUHI HARAPAN

Kerajaan Malaysia terus menyokong Ekuinas dengan menyalurkan sebanyak RM600.0 juta lagi pada TK2014, menjadikan jumlah peruntukan kepada Syarikat sebanyak RM3.0 bilion atau 60% daripada jumlah asal sebanyak RM5 bilion yang dijanjikan pada masa penubuhannya.

Dengan Ekuinas Direct (Tranche I) Fund yang sudah dalam peringkat realisasi dan Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang sebahagian besarnya digunakan menjelang akhir TK2014, satu dana lain, iaitu Ekuinas Direct (Tranche III) Fund, telah ditubuhkan pada November 2014 dengan modal komited sebanyak RM1.5 bilion, menjadikan ia dana yang terbesar daripada lima dana sedia ada Ekuinas.

Kami gembira selepas kesusutan TK2013, kadar pelaburan meningkat dengan ketara pada tahun ini didorong oleh rangka kerja penyumbangan perniagaan yang lebih tersusun, dengan Ekuinas melaksanakan sejumlah enam pelaburan langsung dan tiga

pelaburan melalui program penyumbangan luar pada jumlah pelaburan komited sebanyak RM605.8 juta.

Ini meningkatkan bilangan portfolio Ekuinas kepada 33 pelaburan dengan pelaburan komited sebanyak RM2.4 bilion. Bersama dengan modal dari pelabur swasta, Ekuinas telah berjaya membantu kemasukan modal lebih RM3.0 bilion, yang mana telah memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Dalam persekitaran yang belum pernah berlaku iaitu penurunan pesat harga minyak yang memberi kesan kepada nilai pasaran semua syarikat Minyak dan Gas (O&G), kami berpuas hati apabila dana-dana Ekuinas telah berjaya mengekalkan prestasinya walaupun sektor O&G mewakili lebih 43% daripada keseluruhan portfolio pelaburannya.

Ekuinas Direct (Tranche I) Fund merekodkan pulangan kasar portfolio sebanyak RM677.1 juta (2013: RM655.9 juta), di mana RM371.9 juta telahpun direalisasikan. Ini bersamaan Kadar Pulangan Dalaman (IRR) kasar sebanyak 19.6% dan IRR bersih sebanyak 15.3% setahun (2013: IRR kasar sebanyak 25.5% dan IRR bersih sebanyak 20.4%). Turut membanggakan adalah Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang juga menunjukkan prestasi yang baik, dengan menjana pulangan kasar portfolio sebanyak RM148.4 juta, bersamaan IRR kasar sebanyak 31.9% dan IRR bersih sebanyak 19.3% setahun.

Portfolio pelaburan Ekuinas

33



PELABURAN

DENGAN JUMLAH KOMITMEN SEBANYAK

RM2.4 BILION

PULANGAN KASAR PORTFOLIO RM677.1 JUTA KADAR PULANGAN DALAMAN (IRR) KASAR 19.6% DAN IRR BERSIH 15.3% SETAHUN

Lembaga Pengarah amat berpuas hati kerana Ekuinas telah secara konsistennya menjana pulangan yang melebihi sasaran pulangan jangka panjang minimum 12% setahun dalam tempoh lima tahun ini dan kini mempunyai rekod pencapaian yang kukuh dalam mencapai prestasi tinggi.

MENCORAK PENERAJU PASARAN, MEREALISASI NILAI

Ekuinas terus melaksanakan inisiatif penciptaan nilai dengan pesat dalam semua syarikat portfolionya sepanjang tahun ini dengan adanya Unit Pengurusan dan Pemantauan Portfolio (PMM) yang berdedikasi. Walaupun pertumbuhan organik kekal mencabar, kemajuan besar dapat dilihat menerusi strategi “Beli dan Bina” yang diterima pakai di mana syarikat-syarikat yang mempunyai perniagaan serupa di dalam industri yang sama digabungkan untuk mewujudkan entiti terkemuka dan seterusnya meneraju pasaran yang lebih besar.

Kejayaan strategi ini dapat dibuktikan oleh Icon Offshore Berhad (ICON), yang pada Jun 2014, telah menjadi syarikat portfolio yang pertama di bawah Ekuinas untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Dengan saiz penawaran hampir RM1.0 bilion, ICON merupakan salah satu penyenaraian terbesar bagi tahun tersebut dan menjana jumlah hasil kasar sebanyak RM545.4 juta dan keuntungan yang direalisasikan sebanyak RM336.5 juta merentasi dua dana, pada IRR kasar 68.0% setahun dan 2.6 kali ganda modal yang dilaburkan.

Walaupun prestasi harga saham selepas penyenaraian ICON agak terjejas oleh penurunan harga minyak sama seperti semua saham minyak syarikat O&G lain, kami melihat nilai jangka panjang yang signifikan pada ICON dan kami komited untuk menyokong syarikat itu untuk mengembangkan lagi perniagaan dan mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat yang tertumpu kepada perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir terbesar di Malaysia.

Melangkah ke tahun keenam operasi dan dengan dana yang menghampiri tempoh kematangannya, ia menjadi semakin penting bagi Ekuinas untuk mempercepatkan inisiatif pelupusan pelaburannya untuk mengekalkan prestasi dana yang unggul. Dalam konteks ini, kami teruja dengan prospek Ilmu Education Group Berhad (ILMU), yang dengan pengambilalihan Tenby Group of Schools, telah menjadikan ILMU satu kumpulan pendidikan pelbagai jenama bersepadu terkemuka di Malaysia, menyediakan perkhidmatan di semua segmen dalam pasaran K-12 dan pengajian tinggi. Matlamat kami adalah untuk menjadikan ILMU sebagai syarikat portfolio kami yang akan disenaraikan dan semua

usaha kini tertumpu kepada merealisasikan matlamat ini dalam tahun kewangan 2015 atau awal 2016.

Kami menyedari bahawa pelaburan ekuiti persendirian adalah berisiko dan ingin menegaskan bahawa tidak semua pelaburan akan menjana nilai yang baik. Oleh itu, kami selalu menekankan bahawa sebagai sebuah firma ekuiti persendirian, prestasi kewangan Ekuinas perlu diukur berdasarkan keseluruhan portfolio dan bukannya secara individu.

Pelaburan Ekuinas di dalam segmen Restoran Perkhidmatan Segera (QSR) melalui francais BURGER KING® malangnya tidak menepati sasaran yang ditetapkan dan dengan itu membawa kepada aktiviti penyusunan semula portfolio F&B kami. Dengan pelaksanaan penyusunan semula ini, Ekuinas memutuskan untuk meninggalkan segmen QSR untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada perniagaan restoran makanan segera casual.

Walaupun bagaimanapun, kami yakin bahawa penumpuan ke atas portfolio F&B di bawah Integrated Food Group (IFG) yang mempunyai lebih 500 cawangan di bawah tujuh jenama yang kukuh akan mewujudkan nilai yang tinggi di masa hadapan dan seterusnya mengulangi kejayaan penyusunan semula portfolio O&G yang sebelum ini dilaksanakan pada tahun 2012.

Kami juga yakin dengan penyertaan pertama kami ke dalam sektor Telekomunikasi, Media dan Teknologi (TMT) baru-baru ini melalui pelaburan ke dalam Tranglo Sdn Berhad iaitu sebuah penyedia perkhidmatan pemindahan masa bualrentas sempadan terkemuka. Kami berharap untuk menyediakan sokongan yang diperlukan oleh syarikat tersebut supaya ia dapat berkembang secara agresif dalam perniagaan pemindahan mudah alih global yang berpotensi tinggi.

**ICON MERUPAKAN SALAH SATU PENYENARAIAN
TERBESAR BAGI TAHUN INI DAN MENJANA
JUMLAH HASIL KASAR SEBANYAK RM545.4 JUTA
DAN KEUNTUNGAN YANG DIREALISASIKAN
SEBANYAK RM336.5 JUTA MERENTASI DUA DANA.**

PULANGAN DIKONGSI BERSAMA

Kami bersyukur kerana prestasi kukuh Ekuinas yang konsisten sepanjang tempoh lima tahun ini telah menjana pulangan besar melebihi jumlah dana peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan. Setelah dibincangkan dan dipertimbangkan sewajarnya, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya telah mendapatkan kelulusan Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) untuk mengguna pakai rangka kerja penggunaan dan pengagihan keuntungan di mana Syarikat akan menyimpan jumlah modal pokok, dan juga sebahagian daripada pulangan keuntungan untuk aktiviti pelaburan semula di masa hadapan bagi membolehkan Ekuinas membiayai operasinya sendiri tanpa perlu bergantung kepada peruntukan Kerajaan pada masa akan datang.

Persetujuan turut dicapai di mana sebahagian daripada keuntungan yang dijana akan diagihkan kepada komuniti Bumiputera yang lain untuk memastikan impak daripada pelaburan Ekuinas dapat dimanfaatkan bersama secara langsung. Untuk tujuan ini, Ekuinas telah menjanjikan sehingga RM500.0 juta untuk diagihkan dari masa ke semasa melalui Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) untuk manfaat lebih 10.0 juta pemegang unit Bumiputera di bawah anak syarikatnya, Permodalan Nasional Berhad (PNB). Menjelang akhir tahun 2014, sejumlah RM200.0 juta telah disalurkan kepada PNB.

Baki dari keuntungan akan diperuntukkan untuk program-program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas yang memberi tumpuan kepada bidang pendidikan, pembinaan keupayaan usahawan, dan mereka yang kurang bernasib baik. Rangka kerja CSR yang komprehensif akan dilaksanakan dalam FY2015 dan adalah menjadi harapan kami supaya menerusi pelbagai aktiviti ini, Ekuinas akan meninggalkan kesan yang positif dan berkekalan ke atas semua komuniti.

IMPAK MERENTASI DIMENSI SOSIAL

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, kami gembira bahawa objektif kewangan telah dicapai seiring dengan pencapaian objektif sosial.

EKUINAS TELAH MENJANJIkan SEHINGGA RM500.0 JUTA UNTUK DIAGIHKAN DARI MASA KE SEMASA MELALUI YAYASAN PELABURAN BUMIPUTRA (YPB) UNTUK MANFAAT LEBIH 10.0 JUTA PEMEGANG UNIT BUMIPUTERA DI BAWAH ANAK SYARIKATNYA, PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB).



Peningkatan Pemilikan Ekuiti

Menjelang akhir tahun kewangan 2014, melalui pelaburan yang dijalankan dan nilai yang dihasilkan, Ekuinas telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera sebanyak RM4.2 bilion, bersamaan 1.9 kali modal yang dilaburkan (2013: RM2.8 bilion, 1.7x).

Pada masa yang sama, jumlah ekuiti untuk semua pemegang saham syarikat portfolio kami turut melonjak sebanyak RM5.5 bilion, iaitu 2.4 kali ganda modal yang dilaburkan (2013: RM4.1 bilion, 2.5x). Ini merupakan satu pencapaian yang penting dan impaknya dapat dilihat dengan jelas membuktikan bahawa Ekuinas sebagai salah satu instrumen inovatif yang diperkenalkan di bawah Model Baru Ekonomi dapat membantu ke arah mencapai ekonomi yang lebih inklusif.

Mengembangkan Kumpulan Modal Insan

Ekuinas juga telah meningkatkan bilangan pengurus dan kakitangan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas kepada masing-masing seramai 356 dan 11,841 orang pada akhir TK2014. Daripada jumlah ini, Bumiputera mewakili masing-masing sebanyak 39.3% dan 52.2%, di mana peningkatan dilihat sebanyak 9.4% dan 18.3% sejak kemasukan Ekuinas di dalam syarikat. Pelaksanaan Pelan Penciptaan Nilai Sosial di syarikat-syarikat portfolio telah membuahkan hasil, dengan adanya peningkatan penyertaan vendor-vendor Bumiputera yang berkeelayakan dan berkebolehan dalam projek-projek utama syarikat-syarikat portfolio kami, setelah menjalani proses pemilihan vendor berasaskan merit yang ketat.

KAMI BERHARAP UNTUK MEMPERCEPATKAN INISIATIF PELUPUSAN PELABURAN UNTUK MEREALISASI NILAI PELABURAN KAMI, TERUTAMANYA DI BAWAH EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND DAN KAMI BERHARAP UNTUK MEMBENTUK PORTFOLIO DANA TERBAHARU KAMI IAITU EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND SELEPAS TRANCHE II DILABURKAN SEPENUHNYA.

Memangkin Pertumbuhan Industri

Ekuinas yang semakin dikenali kini turut mempromosikan industri ekuiti persendirian dalam negeri pada tahun ini dengan menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia pada bulan September 2014 dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Kejayaan majlis yang tertumpu kepada Malaysia ini mengetengahkan penceramah dan ahli panel antarabangsa dan serantau yang telah berkongsi perspektif dan pengetahuan mereka dengan lebih 300 orang peserta. Berdasarkan maklum balas positif yang diterima, ia merupakan acara yang amat dialu-alukan oleh golongan profesional di dalam industri.

Dalam konteks yang sama untuk memacu pertumbuhan industri, kami gembira untuk memaklumkan bahawa prestasi Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund kini bertambah baik dengan IRR kasar sebanyak 10.6% dan IRR bersih sebanyak 8.8% setahun, didorong oleh penciptaan nilai yang dilaksanakan oleh Pengurus Dana Penyumbangan Luar. Dengan kadar pelaburan yang kekal mencabar, Program Penyumbangan Luar kini telah berkembang kepada sebuah portfolio dengan 12 pelaburan merentasi sektor-sektor pertumbuhan tinggi seperti sektor Pendidikan, Pembuatan, Peruncitan dan Percutian.

Ekuinas menjangkakan kemajuan yang berterusan dalam Program Penyumbangan Luar dan merancang untuk terus mendidik komuniti pelaburan Malaysia tentang kedudukan unik ekuiti persendirian (PE) sebagai kelas aset pelaburan strategik yang menarik dengan pulangan yang tinggi, dalam matlamat kami untuk menggalakkan lagi pembangunan industri tersebut.

MANIFESTASI: FOKUS KEPADA PENCAPAIAN PRESTASI YANG KUKUH

Tempoh lima tahun ini memang merupakan tempoh yang amat sibuk bagi Ekuinas dan kami gembira apabila Syarikat telah mencapai keputusan yang disasarkan. Semestinya masih banyak yang perlu dilakukan, perkara yang perlu ditambah baik, kemahiran yang perlu dibangunkan dan juga kekuatan untuk terus dimanfaatkan. Oleh yang demikian, tugas kami ini masih belum selesai dan perlu diteruskan.

Tertakluk kepada peruntukan Kerajaan, Ekuinas terus mensasarkan kadar pelaburan antara RM500.0 hingga RM600.0 juta pada tahun akan datang. Kami berharap agar dapat mempercepatkan inisiatif pelupusan pelaburan untuk merealisasikan nilai pelaburan kami, terutamanya di bawah Ekuinas Direct (Tranche I) Fund dan kami berharap untuk membentuk portfolio dana terbaharu kami iaitu Ekuinas Direct (Tranche III) Fund selepas Tranche II dilaburkan sepenuhnya.

Ekuinas kekal fokus dalam misi untuk melahirkan peneraju pasaran baharu Malaysia dan mengalu-alukan usahawan yang ingin membawa perniagaan bersaiz sederhana mereka ke tahap yang seterusnya. Budaya Ekuinas untuk mencapai prestasi yang tinggi mendorong kumpulan kami untuk sentiasa berusaha mengatasi jangkaan pihak berkepentingan dan kami sentiasa memberi peringatan diri untuk mengekalkan disiplin komersial yang ketat bagi mewujudkan nilai dalam syarikat-syarikat portfolio kami. Kami benar-benar percaya bahawa hanya dengan pencapaian objektif kewangan akan

membolehkan kita mencapai objektif sosial dan meninggalkan impak yang bermakna kepada komuniti Bumiputera.

PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah Ekuinas, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) atas sokongan berterusan mereka, sejajar dengan perjalanan kami yang sukar ini dalam meningkatkan penyertaan Bumiputera secara saksama dan menggarap ekonomi yang lebih inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada semua pihak yang telah menyumbang dan menyokong Ekuinas dalam memastikan ia kekal teguh dalam pencapaian misinya - pihak berkepentingan dan rakan-rakan kami, kumpulan pengurusan serta kakitangan syarikat-syarikat portfolio kami. Terima kasih di atas sumbangan anda sepanjang tahun yang lalu dan saya harap ianya berterusan di tahun-tahun akan datang.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Ekuinas di atas input yang bernilai dan nasihat yang amat berguna sepanjang tahun ini. Kepada Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Dato' Abdul Rahman Ahmad, kumpulan Pengurusan Kanan beliau dan keseluruhan kumpulan Ekuinas, kami ahli Lembaga Pengarah ingin mengucapkan tahniah kepada anda semua di atas kejayaan anda dalam menyampaikan keputusan yang amat membanggakan.

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian unik yang diamanahkan untuk melaburkan dana awam, orang ramai menaruh harapan yang tinggi terhadap Ekuinas. Kami berbangga dengan pencapaian kami dalam tempoh lima tahun yang lalu dan ini menjadi inspirasi untuk Ekuinas berganjak ke fasa perjalanan seterusnya dengan semangat baharu untuk menunaikan harapan pihak-pihak berkepentingan kami.

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Raja Tun Uda**
Pengerusi

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014) adalah tahun yang membawa titik perubahan kepada Ekuinas. Bukan sahaja kadar pelaburan kami kembali meningkat dengan ketara sehingga mencapai tahap bersejarah yang disasarkan, tetapi Ekuinas juga mencapai kemajuan yang besar dalam membangunkan syarikat-syarikat portfolio kami agar menjadi entiti-entiti Malaysia yang menerajui pasaran. Kemuncak bagi tahun ini adalah kejayaan penyenaraian sulung syarikat portfolio Ekuinas. Ini menyerlahkan satu lagi tahun yang mantap bagi prestasi dana Ekuinas, yang memenuhi sasaran pulangan yang ditetapkan serta membolehkan pengagihan sulung keuntungan Ekuinas untuk memanfaatkan lebih ramai komuniti Bumiputera.





Dato' Abdul Rahman Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif

MENJANA KEJAYAAN SELAMA LIMA TAHUN

Lima tahun yang lalu, Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Ekuinas sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian pertama yang dibiayai sepenuhnya bertujuan menyediakan modal bagi syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi. Usaha tersebut seterusnya akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara dan pada masa yang sama mewujudkan syarikat-syarikat terkemuka Malaysia generasi baharu di masa akan datang.

Di dalam konteks ini, tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (TK2014) adalah tahun yang membawa titik perubahan kepada Ekuinas. Bukan sahaja kadar pelaburan kami kembali meningkat dengan ketara sehingga mencapai tahap bersejarah yang disasarkan, tetapi Ekuinas juga mencapai kemajuan yang besar dalam membangunkan syarikat-syarikat portfolio kami agar menjadi entiti-entiti Malaysia yang menerajui pasaran. Kemuncak bagi tahun ini adalah kejayaan penyenaian sulung syarikat portfolio Ekuinas. Ini menyerlahkan satu lagi tahun yang mantap bagi prestasi dana Ekuinas, yang memenuhi sasaran pulangan yang ditetapkan serta membolehkan pengagihan sulung keuntungan Ekuinas untuk memanfaatkan lebih ramai komuniti Bumiputera.

Dalam meneruskan sokongan kepada Ekuinas, Kerajaan Malaysia memperuntukkan RM600.0 juta pada TK2014, menjadikan jumlah peruntukan kepada Syarikat sebanyak RM3.0 bilion atau 60.0% daripada RM5.0 bilion yang diperuntukkan pada awal penubuhannya.

Setelah lima tahun beroperasi, lebih RM2.2 bilion daripada jumlah tersebut telah digunakan sebagai modal pelaburan untuk kedua-dua Pelaburan Langsung dan Program Penyumbangan Luar Ekuinas. Lebih menggalakkan lagi, **hampir RM1.3 bilion telah direalisasikan sebagai keuntungan**, memberikan Ekuinas sejumlah tunai lebih daripada RM1.7 bilion selepas pengagihan sulung keuntungan tersebut.

EKUINAS TELAH MEMBANTU KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI SEBANYAK RM3.0 BILION, YANG MEMBERI KESAN POSITIF KEPADA EKONOMI MALAYSIA.

Selepas melalui TK2013 yang mencabar, kadar pelaburan meningkat dengan ketara di mana Ekuinas telah memuktamadkan sembilan pelaburan berjumlah RM605.8 juta melalui Pelaburan Langsung dan di bawah Program Penyumbangan Luarnya (TK2013: RM246.8 juta). Ini membawa bilangan agregat pelaburan kepada 33 dengan jumlah modal komited sebanyak kira-kira RM2.4 bilion. Bersama-sama dengan modal dari pelabur swasta, ini bermakna Ekuinas telah membantu kemasukan modal ke dalam ekonomi sebanyak RM3.0 bilion, yang memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

PELABURAN LANGSUNG – MENTRANSFORMASI SYARIKAT DALAM PORTFOLIO YANG SEMAKIN BERKEMBANG

Portfolio Pelaburan Langsung Ekuinas terus berkembang pada TK2014, dengan jumlah pelaburan komited sebanyak RM542.1 juta yang dilaksanakan menerusi dua pelaburan susulan, dua pengambilalihan *bolt-on* dan dua syarikat baharu.

Pelaburan baharu tersebut adalah pelaburan dalam Orkim Sdn Bhd (Orkim), salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terbesar Malaysia dan Trangolo Sdn Bhd (Trangolo), sebuah syarikat perkhidmatan transaksi mudah alih utama yang terkemuka untuk masa bual rentas sempadan dan urus niaga pemindahan wang.

Pelaburan sebanyak RM346.3 juta untuk pegangan sebanyak 95.5% dalam Orkim memberi peluang kepada Ekuinas untuk mereplikasi kejayaan kami menerusi pengwujudan Icon Offshore Berhad (ICON), sebagai sebuah syarikat tertumpu sepenuhnya kepada perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terkemuka Malaysia. Dengan rekod pencapaian pertumbuhan yang kukuh



dan pemilikan serta pengurusan 11 buah kapal tangki, Orkim kini mengangkut Produk Petroleum Bersih (CPP) dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan memiliki hampir 30.0% bahagian pasaran industri tempatan.

Pelaburan tersebut memudahkan kemasukan Ekuinas ke dalam industri pengangkutan petroleum hiliran yang mempunyai dinamik pertumbuhan industri yang menggalakkan, terutama di dalam pengangkutan Gas Petroleum Cecair (LPG), sektor yang kini dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Seterusnya, pelaburan ini membentuk asas bagi Ekuinas untuk membangunkan Orkim menjadi kumpulan pengangkutan petroleum dan logistik serantau terkemuka pada masa akan datang.


Pada masa yang sama, pelaburan sebanyak RM54.0 juta untuk pegangan 60% dalam Trangolo merupakan pelaburan pertama Ekuinas ke dalam industri teknologi, media dan telekomunikasi (TMT).

SEMBILAN

PELABURAN BERJUMLAH RM605.8 JUTA

MELALUI PELABURAN LANGSUNG
DAN MENERUSI PROGRAM
PENYUMBANGAN LUAR.

Penggunaan Dana



Pelaburan ini menyediakan platform untuk Ekuinas mengambil bahagian dalam industri pemindahan masa bual rentas sempadan yang agak besar di mana Tranglo merupakan perintis industri, dan juga untuk membantu mengembangkan perniagaannya ke dalam perkhidmatan kiriman wang mudah alih rentas sempadan yang menawarkan potensi tinggi untuk berkembang.

Walaupun perkhidmatan kiriman wang mudah alih masih baharu, industri ini mempunyai potensi tinggi untuk Tranglo mendapatkan pasaran kiriman wang antarabangsa yang besar. Pasaran bagi Asia sahaja kini dianggarkan berjumlah sebanyak USD200.0 bilion. Oleh itu, Ekuinas berhasrat untuk menyokong Tranglo yang berpotensi menjadi salah satu daripada peneraju global dalam perkhidmatan pemindahan masa bual dan pengiriman wang tunai mudah alih antarabangsa.

MENCIPTA NILAI MELALUI PENGURUSAN DAN TADBIR URUS PORTFOLIO SECARA AKTIF

Faktor pembeza utama bagi kejayaan sesebuah firma ekuiti persendirian adalah keupayaan untuk meningkatkan nilai syarikat portfolionya. Ekuinas sentiasa menitikberatkan hal ini dan memberikan

PELABURAN LANGSUNG

2 PELABURAN SUSULAN

2 PEROLEHAN SECARA BOLT-ON

2 SYARIKAT BAHARU

JUMLAH PELABURAN KOMITED

RM542.1 JUTA

tumpuan yang tinggi dalam membangun dan melaksanakan pelan penciptaan nilai bagi syarikat portfolionya terutamanya melalui pengurusan dan tadbir urus portfolio secara aktif.

Melalui kerjasama erat antara kumpulan pelaburan dan unit Pemantauan dan Pengurusan Portfolio (PMM) yang khusus bersama dengan pucuk pimpinan syarikat-syarikat portfolio, Ekuinas memacu inisiatif penciptaan nilai yang merangkumi perumusan strategi, perkembangan pertumbuhan, peningkatan operasi, kemajuan Sistem Pengurusan Maklumat (MIS), dan pengurusan modal insan. Untuk memastikan impak yang bermakna, sasaran pencapaian yang jelas bagi projek-projek penciptaan nilai kritikal dikenal pasti terlebih dahulu di mana pasukan PMM mengetuai projek secara langsung dengan menggerakkan kumpulan dalaman atau menyokong kumpulan syarikat portfolio sedia ada di samping menyediakan sokongan pada peringkat akar umbi dalam bidang analisis dan proses amalan terbaik.

Pada masa yang sama, bagi menyediakan syarikat-syarikat portfolio kami untuk menghadapi penginstitusian syarikat di masa hadapan, kami berusaha gigih untuk mendorong syarikat-syarikat portfolio kami

dalam meningkatkan taraf tadbir urus korporat mereka. Usaha-usaha ini dipantau oleh jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) yang mengendalikan semakan secara teratur ke atas proses perniagaan, yang bertujuan untuk meningkatkan kawalan dan pematuhan dalam syarikat portfolio Ekuinas.

Antara projek-projek yang dilaksanakan dan telah berjaya mencipta nilai yang bermakna pada tahun ini termasuklah mengurangkan kadar kegagalan pelajar hingga separuh di salah satu daripada syarikat-syarikat portfolio pendidikan kami dengan menangani isu-isu kehadiran pelajar dan prestasi akademik; mengesyorkan peningkatan dalam penyelesaian IT dan proses perniagaan untuk menguruskan kitaran hayat pelajar dan meningkatkan integriti data; dan memperkenalkan rangka kerja pengurusan prestasi yang berstruktur, KPI serta proses bagi syarikat F&B dan pembuatan makanan kami.

Meskipun usaha-usaha substantif telah dilaksanakan, pencapaian pertumbuhan organik di syarikat-syarikat portfolio kami kekal mencabar ekoran saiz pasaran domestik yang terhad dan kesan kemerosotan dalam kitaran industri minyak dan gas (O&G).

Sebagai sebuah kumpulan, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas mencatatkan pertumbuhan yang membanggakan dalam hasil digabungkan iaitu sebanyak 6.1% daripada RM1.4 bilion pada TK2013 kepada RM1.5 bilion pada tahun ini. Walau bagaimanapun, pendapatan yang digabungkan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) syarikat-syarikat portfolio adalah hampir tidak berubah pada RM401.9 juta, sebahagian besarnya dipengaruhi oleh prestasi syarikat-syarikat Peruncitan F&B dan OSV. Ini menenggelamkan prestasi kukuh yang dicapai oleh kumpulan pendidikan, terutama oleh Kumpulan Pendidikan APIIT dan UNITAR International University yang terus berkembang di sebalik pasaran pendidikan tinggi yang amat kompetitif.

Walaupun bagaimanapun, kami berharap dengan mengguna pakai strategi pengurusan portfolio secara aktif dan pelaksanaan pelbagai pelan penciptaan nilai di semua syarikat portfolio, Ekuinas mampu mencapai prestasi operasi yang lebih baik bagi tahun kewangan yang akan datang.

STRATEGI “BELI DAN BINA” MELAHIRKAN PENERAJU PASARAN BAHARU

Dengan pertumbuhan organik yang mencabar, Ekuinas terus mengambil peluang memacu nilai melalui strategi “Beli dan Bina” iaitu menjalankan pengambilalihan secara *bolt-on* untuk mengembangkan lagi sektor industri teras sedia ada kami.

Ini dapat dilihat menerusi portfolio F&B kami di bawah Integrated Food Group (IFG) yang mempunyai tahun yang sangat aktif. Pertama, kami telah melaksanakan dua pelaburan susulan berjumlah RM21.0 juta untuk mengembangkan lagi cawangan rangkaian Manhattan Fish Market, Tony Roma’s dan melancarkan jenama baru, New York Steak Shack di bawah Revenue Valley Group serta mengukuhkan kedudukan San Francisco Coffee.

Pada masa yang sama, kami komited untuk melabur sehingga RM50.8 juta untuk pegangan 60.0% dalam Coolblog Sdn Bhd (Coolblog), peneraju pasaran tempatan dalam sektor francais minuman dan pencuci mulut yang memiliki lebih 300 cawangan di seluruh negara dan baru-baru ini berkembang ke Indonesia.

Kami berharap dapat menyokong cita-cita tinggi syarikat Malaysia ini untuk mengembangkan model perniagaannya yang telah dibuktikan berjaya dalam penyediaan hidangan pencuci mulut dan minuman Halal dengan harga berpatutan mengikut format kiosk di pekan-pekan kecil dan bandar-bandar di dalam rantau ASEAN.

Kami menyedari sepenuhnya bahawa bagi sektor F&B, terutamanya di dalam perniagaan Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), ianya adalah amat kompetitif dan memerlukan skala dan modal yang besar serta keupayaan operasi yang kukuh. Selepas kajian terperinci dilaksanakan ke atas portfolio ini, kami mengambil keputusan untuk keluar dari segmen Restoran Perkhidmatan Segera (QSR) melalui penjualan BURGER KING®. Ini membolehkan IFG memberi tumpuan sepenuhnya pada segmen francais restoran kasual dan pencuci mulut dengan enam jenama di bawahnya yang mempunyai hasil digabung sebanyak RM271.7 juta serta mengendalikan 424 cawangan di Malaysia dan di seluruh rantau ini.





SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO
EKUINAS MENCATAT
PERTUMBUHAN 6%
HASIL BERGABUNG
**RM1.5
BILION**
DAN EBITDA
**RM401.9
JUTA**





Malangnya, penjualan portfolio Burger King yang dijalankan selepas proses penjualan kami, di bawah Ilmu Education Group Bhd (ILMU) dengan pengambilalihan 70.0% kepentingan dalam Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby Group) bagi pelaburan komited sebanyak RM70.0 juta. Melalui francais yang kukuh iaitu sebanyak lima buah sekolah di seluruh negara, Tenby Group menguatkan lagi

Dari sudut lebih positif, kami gembira untuk mengembangkan lagi portfolio pendidikan kami, di bawah Ilmu Education Group Bhd (ILMU) dengan pengambilalihan 70.0% kepentingan dalam Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby Group) bagi pelaburan komited sebanyak RM70.0 juta. Melalui francais yang kukuh iaitu sebanyak lima buah sekolah di seluruh negara, Tenby Group menguatkan lagi

kehadiran ILMU dalam pasaran pendidikan swasta K-12, bersama-sama pemilikan sedia ada mereka di dalam Asia Pacific Smart School dan Asia Pacific International School di Subang, Selangor.

Pelaburan itu juga telah meletakkan Ekuinas lebih hampir dengan aktiviti penyenaaraian yang dicadangkan dan pelaksanaan realisasi untuk ILMU, yang telah disasarkan untuk dijalankan pada akhir tahun 2015 atau awal tahun 2016. Dengan ini, ILMU kini memiliki pelbagai portfolio pelaburan pendidikan tinggi dan K-12 serta hasil proforma yang digabungkan sebanyak lebih RM400.4 juta dan EBITDA sebanyak RM107.6 juta. Ini menjadikan ILMU salah satu kumpulan pendidikan bersepadu terbesar di Malaysia dengan jenama pelbagai institusi yang memberikan perkhidmatan merentasi pelbagai segmen pasaran.

KEMAJUAN PESAT DALAM MEREALISASIKAN PELUPUSAN PELABURAN

Pada tahun lalu, di dalam Laporan Tahunan TK2013, kami menekankan kepentingan yang kritikal untuk mempercepatkan inisiatif realisasi kami ketika Ekuinas memasuki tahun kelima operasinya. Oleh itu, kami amat berbangga kerana telah berjaya mencapai penyenaaraian pertama syarikat portfolio

kami, ICON, di Bursa Malaysia Berhad pada bulan Jun 2014.

Tawaran Awam Awal (IPO) oleh ICON telah dijalankan selepas Ekuinas berjaya menggabungkan dua syarikat OSVnya, Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI) pada bulan November 2012 dan telah membantu untuk mengembangkannya menjadi syarikat perkhidmatan OSV terbesar di Malaysia dengan hasil sebanyak RM318.9 juta dan keuntungan bersih yang diselarasikan sebanyak RM90.8 juta. Dengan penawaran sebanyak hampir RM1.0 bilion dan permodalan pasaran semasa penyenaaraian sebanyak RM2.2 bilion, ICON merupakan salah satu daripada IPO terbesar Malaysia pada tahun 2014. Seterusnya, penyenaaraian tersebut telah berjaya menarik sembilan pelabur asas yang kukuh dengan 29.4% daripada jumlah penawaran kepada institusi telah diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera.

Menerusi penyenaaraian tersebut, Ekuinas telah berjaya menjana sejumlah perolehan kasar sebanyak RM545.4 juta dan keuntungan yang direalisasikan sebanyak RM336.5 juta dalam kedua-dua dana, serta mencatatkan IRR kasar yang direalisasikan sebanyak 68.0% setahun serta 2.6 kali modal yang dilaburkan di dalam ICON.

MENERUSI PENYENARAIAAN
TERSEBUT, EKUINAS TELAH BERJAYA
MENJANA SEJUMLAH PEROLEHAN
KASAR SEBANYAK

**RM545.4
JUTA**

DAN KEUNTUNGAN YANG
DIREALISASIKAN SEBANYAK

**RM336.5
JUTA**

DALAM KEDUA-DUA DANA



Lebih penting lagi, kesemua para pengasas, pihak pengurusan dan kakitangan ICON juga telah mendapat manfaat daripada nilai signifikan yang dijana daripada penyenaraian tersebut dalam bentuk wang tunai budi bicara menerusi Pelan Ekuiti Insentif Pengurusan bernilai RM76.8 juta. Ini menunjukkan kesan sosial yang mantap telah dijana oleh model ekuiti persendirian Ekuinas.

Walaupun kami menyedari bahawa prestasi harga saham ICON pasca penyenaraian telah terjejas sama seperti semua saham O&G lain akibat daripada kejatuhan harga minyak, Ekuinas kekal yakin dengan nilai jangka panjang ICON serta terus memegang 42.3% ekuiti dalam syarikat tersebut. Kami komited dalam menyokong ICON untuk mengembangkan lagi perniagaan secara bijaksana serta mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat perkhidmatan OSV terbesar Malaysia. Kami juga melihat kegawatan yang berlaku ketika ini dalam industri global O&G sebagai satu peluang untuk terus melabur dalam sektor tersebut memandangkan nilai aset rata-rata rendah pada pasaran masa kini.

MENJANA HASIL DAN MEMENUHI HARAPAN

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Pengerusi, Raja Tan Sri Arshad, di dalam kenyataan beliau, Ekuinas terus mencatatkan prestasi dana yang kukuh. Ekuinas Direct

(Tranche I) Fund kami yang telah dilaburkan sepenuhnya, menjana pulangan kasar portfolio sebanyak RM677.1 juta, di mana RM371.9 juta telah direalisasikan (TK2013: Pulangan kasar portfolio sebanyak 655.9 juta, yang mana RM111.7 juta daripadanya telah direalisasikan). Ini bersamaan IRR kasar sebanyak 19.6% setahun dan IRR bersih sebanyak 15.3% setahun (2013: IRR kasar 25.5% dan IRR bersih 20.4%).

Di samping itu, dana Ekuinas Direct (Tranche II) Fund yang kini telah hampir sepenuhnya dilaburkan, sedang berkembang dengan baik dan menjana pulangan portfolio kasar sebanyak RM148.4 juta, bersamaan IRR kasar sebanyak 31.9% dan IRR bersih 19.3% setahun.

Walaupun pulangan adalah lebih rendah daripada tahun sebelumnya disebabkan oleh nilai-nilai aset yang ketara lebih rendah terutamanya di dalam sektor O&G, kami gembira bahawa pulangan yang dicatatkan masih melebihi sasaran minimum iaitu sebanyak 12.0% IRR dan hampir mencapai sasaran aspirasi sebanyak 20.0%. Keputusan ini juga mengekalkan rekod kewangan Ekuinas yang kukuh dalam tempoh lima tahun ini dan kedudukan prestasi dana Ekuinas berada pada kuartil teratas jika ditanda aras dengan pasaran dana ekuiti persendirian yang baharu muncul pada tahun vintaj yang sama (Preqin Performance Analyst, September 2014).

Dan dengan strategi-strategi yang tersedia ini, kami berharap untuk meneruskan, malah terus meningkatkan lagi prestasi kewangan yang kukuh ini pada masa hadapan.

MENYEDIKAN MODAL KEPADA LEBIH BANYAK PERNIAGAAN MELALUI PENGURUS DANA PENYUMBERAN LUAR (OFM)

Serentak dengan portfolio Pelaburan Langsungnya, Ekuinas turut menguruskan Program Penyumberan Luar dengan tujuh Pengurus Dana Penyumberan Luar atau *Outsourced Fund Managers* (OFM) yang dilantik. Sebanyak RM640.0 juta telah diperuntukkan untuk program ini di seluruh Tranche I dan II, dan bersama-sama dengan RM287.0 juta yang diperoleh secara bersama oleh OFM dari pelabur-pelabur lain, ini menjadikan jumlah dana yang tersedia untuk pelaburan kepada RM927.0 juta.

Program Penyumberan Luar terus meraih momentum yang baik pada TK2014. Lebih daripada RM80.0 juta pelaburan komited telah dilaksanakan oleh OFM, di mana Ekuinas menyumbangkan modal sebanyak RM63.7 juta. Ini membawa jumlah pelaburan di bawah Program Penyumberan Luar kepada RM372.3 juta dalam 12 pelaburan, yang mana Ekuinas telah menyumbang RM263.5 juta daripadanya.

Kami juga gembira bahawa selepas permulaan yang agak lembab, prestasi dana bagi Program Penyumbangan Luar terus bertambah baik. Didorong oleh pulangan yang kukuh daripada Navis MGO Fund I, yang kini telah dilaburkan sepenuhnya, Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund telah berjaya mencatatkan pulangan portfolio kasar sebanyak RM55.0 juta pada TK2014 (TK013: RM12.5 juta). Ini bersamaan IRR kasar sebanyak 10.6% dan IRR bersih sebanyak 8.8% setahun, yang merupakan peningkatan ketara daripada prestasi tahun sebelumnya (TK2013: IRR kasar 5.0% dan IRR bersih 2.4% setahun).

Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund yang ditubuhkan pada tahun 2013 masih di peringkat awal pelaburan dan kami berharap agar pihak OFM akan mula mempercepatkan pelaburan mereka pada tahun akan datang.

Sejajar dengan mandat kami untuk mengukuhkan lagi firma-firma ekuiti persendirian (PE) tempatan, pada tahun ini kami telah melantik Towers Watson untuk mewujudkan Rangka Kerja Pembangunan OFM yang meliputi amalan terbaik pelaburan firma PE global serta bagaimana ia boleh dilaksanakan dengan cara terbaik oleh OFM kami di dalam operasi mereka sendiri. Kami berharap inisiatif ini adalah berguna dan dapat membantu mereka untuk menjadi firma PE Malaysia yang berjaya dan mampan selepas tamatnya program kami.

MENJANA IMPAK SOSIAL MERENTASI DIMENSI

Dalam memenuhi mandat Kerajaan, Ekuinas mengejar bukan sahaja pulangan kewangan tetapi juga objektif sosial dalam meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera dalam pelbagai dimensi seperti ekuiti, pengurusan dan pekerjaan serta rangkaian nilai.

Melalui pelaburan kami, Ekuinas telah berjaya meningkatkan lagi nilai ekuiti Bumiputera kepada **RM4.2 bilion** pada penghujung tahun, yang mewakili 1.9 kali modal yang dilaburkan (FY2013: RM2.8 bilion, 1.7 kali modal yang dilaburkan). Ini sekaligus membawa kepada penciptaan sebanyak RM5.5 bilion di dalam nilai ekonomi untuk

kesemua pemegang saham syarikat portfolio Ekuinas, yang mewakili 2.4 kali modal yang dilaburkan setakat ini.

Bilangan modal insan di syarikat-syarikat portfolio kami telah berkembang bersama-sama dengan pengembangan Pelaburan Langsung dan portfolio Program Penyumbangan Luar kami manakala menjelang akhir TK2014, syarikat-syarikat portfolio Ekuinas secara kolektif menggajikan seramai 356 orang pengurus dan 11,841 orang pekerja, di mana 39.3% daripada pengurus dan 52.2% daripada pekerja adalah Bumiputera. Ini menunjukkan peningkatan bagi pengurus profesional serta pekerja masing-masing sebanyak 9.4% dan 18.3% semenjak kemasukan Ekuinas.

Kami berbangga dengan keputusan ini yang melambangkan kesan yang jelas dan boleh diukur pendekatan ekuiti persendirian Ekuinas dalam membentuk model ekonomi yang lebih inklusif bagi seluruh rakyat Malaysia.

**PROGRAM
PENYUMBERAN
LUAR**

12

PELABURAN

**EKUINAS TELAH
MENYUMBANG**

**RM263.5
JUTA**

Rangkaian Bekalan dan Pihak Berkepentingan yang lain

Salah satu inisiatif utama untuk membantu memacu pencapaian objektif sosial adalah membangunkan pelan pembentukan nilai sosial yang jelas bagi semua syarikat portfolio kami. Antara acara kemuncak bagi TK2014 adalah program francais untuk syarikat F&B kami di bawah IFG serta peningkatan jumlah pelajar Bumiputera di Asia Pacific University (APU).

Dengan adanya platform F&B yang tersedia di bawah jenama IFG, program francais telah diiktiraf sebagai salah satu cara yang paling berkesan untuk meningkatkan lagi keusahawanan Bumiputera. Pada tahun ini, BURGER KING® telah memperkenalkan francais yang menyaksikan pembukaan dua cawangan francais Bumiputera manakala pengembangan Manhattan Fish Market ke Pantai Timur serta program usahawan Bumiputera yang baru sahaja diperkenalkan oleh Coolblog dengan kerjasama Perbadanan Nasional Bhd (PNS), menyediakan lebih banyak lagi peluang untuk meningkatkan bilangan francais Bumiputera. Sehingga kini, IFG telah memiliki lebih daripada 280 cawangan di bawah francais, yang mana sejumlah 191 cawangan dimiliki oleh Bumiputera.

Sementara itu, usaha untuk meningkatkan bilangan pelajar Bumiputera di APU yang secara tradisinya tertumpu kepada pelajar asing serta yang berasal dari bandar telah membuahkan hasil yang agak memuaskan. Melalui usaha-usaha seperti pemasaran yang tertumpu kepada golongan Bumiputera dan perbincangan dengan institusi penaja biasiswa, peratusan pelajar Bumiputera di universiti telah meningkat daripada 2.0% semasa permulaan kemasukan Ekuinas kepada 9.0%, dengan lebih daripada 900 pelajar Bumiputera kini mendapat manfaat daripada pendidikan berkualiti tinggi yang disediakan.



Menjangkau kepada masyarakat yang lebih luas

Walaupun aktiviti pelaburan kami telah menghasilkan impak ke atas syarikat-syarikat pelaburan kami, satu isu yang mencabar yang sentiasa kami bahaskan ialah bagaimana Ekuinas boleh memberi kesan kepada masyarakat Bumiputera yang lebih luas.

Dalam konteks ini, rangka kerja pengagihan keuntungan yang telah dibangunkan serta diluluskan oleh yayasan pemegang Ekuinas, Yayasan Ekuiti Nasional, adalah pencapaian yang signifikan di mana sebahagian besar daripada keuntungan yang dijana oleh Ekuinas yang telah diagihkan secara langsung kepada masyarakat Bumiputera, dan ini adalah satu penyelesaian kepada isu tersebut.

Kami gembira mendapat kerjasama Yayasan Pelaburan Bumiputera sebagai rakan perintis yang ideal untuk membantu Ekuinas menyalurkan sebahagian daripada pulangan kepada pemegang unit dana Bumiputera di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB). Sebagai institusi pelaburan penjaga untuk Bumiputera dengan lebih daripada 10 juta pendeposit Bumiputera, PNB menyediakan platform yang terbaik bagi Ekuinas untuk berkongsi kejayaan pelaburannya secara langsung dengan masyarakat Bumiputera yang lebih luas dengan cara yang paling efektif dan memberi impak. Seterusnya, pengedaran melalui unit amanah akan memupuk budaya melabur di kalangan masyarakat Bumiputera, di samping membolehkan kekayaan Bumiputera terus dkekalkan dan dipertingkatkan.

Pengagihan seterusnya bagi komitmen sebanyak RM500.0 juta kepada pemegang unit amanah PNB akan dilakukan dari semasa ke semasa, kerana ia memerlukan realisasi penuh pelaburan Ekuinas di bawah Dana Ekuinas Direct. Namun demikian, sebanyak RM200.0 juta sudah pun diagihkan pada akhir tahun.

Dalam usaha untuk terus merealisasikan nilai pelaburan Ekuinas, kami berusaha untuk terus menjana pulangan bagi pihak berkepentingan serta membuat agihan yang serupa dengan institusi pelaburan Bumiputera lain pada masa akan datang, dengan harapan bahawa lebih ramai Bumiputera akan mendapat manfaat daripada pulangan Ekuinas.

Selain daripada keuntungan untuk diagihkan secara langsung kepada masyarakat Bumiputera yang lebih luas, rangka kerja pengagihan Ekuinas juga telah memperuntukkan sebahagian daripada keuntungan untuk mengukuhkan lagi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas. Bertemakan Merealisasi Potensi, usaha CSR Ekuinas memberi tumpuan kepada meningkatkan taraf pendidikan Bumiputera, kebolehpekerjaan para graduan dan pembinaan keupayaan usahawan Bumiputera untuk perniagaan yang lebih kecil, di samping mengurangkan kemiskinan. Maklumat lanjut mengenai aktiviti-aktiviti CSR disediakan di bahagian CSR di dalam laporan ini.

Menstruktur semula Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJB) bersama TERAJU

Seperti yang telah dinyatakan dalam laporan tahun lepas, program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJB) telah disusun semula serta diperkukuhkan untuk membangunkan lebih banyak syarikat tersenarai awam kawalan Bumiputera (PLC) yang terkemuka di pasaran.

Rangka kerja baharu, yang dilaksanakan bersama oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Ekuinas, tidak lagi hanya memberikan bantuan kontrak kerajaan bahkan memberikan khidmat nasihat yang lebih menyeluruh. SJB juga telah diperluas untuk menyediakan bantuan kepada

syarikat-syarikat Bumiputera tersenarai kecil dan sederhana tersenarai yang sedia ada untuk terus berkembang menjadi syarikat terkemuka di pasaran yang lebih besar.

Rangka kerja SJB baru telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar pada majlis pelancaran prospektus bagi Carimin Petroleum Berhad (Carimin), syarikat SJB pertama yang disenaraikan di Bursa Malaysia di bawah program yang telah disusun semula. Ini diikuti dengan penyenaraian sebuah lagi syarikat O&G Bumiputera, EA Technique Bhd pada bulan Disember 2014.

SJB juga sedang bergerak ke arah meningkatkan lagi nilai permodalan pasaran PLC yang dikawal Bumiputera dan bukan semata-mata meningkatkan bilangan syarikat, selaras dengan penekanan Kerajaan terhadap kualiti serta nilai, dan bukannya kuantiti. Untuk kesan yang bermakna, SJB yang diperbaharui mempunyai sasaran yang tinggi bagi meningkatkan permodalan pasaran PLC yang dikawal Bumiputera (tidak termasuk tiga kumpulan terbesar) antara RM7.0 bilion kepada RM10.0 bilion menjelang 2017.

Dengan adanya kedua-dua syarikat SJB yang baharu tersenarai bersama-sama dengan penyenaraian dua syarikat lain yang dikawal Bumiputera, iaitu ICON serta Tanah Makmur Berhad, bermakna lebih daripada RM3.1 bilion dalam permodalan pasaran telah diwujudkan pada tahun ini, dan ini membawa permodalan pasaran PLC kawalan Bumiputera pada akhir TK2014 kepada RM29.2 bilion.

Ini merupakan satu permulaan yang baik untuk skim SJB baharu. Bersama-sama dengan TERAJU, kami berharap untuk memacu peningkatan syarikat permodalan pasaran yang dikawal Bumiputera dalam tempoh tiga tahun akan datang.

MENINGKATKAN PROFIL INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA

Selepas lima tahun beroperasi, Ekuinas kini memainkan peranan yang lebih aktif dalam mempromosikan industri ekuiti persendirian Malaysia di kalangan komuniti pelabur serantau serta antarabangsa.

Bertemakan '**Ekuiti Persendirian sebagai Pemangkin Pertumbuhan di Malaysia**', Ekuinas telah menganjurkan Forum Ekuiti Persendirian Malaysia dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada bulan September 2014, berikutan kejayaan KWSP dalam menganjurkan Sidang Kemuncak Ekuiti Persendirian Global pada tahun sebelumnya. Forum itu bertujuan meletakkan ekuiti persendirian sebagai satu kelas aset pelaburan yang menarik dalam kalangan komuniti pelaburan tempatan dan juga meningkatkan kesedaran tentang potensi nilai transformasi pelaburan ekuiti persendirian serta pada masa yang sama, menonjolkan pemain PE sedia ada dengan pelbagai portfolio di Malaysia serta rantau ini.

Para pelabur kanan, pengurus dana yang berpengalaman dan profesional ekuiti persendirian dari seluruh rantau ini bertumpu di Kuala Lumpur untuk mendengar penceramah terkenal seperti Howard Marks, Pengerusi Oaktree Capital Management, sebuah firma pengurusan pelaburan alternatif global serta D. Brooks Zug, Pengasas dan Pengarah Urusan Kanan HarbourVest Partners, pakar ekuiti persendirian antarabangsa, pelaburan sekunder serta pelaburan bersama secara langsung yang terkemuka. Ahli panel termasuk para profesional dari Navis Capital Partners serta Creador yang berpangkalan di Kuala Lumpur, dan firma serantau seperti KKR, CVC Capital Partners serta Southern Capital Group.

Forum tersebut telah menerima maklum balas yang amat positif, dan adalah satu pencapaian yang tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan daripada rakan penganjur kami iaitu BNP Paribas serta Maybank Investment Bank, bersama-sama dengan The Boston Consulting Group (BCG), KPMG, PricewaterhouseCoopers (PwC) serta Wong & Partners sebagai Penaja Ilmu.



Ekuinas juga terus menyokong persatuan industri, Persatuan Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian Malaysia atau Malaysian Venture Capital and Private Equity Association (MVCA), ke arah meningkatkan kesedaran tentang bagaimana usahawan tempatan boleh mendapat manfaat daripada perkhidmatan dan kekuatan firma PE serta syarikat modal teroka (VC) untuk pengembangan perniagaan.

MENANDA ARAS DENGAN YANG TERBAIK DALAM INDUSTRI

Dalam TK2014, syarikat pengurusan dana Ekuinas terus melaporkan keuntungan yang konsisten selepas cukai sebanyak RM14.4 juta (TK2013: RM14.6 juta). Sesuai dengan tradisi kami untuk mengekalkan kecekapan optimum dan keberkesanan kos dalam semua bidang operasi, operasi Ekuinas kekal dengan kos efektif yang hanya 1.0% daripada jumlah FuM sebanyak RM4.1 bilion (TK2013: kadar 1.3% daripada RM2.6 bilion FuM).

Kami meneruskan usaha melabur dalam operasi Ekuinas untuk mencapai tahap yang setanding dengan firma persendirian global yang terbaik. Pembinaan keupayaan dalaman Ekuinas terus menjadi bidang penting dalam tahun yang dikaji. Program-program

berfokuskan Latihan dan Pembangunan telah diperkukuhkan di seluruh Syarikat manakala pelan Pengurusan Bakat telah disediakan bagi mereka yang dikenal pasti sebagai berpotensi tinggi untuk menjadi pemimpin masa depan Syarikat.

Latihan-latihan dalaman serta sesi luar pejabat menyediakan pemindahan teknologi yang diperlukan serta dipimpin oleh pakar-pakar industri. Ini juga telah memudahkan perkongsian pengetahuan dalam kalangan semua kakitangan ke arah mencapai matlamat bersama iaitu untuk meningkatkan lagi proses dalaman Ekuinas secara keseluruhannya. Untuk mengukuhkan lagi keupayaan mereka, kakitangan kanan kami menghadiri pelbagai kursus pelaburan serta pembangunan kepimpinan di institusi terkenal di seluruh dunia sepanjang tahun.

Dan menjelang akhir tahun, kami telah membangunkan struktur organisasi yang baharu disusun semula yang memberi tumpuan kepada pengukuhan bidang modal insan, kewangan, MIS, PMM dan Hal Ehwal Korporat yang bertujuan untuk memandu Ekuinas agar terus menunjukkan prestasi cemerlang untuk lima tahun yang akan datang.

OPERASI
EKUINAS KEKAL
DENGAN KOS EFEKTIF
YANG HANYA
1.0%
DARIPADA JUMLAH
FuM SEBANYAK
**RM4.1
BILION**

KETELUSAN DALAM PENDEDAHAN KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN

Dalam usaha untuk kekal telus kepada pihak berkepentingan kami, Ekuinas menyediakan pembentangan pelaburan dan operasi secara berkala untuk makluman pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab bagi Ekuinas, serta Seksyen Pembahagian, Unit Perancang Ekonomi (EPU). Melalui maklum balas yang diterima di dalam mesyuarat dan laporan bertulis, Ekuinas dapat meningkatkan kekuatan kami di samping menangani kelemahan ke arah menjadi lebih berkesan dalam mencapai mandat kami.

Sepanjang TK2014, Ekuinas terus mengekalkan hubungan rapat dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan agensi-agensi dana yang berkongsi matlamat yang sama iaitu untuk memperkasakan usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia. Ekuinas telah bekerjasama dengan TERAJU di dalam program SJJB dan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) di dalam beberapa program lain. Ekuinas juga mengambil bahagian di dalam pelbagai program promosi yang dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan media serta acara-acara yang dipimpin oleh NGO.

REKOD PRESTASI YANG KUKUH

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 menandakan kemuncak kepada semua usaha kami sepanjang lima tahun sejak penubuhan Ekuinas, yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada bulan September 2009. TK2014 adalah tahun yang sibuk untuk Ekuinas dalam semua bidang. Dari segi pelaburan, kami menghidupkan semula *'deal pipeline'* dan mencapai kadar pelaburan yang disasarkan serta terus bekerjasama dengan pucuk pimpinan syarikat-syarikat portfolio kami di dalam rancangan pembentukan nilai mereka. Di dalam bidang korporat, kami mempertingkatkan pembinaan keupayaan bagi PLC Bumiputera di samping mendekati masyarakat yang lebih luas melalui inisiatif CSR kami. Tahun tersebut merupakan tempoh yang amat bermanfaat dan kami percaya dengan berpandukan kepada nilai-nilai syarikat di dalam menjalankan operasi kami, Ekuinas boleh memberikan hasil yang lebih besar untuk manfaat semua pihak yang berkepentingan.

Bagi TK2015, kami berharap untuk terus menerima pembiayaan yang sama seperti tahun lepas yang berjumlah RM600.0 juta dan kami berharap untuk menggunakan peruntukan ini dengan mensasarkan untuk memperluaskan portfolio kami di keseluruhan sektor iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Peruncitan - F&B, Barangan Pengguna Laris, Perkhidmatan dan khususnya Penjagaan Kesihatan, di mana kami masih belum melabur. Pada masa yang sama, kami berharap untuk mempercepatkan transformasi lebih banyak syarikat-syarikat portfolio sedia ada agar menjadi pemimpin pasaran yang baharu.

Bagi pihak Ekuinas, kami ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan, terutama Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional, dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Pengerusi, Yang Mulia Raja Tan Sri Arshad kerana sudi berkongsi

kepakaran mereka dan membimbing kami dalam memenuhi mandat yang diberikan kepada Ekuinas sejak lima tahun lepas. Tanpa sokongan Pemegang Amanah, UPE, JPM dan Lembaga Pengarah, kami tidak akan dapat memperoleh apa yang telah dicapai selama ini.

Kami juga mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan perniagaan kami, organisasi media dan kumpulan pihak berkepentingan, kerana memberikan sokongan dan maklum balas kepada Ekuinas selama ini. Tetapi apa yang paling penting, terima kasih kepada semua di Ekuinas dan semua pemimpin syarikat-syarikat portfolio di atas dedikasi, komitmen, tumpuan dan semangat yang ditunjukkan. Anda semua telah bekerja keras dengan semangat dan ketekunan yang tidak berbelah bagi dan saya amat terutang budi kepada setiap seorang daripada anda. Saya berharap dapat bekerja bersama-sama dengan anda pada tahun akan datang untuk terus menunaikan mandat yang telah diberi.

ABDUL RAHMAN AHMAD

Ketua Pegawai Eksekutif

MEMPENGARUHI KEHIDUPAN

PRESTASI TINGGI

MENINGKATKAN ILMU · MEMPENGARUHI KEHIDUPAN

Kami sentiasa menyelaras strategi pelaburan dan meningkatkan keupayaan pengurusan portfolio kami, di samping mengukuhkan mekanisme pemantauan dalam portfolio pelaburan agar ia melebihi jangkaan.






**MENINGKATKAN
ILMU.
MEMPENGARUHI
KEHIDUPAN.**





ILMU Education Group (ILMU) adalah salah satu kumpulan pendidikan terbesar di dalam negara dengan pelbagai portfolio termasuk pendidikan pengajian tinggi seperti Unitar International University, APIIT Education Group, Cosmopoint Group dan Tenby Schools.





RENUNGAN

Bersempena dengan ulang tahun kelima Ekuinas, Pihak Berkepentingan, Syarikat Portfolio dan Pengurus Dana Penyumberan Luar yang dihargai berkongsi pendapat dan pandangan mereka mengenai impak Ekuinas sejak ia ditubuhkan.



Pautan kod QR akan membawa anda ke maklumat yang sesuai untuk melihat pada telefon pintar anda.

“
DAYA KOMERSIL,
TADBIR URUS
KORPORAT YANG
BAIK DAN
PASUKAN
PROFESIONAL
ADALAH ASAS
KEJAYAAN EKUINAS
”

Dato' Sri Abdul Wahid Omar
Menteri di Jabatan Perdana Menteri



DENGAN ADANYA EKUINAS, KINI LEBIH RAMAI DAPAT MENERIMA EKUITI PERSENDIRIAN DAN NILAI YANG BOLEH DIBERIKAN KEPADA SESEBUAH PERNIAGAAN.

Ekuinas sememangnya telah melangkaui jangkaan saya. Prestasi kewangan mereka telah jauh melebihi kadar minimum jangka panjang yang disasarkan bagi Kadar Pulangan Dalamannya sebanyak 12%, satu kadar yang telah ditanda aras dengan pulangan yang dicatat oleh dana ekuiti persendirian global. Kadar Pulangan Dalamannya Bersih tahunan untuk empat tahun pertama operasi sebanyak 20.4% melebihi sasaran aspirasi mereka iaitu 20%. Ini membolehkan mereka meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam ekuiti korporat dan modal dengan cara yang menguntungkan. Dengan mengedarkan RM500.0 juta daripada keuntungannya kepada rakyat, Ekuinas telah melanjutkan capaian mereka kepada komuniti Bumiputera yang lebih luas.

Daya maju komersil, tadbir urus korporat yang baik dan pasukan profesional adalah asas kejayaan Ekuinas. Model perniagaan mereka adalah asas yang kukuh

kerana aspek komersil diutamakan sebelum berusaha ke arah matlamat sosial.

Ini menjadikan mereka berdaya maju dari segi kewangan. Faktor kejayaan kritikal lain adalah penggunaan amalan tadbir urus korporat yang sesuai. Kepentingan tadbir urus yang baik tidak boleh dipandang ringan. Ia mampu melindungi sesebuah organisasi dan mentransformasikan operasi dari atas ke bawah.

Sebelum penubuhan Ekuinas, terdapat banyak aduan mengenai kekurangan akses kepada ekuiti persendirian. Pada masa itu, modal teroka telah tersebar luas tetapi jenis pembiayaan ini tidak memenuhi keperluan sebuah syarikat bersaiz sederhana yang sedang berkembang pesat. Dengan adanya Ekuinas, kini lebih ramai dapat menerima ekuiti persendirian dan nilai yang boleh diberikan kepada sesebuah perniagaan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas Perancangan Ekonomi negara. Beliau bertanggungjawab memantau kemajuan dan prestasi Ekuinas untuk memastikan semua objektif tercapai.

“
MEREKA
MEWUJUDKAN
PELUANG
PEKERJAAN
DALAM SYARIKAT-
SYARIKAT YANG
TELAH MEREKA
LABURKAN,
SEKALIGUS
MEMBINA
KEUPAYAAN
DAN KEMAHIRAN
NEGARA ”

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri

EKUINAS JUGA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA DANA EKUITI PERSENDIRIAN MILIK KERAJAAN BERDASARKAN PRINSIP MESRA PASARAN SEPERTI KETELUSAN DAN MERITOKRASI ADALAH SATU MODEL YANG BOLEH DIGUNAPAKAI.

Pada tahun 2009, satu jurang dalam ekonomi negara telah dikenal pasti: tidak ada sokongan Kerajaan untuk syarikat-syarikat Bumiputera bersaiz sederhana, yang sedang berkembang pesat. Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengambil keputusan untuk memperkenalkan institusi ekuiti persendirian nasional untuk membantu pertumbuhan syarikat-syarikat ini. Ekuinas merupakan buah fikiran beliau.

Saya telah ditugaskan untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah untuk inisiatif baru ini. Saya sentiasa teliti tentang orang yang saya ingin lantik di dalam jawatan penting dan saya tidak pernah menerima tidak sebagai jawapan tetapi apabila mereka telah dilantik, saya tidak akan campur tangan di dalam apa yang mereka lakukan. Ini adalah hakikatnya dengan kedua-dua pemimpin kanan Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad dan Dato' Abdul Rahman.

Raja Tan Sri Arshad, Dato 'Abdul Rahman dan pasukan Ekuinas telah bekerja keras di sepanjang tempoh lima tahun yang lalu. Pencapaian mereka telah melangkaui jangkaan saya. Saya amat berbangga kerana Ekuinas telah mengatasi pulangan kewangan mereka yang disasarkan, mencapai objektif sosial mereka dan komited dalam menyalurkan RM500.0 juta daripada keuntungan mereka kepada komuniti Bumiputera yang lebih luas menerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Banyak lagi manfaat tidak ketara lain yang boleh dikaitkan dengan Ekuinas. Mereka mewujudkan peluang pekerjaan dalam syarikat-syarikat yang mereka telah laburkan, sekaligus membina keupayaan dan kemahiran negara. Ekuinas juga telah membuktikan dengan jelas bahawa dana ekuiti persendirian milik kerajaan berdasarkan prinsip mesra pasaran seperti ketelusan dan meritokrasi adalah satu model yang boleh digunapakai. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan.

Sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari tahun 2009-2013, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop memainkan peranan penting dalam penubuhan Ekuinas terutama sekali dalam merangka struktur, objektif dan mandat Ekuinas.



Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Yusoff

Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Pengarah Bukan Eksekutif Ekuinas

Sebuah institusi ekuiti persendirian Kerajaan adalah sebahagian daripada pelan hala tuju yang digambarkan oleh Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak. Matlamatnya adalah untuk mencapai pasaran yang diliberalisasi, berkesan dan berdaya saing dengan syarikat-syarikat yang boleh bersaing tanpa sokongan atau perlindungan kerajaan. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, Ekuinas memberi tumpuan kepada penciptaan nilai untuk membangunkan syarikat-syarikat terkemuka, kerana ini adalah satu strategi perniagaan yang berkesan untuk pertumbuhan yang mampan.

Ekuinas telah mengatasi sasaran kewangan mereka dan jangkaan saya ke atas prestasi kewangan mereka. Namun, kita tidak harus lupa bahawa pelaburan tidak selalu membuat pulangan positif atau keuntungan sepanjang masa. Ini adalah hakikatnya bagi ekuiti persendirian dan pelaburan-pelaburan lain.

Sebagai pengurus dana ekuiti persendirian, Ekuinas mengambil risiko secara berwaspada. Pada masa-masa tertentu, pelaburan boleh menghasilkan kerugian. Jadi janganlah membuat kesimpulan bahawa Ekuinas bukan lagi sebuah pengurus dana yang baik atau sebuah syarikat yang baik jika ia tidak membuat pulangan tahunan pada masa akan datang. Ia adalah normal bagi sesebuah pelaburan untuk menghasilkan keuntungan atau kerugian. Ekuinas berusaha untuk menguruskan portfolio pelaburan mereka sebaik mungkin supaya pulangan positif dapat dicapai dalam jangka masa panjang.

Ekuinas menyuluhkan perhatian ke atas industri ekuiti persendirian di Malaysia. Langkah seterusnya adalah untuk melepasi rekod prestasi mereka. Melalui usaha-usaha mereka, lebih ramai rakyat Malaysia akan dapat belajar bagaimana untuk mengurus dan mengembangkan syarikat dan perniagaan mereka untuk menjadi lebih kompetitif.

“
**EKUINAS MENYULUHKAN
PERHATIAN KE ATAS INDUSTRI
EKUITI PERSENDIRIAN
DI MALAYSIA**”

Datuk Noriyah Ahmad

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Ekuinas

Bekas Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (2009-2011)

Saya percaya bahawa mereka di belakang Ekuinas yang membentuk kejayaannya. Tan Sri Mohamed Nor Yacop mempunyai kemampuan yang baik dalam memilih orang yang sesuai. Pilihannya, Raja Tan Sri Arshad sebagai Pengerusi dan Dato' Abdul Rahman sebagai Ketua Pegawai Eksekutif adalah tepat. Mereka bijak, bekerja keras dan berintegriti. Pasukan profesional mahir yang telah Dato' Abdul Rahman himpunkan dari awal adalah mengagumkan. Saya sentiasa kagum dengan tahap profesionalisme, kemahiran dan komitmen mereka dalam mencapai objektif Ekuinas.

Cabaran berterusan dihadapi oleh Ekuinas adalah untuk mencari syarikat yang berpotensi di mana mereka boleh menambah nilai dan membawa ke peringkat seterusnya. Pasukan pelaburan mereka mempunyai kriteria pelaburan yang ketat dan mereka tidak berkompromi dengan piawaian yang telah ditetapkan. Ini kerana pelaburan mereka mewakili perkongsian tulen dan Ekuinas tidak mempunyai pendekatan untuk mengambil alih pengurusan tertingit di dalam syarikat-syarikat yang telah mereka laburkan. Sebolehnya mungkin, mereka mengekalkan dan bekerja dengan modal insan yang sedia ada.

Saya juga amat berbangga untuk menyatakan bahawa setiap Ringgit yang dibelanjakan oleh Ekuinas boleh diambil kira dan juga modal pelaburannya sedang berkembang. Ini patut diambil maklum. Ia merupakan sebuah entiti Kerajaan yang mesra pasaran, telus dan berasaskan merit.



“
**SAYA PERCAYA BAHAWA MEREKA
DI BELAKANG EKUINAS YANG
MEMBENTUK KEJAYAANNYA**”

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi Ekuinas

Membuat keputusan memerlukan pertimbangan yang mendalam selepas mengambil kira semua fakta dan angka. Dalam membuat keputusan pelaburan, tiada siapa pun dapat membuat keputusan tepat setiap masa. Inilah hakikatnya untuk mana-mana pelaburan, serta semua institusi pelaburan. Saya memberitahu pasukan di Ekuinas bahawa kami akan membuat pelaburan dengan keputusan yang berdasarkan kepada semua fakta yang diketahui pada masa itu. Semuanya perlu didokumenkan supaya rasional kami di belakang setiap keputusan dapat dijelaskan pada bila-bila masa. Ini membolehkan kami untuk menunjukkan bahawa kami telah melakukan usaha ketekunan wajar yang diperlukan dan dapat mempertahankan keputusan yang dibuat pada masa tersebut.

Selepas tahun pertama beroperasi, kami menyedari bahawa memilih syarikat yang sesuai dan membayar harga yang tepat untuk melaburkan di dalamnya adalah penting. Kami juga menekankan kepentingan melakukan usaha ketekunan wajar yang ketat dan pada masa yang sama, mematuhi kriteria pemilihan kami.

Saya amat gembira bahawa Ekuinas telah memenuhi sasaran sosial dan kewangannya. Penyenaraian Icon Offshore Berhad pada tahun lalu amat membanggakan. Melangkah ke hadapan, kami berharap agar dapat melakukan sesuatu yang serupa dengan syarikat-syarikat portfolio lain.

“
**SAYA AMAT GEMBIRA BAHAWA
EKUINAS TELAH MEMENUHI SASARAN
SOSIAL DAN KEWANGANNYA**”

Dato' Abdul Rahman Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuinas

Saya bersemangat untuk membina syarikat-syarikat dengan melaksanakan inisiatif strategik dalam penciptaan nilai yang berkesan kepada perniagaan. Saya percaya ekuiti persendirian boleh membantu syarikat-syarikat membangun dengan cara ini. Saya juga percaya bahawa objektif sosial untuk mempertingkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera secara saksama dapat dicapai dengan cara berfokuskan pasaran dan berdasarkan merit.

Menubuhkan Ekuinas dan memenuhi jangkaan pihak berkepentingan menuntut usaha yang mendalam bagi tempoh lima tahun yang lalu. Ia merupakan keluk pembelajaran yang curam bagi semua yang terlibat. Terdapat banyak sesi bekerja sehingga lewat malam, perbincangan panjang dan perdebatan sihat. Semua diberi kuasa untuk menyoal keputusan. Ini digalakkan kerana saya percaya pertanyaan dan pandangan yang berbeza membawa kepada pemahaman yang lebih baik dan akhirnya, keputusan pelaburan yang lebih bijak.

Perjalanan ini penuh dengan pancaroba, cabaran dan introspeksi apabila sesuatu tidak berjalan seperti yang dirancang, tetapi kebanggaan dan kelegaan apabila kejayaan tercapai. Ini menjadi paling bermakna apabila kami dapat memberi kesan positif ke atas kehidupan masyarakat. Contoh yang dapat diperhatikan adalah penyenaraian Icon Offshore Berhad di mana melalui skim insentif ekuiti, semua pekerja berkongsi ganjaran. Ia adalah satu pengalaman yang penuh emosi melihat kegembiraan di mata pekerja. Saya sangat gembira dan amat berbangga menjadi sebahagian daripada kejayaan ini.

Pada akhir tahun lalu, kami komited untuk mengagihkan RM500.0 juta daripada keuntungan kami kepada komuniti Bumiputera yang lebih luas. Kami membahaskan cara terbaik untuk melakukannya dan akhirnya memutuskan untuk menyalurkan dana melalui Permodalan Nasional Berhad (PNB) kerana ia telah mewujudkan infrastruktur dan pengedaran saluran yang diperlukan. Sebelum ini, saya ditanya sama ada kerja yang dilakukan oleh Ekuinas akan memberi impak kepada golongan Bumiputera. Sekarang saya tahu bahawa kita boleh dan telah memberikan kesan tersebut.

“
**SEBELUM INI, SAYA AKAN
DITANYA SAMA ADA KERJA
YANG DILAKUKAN OLEH
EKUINAS AKAN MEMBERI
IMPAK KEPADA GOLONGAN
BUMIPUTERA. SEKARANG SAYA
TAHU BAHAWA KITA BOLEH
DAN TELAH MEMBERIKAN
KESAN TERSEBUT**”

Dr Jamal Yusof

Ketua Pegawai Eksekutif, Icon Offshore Berhad (ICON)

Penglibatan Ekuinas dalam Icon Offshore Berhad telah mengembangkan perniagaan kami dengan pesat dari segi saiz dan nilai, dan meningkatkan pembangunan warga kerja kami. Ekuinas meletakkan harapan yang tinggi ke atas kami, serta percaya bahawa kami boleh mencapai sasaran yang ditetapkan. Ini memotivasikan kami untuk berusaha lebih gigih. Sepanjang perjalanan ini, mereka telah mendapat pemahaman yang lebih baik mengenai industri minyak dan gas dan saya percaya ia merupakan kerjasama yang saling menguntungkan.

Saya rasa hormat-menghormati dan persefahaman adalah penting dalam mana-mana kerjasama. Sebuah firma ekuiti persendirian perlu memahami perniagaan yang mereka telah laburkan dan mereka perlu lakukan dengan cepat agar dapat membantu syarikat portfolio mereka dalam merealisasikan matlamat dan juga dalam menghadapi cabaran. Ekuinas bekerja keras dengan kami dalam mencapai matlamat kami untuk menjadi sebuah syarikat yang tersenarai. Saya berterima kasih dengan segala bantuan mereka di dalam proses ini.

Saya menasihati syarikat-syarikat di luar sana untuk merebut peluang untuk bekerja dengan firma ekuiti persendirian. Mereka mempunyai kemahiran, kepakaran dan pengetahuan untuk membawa perniagaan anda ke tahap yang seterusnya. Jangan hanya memberi tumpuan kepada siapa yang mendapat kawalan ke atas syarikat tetapi pada pembangunan sebuah legasi kepada generasi akan datang untuk mewarisi dan berkembang menjadi peneraju dunia.



“
**IA MERUPAKAN KERJASAMA YANG
SALING MENGUNTUNGAN**”

Wan Ahmad Saifuddin

Ketua Pegawai Eksekutif, UNITAR International University (UNITAR)

Ekuiti persendirian merupakan komponen penting dalam rantai nilai pelaburan terutamanya kepada syarikat-syarikat yang berkembang pesat. Ada tanggapan umum bahawa syarikat ekuiti persendirian adalah pelabur jangka pendek tetapi Ekuinas adalah berbeza. Ia adalah sebuah organisasi Kerajaan dengan matlamat tambahan untuk memangkin pembangunan negara.

Syarikat-syarikat harus mempertimbangkan peluang untuk bekerjasama dengan Ekuinas jika diberi peluang. Ekuinas beroperasi seperti sebuah firma ekuiti persendirian profesional dan ini bermakna pemilik perniagaan mesti bersedia untuk pemantauan yang mendalam. Mereka mungkin tidak biasa dengan keadaan ini justeru menganggap Ekuinas sebagai rakan niaga semata-mata. Dengan cara ini, kerjasama akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Sebagai pemegang saham utama UNITAR, Ekuinas adalah sangat teliti dalam memantau operasi terutamanya dalam penglibatan mereka pada lapan belas bulan pertama. Saya menjangkakan ini kerana saya pernah bekerja di Ekuinas selama sembilan bulan sebelum memegang peranan saya di UNITAR.

Tahap pemantauan yang tinggi adalah perlu kerana banyak aktiviti perniagaan, terutama yang dinyatakan dalam pelan 100 hari yang perlu dilaksanakan. Setelah perniagaan menjadi stabil, laporan menjadi lebih cekap dan kita boleh memberi tumpuan kepada isu-isu yang lebih strategik.



“
**EKUITI PERSENDIRIAN ADALAH
KOMPONEN PENTING DALAM
RANTAIAN NILAI PELABURAN,
TERUTAMA BAGI SYARIKAT YANG
BERKEMBANG PESAT**”

Mohamad Kamal Nawawi

*Ketua Pegawai Eksekutif, Cosmopoint Group of Companies
(Cosmopoint Group)*

Memiliki portfolio pendidikan yang terdiri daripada syarikat-syarikat pendidikan tinggi swasta seperti Kumpulan Cosmopoint membuktikan model perniagaan ekuiti persendirian Ekuinas adalah lain dari yang lain. Kebanyakan syarikat ekuiti persendirian konvensional mengelakkan cabaran untuk melabur dalam sektor pendidikan tinggi swasta. Ini kerana ia merupakan industri perkhidmatan yang dikawal ketat dengan nuansa yang unik.

Namun demikian, Ekuinas tidak akan melabur ke dalam industri ini jika mereka tidak melihat peluang untuk mencapai objektif kewangan dan sosial mereka. Ekuinas memahami selok-belok sektor pendidikan tinggi swasta. Demikian juga bagi semua industri yang lain yang telah dilabur oleh Ekuinas dan ini menunjukkan keupayaan mereka kerana setiap industri adalah berbeza.

Pasukan Ekuinas sentiasa berpegang teguh kepada objektif mereka dan ini membolehkan saya bertumpu kepada aspek keuntungan dan kerugian perniagaan. Ini adalah bermanfaat kerana ia sangat mudah untuk terlepas pandang butiran kewangan apabila tenggelam dalam operasi. Kami membincangkan isu-isu dan menjejaki kemajuan dalam mesyuarat bulanan manakala pasukan pengurusan dan pemantauan projek membincangkan inisiatif strategik perniagaan.

Dalam rancangan yang lebih besar, Ekuinas juga berusaha untuk membina kumpulan modal insan Bumiputera. Pengurus profesional yang baik adalah asas kepada syarikat yang berjaya dan kita memerlukan lebih ramai lagi dalam setiap industri.



“PENGURUS PROFESIONAL YANG BAIK ADALAH ASAS KEPADA SYARIKAT BERJAYA DAN KITA PERLU LEBIH RAMAI LAGI DALAM SETIAP INDUSTRI”

Azam Azman

Pengarah Urusan, CMS Opus Private Equity (CMS Opus)

Walaupun pencapaian ketara Ekuinas didokumenkan dengan baik, faedah tidak langsung daripada aktiviti-aktiviti mereka adalah besar dan sukar diukur. Sebagai contoh, mereka berhak mendapat pengiktirafan kerana ia telah menunjukkan manfaat, dan meluaskan peranan industri ekuiti persendirian yang baru berkembang. Kini, ekuiti persendirian diiktiraf sebagai sumber modal yang berdaya maju untuk usahawan yang layak. Memandangkan aktiviti mereka mempunyai kesan riak pada ekosistem industri ekuiti persendirian, Ekuinas telah memberi kesan positif kepada ekonomi negara dan seterusnya, memberikan manfaat kepada semua rakyat Malaysia.

Dalam usaha ke arah mencapai matlamat sosial mereka, Ekuinas mengembangkan penyertaan korporat Bumiputera di samping meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dan keupayaan perniagaan. Ini membantu untuk meningkatkan kecenderungan masyarakat Bumiputera untuk berjaya. Dalam masa jangka panjang, ini akan memenuhi jurang dalam pengagihan pai ekonomi negara.

Ekuinas juga membantu dalam pembangunan firma ekuiti persendirian tempatan. Selain daripada menyediakan dana, mereka bersedia untuk berkongsi pengetahuan, kepakaran dan penemuan. Mereka menganjurkan ceramah dan bengkel bagi Pengurus Dana Penyumberan Luar mereka, yang memberi manfaat kepada syarikat-syarikat seperti CMS Opus. Kepercayaan dan penyertaan mereka sebagai Rakan Terhad dalam dana kami adalah bukti kebolehan kami. Keyakinan yang mereka tunjukkan terhadap kami adalah amat berharga.

“EKUITI PERSENDIRIAN DIIKTIRAF SEBAGAI SUMBER MODAL BERDAYA MAJU”

“

EKUINAS MEMBERIKAN IMPAK SIGNIFIKAN MELALUI PROGRAM PENYUMBERAN LUAR MEREKA”

Raj Ayadurai (Kanan)

Rakan kongsi dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan, Navis Capital Partners (Navis)

Reza Mohd Zin (Kiri)


Pengarah Pelaburan, Navis Capital Partners (Navis)

Sebuah firma ekuiti persendirian akan bekerjasama dengan pemilik dan/atau pengurus perniagaan untuk memacu pertumbuhan dan keuntungan dengan mengukuhkan kepakaran pengurusan, menyampaikan peningkatan operasi, dan membuka akses kepada pasaran baharu. Tidak seperti di negara-negara maju di mana hutang sering digunakan untuk meningkatkan pulangan, ia tidak mustahil untuk menjana pulangan yang tinggi di negara-negara membangun melalui pertumbuhan dan kecekapan operasi. Ini menjadikan ekuiti persendirian sangat berguna untuk diaplikasikan di negara-negara tersebut.

Ekuinas telah mencipta impak yang besar di dalam dua bidang: melalui pelaburan mereka sendiri dan melalui syarikat ekuiti persendirian tempatan dalam Program Penyumberan Luar mereka, yang termasuk Navis. Dengan cara ini, mereka memperluaskan jangkauan ekuiti persendirian dan membuat ia boleh diakses oleh usahawan yang berpotensi dan syarikat-syarikat di Malaysia.

Usahasama dengan Ekuinas telah memberikan kami peluang untuk melabur dalam syarikat-syarikat yang lebih kecil, sesuatu yang biasanya tidak dilakukan oleh dana utama kami. Pelaburan dalam syarikat-syarikat yang lebih kecil membentangkan satu set cabaran yang berbeza tetapi sumbangan ke arah pembangunan syarikat-syarikat memberikan rasa pencapaian yang lebih besar. Kami mendapati ini adalah sebuah pengalaman yang berharga.

Secara peribadi, bekerja dengan Ekuinas amat memuaskan. Mereka bersikap profesional, pragmatik, responsif, mudah untuk bekerjasama, dan memberi sokongan kepada pengurus dana penyumberan luar mereka.



KEPIMPINAN

BERDASARKAN MERIT

MENGHARGAI KEBOLEHAN · MENGIKTIRAF PRESTASI

Kami melabur dalam kakitangan kami. Memilih dan membangun potensi mengikut piawaian tertinggi. Kami telus dalam mewujudkan peluang pekerjaan berdasarkan kejayaan dan kebolehan masing-masing.





**MENGHARGAI
KEBOLEHAN.
MENGIKTIRAF
PRESTASI.**





ekuinas

EKUITI NASIONAL BERHAD



STRUKTUR KORPORAT





MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad
Raja Tun Uda** (*Pengerusi*)

**Tan Sri Dato' Seri
Mohamed Jawhar Hassan**

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Datuk Noriyah Ahmad

Dato' Abdul Rahman Ahmad
(*Ketua Pegawai Eksekutif*)

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Audit

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
(*Pengerusi*)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
Datuk Noriyah Ahmad

Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
(*Pengerusi*)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Jawatankuasa Pelaburan

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

(*Pengerusi*)

Dato' Abdul Rahman Ahmad

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Mazhairul Jamaludin

Nik Johaan Nik Hashim

Amil Izham Hamzah

Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC)

Datuk Noriyah Ahmad (*Pengerusi*)

Dato' Abdul Rahman Ahmad

(*gantian dengan Syed Yasir Arafat Syed Abd
Kadir atau Mazhairul Jamaludin*)

Suridah Jalaluddin

Nik Johaan Nik Hashim

SETIAUSAHA SYARIKAT

Shamsiah A Rahman (MAICSA 7008380)

Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers
Chartered Accountants

BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad

CIMB Bank Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

Prokhas Sdn Bhd

Tingkat 7, Bangunan Setia 1

15 Lorong Dungun

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)

Aras 13, Surian Tower

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya, Selangor

JAWATANKUASA PENGURUSAN

Abdul Rahman Ahmad

(*Ketua Pegawai Eksekutif*)

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

(*Pengarah Urusan, Pelaburan*)

Mazhairul Jamaludin

(*Ketua Pengawai Kewangan/Pengarah Kanan,
Pelaburan/Penyumberan Luar*)

Nik Johaan Nik Hashim

(*Pengarah Kanan, Pelaburan/*

Pengurusan Pihak Berkepentingan)

Amil Izham Hamzah


(*Pengarah Kanan, Pelaburan*)

Suridah Jalaluddin

(*Pengarah Kanan,*

Pelaburan/Perkhidmatan Bersama)

STRUKTUR ORGANISASI



LEMBAGA PENGARAH

A portrait of Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, an elderly man with white hair and glasses, wearing a dark blue suit, white shirt, and blue tie. He is smiling slightly and looking towards the camera. The background is dark and out of focus.

RAJA TAN SRI
DATO' SERI ARSHAD
RAJA TUN UDA

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA ADALAH PENERUS BEBAS BUKAN EKSEKUTIF, EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS). BELIAU JUGA MERUPAKAN PENERUS JAWATANKUASA AUDIT DAN AHLI JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN GANJARAN.

Pada masa ini, Raja Tan Sri Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut: Pengerusi Maxis Berhad dan Pengarah di Khazanah Nasional Berhad serta ACR Capital Holdings. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor dan Pengerusi Yayasan Amir, selain menjadi ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri. Raja Tan Sri Arshad juga adalah Canselor Universiti Selangor.

Raja Tan Sri Arshad adalah mantan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan dan peranan terdahulu beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

Raja Tan Sri Arshad merupakan Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan pernah menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

DATO' ABDUL RAHMAN AHMAD IALAH SALAH SEORANG PENGARAH YANG JUGA MERUPAKAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DI EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS). BELIAU MENGETUAI JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN MERUPAKAN AHLI JAWATANKUASA PELABURAN.

Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegrasi yang ulung di Malaysia. Beliau juga adalah mantan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat Malaysia yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.


Dato' Abdul Rahman memulakan kerjayanya di Arthur Andersen, London, dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/ Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, sebuah syarikat pengurusan aset negara sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd, sebuah firma perunding kewangan korporat.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, United Kingdom dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW). Beliau kini merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Icon Offshore Berhad dan juga Pengarah Bebas di MRCB, Axiata Group Berhad (Axiata), dan M+S Pte Ltd, sebuah syarikat usahasama hartanah antara Khazanah Nasional Berhad dan Temasek Holdings (Private) Limited.



**DATO' ABDUL
RAHMAN AHMAD**

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif



TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR ADALAH PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF DI EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS). BELIAU JUGA MERUPAKAN PENERUSI JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN GANJARAN DAN AHLI JAWATANKUASA AUDIT.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Bank Berhad dan ahli Suruhanjaya di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar adalah Pengerusi, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dalam pelbagai kapasiti sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990 dan kemudiannya sebagai Ketua Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengerusi.

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar merupakan ahli Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi dan ahli Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Beliau juga adalah Pengerusi, Jawatankuasa Nasional Malaysia bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik dan seorang Expert and Eminent Person bagi Forum Serantau ASEAN (ARF).



TAN SRI MOHAMED AZMAN YAHYA

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

TAN SRI MOHAMED AZMAN YAHYA IALAH SALAH SEORANG PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF DI EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS). BELIAU JUGA ADALAH Pengerusi JAWATANKUASA PELABURAN DAN AHLI JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN GANJARAN.

Beliau merupakan pengasas dan Pengerusi Symphony House Berhad, sebuah syarikat perkhidmatan penyumberan luar tersenarai dan Pengerusi Eksekutif, Symphony Life Berhad, sebuah kumpulan hartanah tersenarai. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Khazanah Nasional

Berhad dan AIA Group Limited. Tan Sri Azman juga adalah ahli Majlis Penasihat Pasaran Modal, Suruhanjaya Sekuriti dan Yayasan Laporan Kewangan Malaysia (FRF) serta merupakan Pengarah Sepang International Circuit Sdn Bhd dan Pengerusi Motorsports Association of Malaysia.

Sebelum menceburi bidang perniagaan, Tan Sri Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu menyelesaikan dan menstrukturkan semula hutang bagi

syarikat-syarikat berdaya maju sehingga pembubarannya pada tahun 2002.

Kerjaya beliau sebelum ini merangkumi pengalaman bekerja di bidang audit dengan KPMG di London, bidang kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular dan bidang perbankan pelaburan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Tan Sri Azman memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas pertama di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.



DATUK SERI DR RAHAMAT BIVI YUSOFF

Pengarah Bukan Eksekutif

DATUK SERI DR RAHAMAT BIVI YUSOFF MENYERTAI LEMBAGA PENGARAH EKUITI NASIONAL BERHAD (EKUINAS) SEBAGAI PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF PADA 19 OKTOBER 2011 KETIKA BELIAU DILANTIK SEBAGAI KETUA PENGARAH DI UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA (EPU, JPM).

Datuk Seri Dr Rahamat telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia selama lebih 30 tahun, di mana jawatan pertama beliau adalah sebagai Penolong Setiausaha (Bahagian Cukai) di Kementerian Kewangan (MOF) dan seterusnya beliau telah memegang pelbagai jawatan, antaranya Pengarah Bahagian Belanjawan di MOF, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro di EPU, JPM, Pegawai Projek di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Pengarah di Suruhanjaya Tenaga. Sebelum dilantik menjadi Ketua Pengarah EPU, JPM, Datuk Seri Dr Rahamat merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, MOF menerajui Bahagian Sistem dan Kawalan.

Datuk Seri Dr Rahamat juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga ialah ahli Majlis di Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Sabah Economic Development & Investment Authority (SEDIA), Sarawak Corridor of Renewable Energy (RECODA) dan East Cost Economic Region Development Council (ECERDC).

Datuk Seri Dr Rahamat memiliki ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia, ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat dan beliau juga telah menerima ijazah Kedoktoran dari Australian National University.



DATUK NORIYAH AHMAD

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**DATUK NORIYAH AHMAD
IALAH SALAH SEORANG
DARIPADA PENGARAH BEBAS
BUKAN EKSEKUTIF DI EKUITI
NASIONAL BERHAD (EKUINAS),
AHLI JAWATANKUASA
AUDIT DAN Pengerusi
JAWATANKUASA
PELABURAN CSR.**

Datuk Noriyah merupakan mantan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (EPU, JPM), iaitu jawatan terakhir yang disandang setelah lebih 30 tahun berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Beliau memulakan kerjaya dengan Kerajaan sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, EPU, JPM, dan kemudian memegang pelbagai jawatan di Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Lembah Klang, INTAN, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Pada tahun 2003, beliau menyandang jawatan sebagai Pengarah Seksyen Pengagihan di EPU, JPM

dan dinaikkan pangkat kepada Timbalan Ketua Pengarah I pada tahun 2005. Datuk Noriyah dilantik menjadi Ketua Pengarah EPU, JPM pada tahun 2009, sebelum bersara pada bulan Oktober 2011.

Datuk Noriyah juga merupakan Pengerusi Bersama bagi Malaysia-Thailand Joint Authority (MJTA) dan ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Zecon Medicare Sdn. Bhd. dan Prokhas Sdn. Bhd.

Datuk Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Ekonomi Gunaan (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

PENGURUSAN KANAN



**ABDUL RAHMAN
AHMAD**

Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif

**SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**

*Pengarah Urusan,
Pelaburan*

**MAZHAIKUL
JAMALUDIN**

*Ketua Pegawai Kewangan dan
Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumbaran Luar*

Profil Abdul Rahman dibentangkan di halaman 70.

Syed Yasir Arafat ialah Pengarah Urusan, Pelaburan di Ekuinas dan beliau adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan juga Jawatankuasa Pengurusan. Syed Yasir Arafat kini menyelia Kumpulan Pelaburan Ekuinas dan menerajui portfolio pelaburan Syarikat dalam sektor minyak dan gas (O&G) dan juga sektor perkhidmatan.

Sebelum menyertai Ekuinas, beliau merupakan Pengurus Negara (Perbankan Borong ING) yang menyelia operasi kedua-dua syarikat ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd dan ING Bank (Labuan) di Malaysia. Beliau berkhidmat selama 9 tahun di ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd bermula sebagai VP Corporate Finance di mana beliau mengendalikan operasi penggabungan dan pengambilalihan (M&A), penubuhan dana ekuiti dan dana berkaitan ekuiti, penubuhan dana pinjaman dan menjadi penasihat kewangan kepada beberapa syarikat peneraju Malaysia yang terlibat dalam bidang perbankan, perladangan, automotif, telekomunikasi dan hartanah.

Sebelum itu, Yasir pernah berkhidmat di United Overseas Bank (Malaysia) Berhad, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Commerce International Merchant Bankers Berhad dan Aseambankers Malaysia Berhad.

Yasir memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang Perakaunan dan Pengurusan Kewangan dari University of Essex, United Kingdom.

Mazhairul Jamaludin ialah Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah Kanan, Pelaburan/Penyumbaran Luar serta ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau menerajui Program Penyumbaran Luar Ekuinas dan merupakan Pengarah Kanan yang bertanggungjawab membina portfolio pendidikan Ekuinas. Sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Mazhairul juga bertanggungjawab menyelia hal-hal berkaitan pengurusan kewangan, laporan portfolio dan perbendaharaan. Beliau turut merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Penasihat beberapa syarikat pengurus Penyumbaran Luar Ekuinas.

Sebelum ini, Mazhairul menyandang jawatan Pengawal Kewangan dan Timbalan Presiden Kanan, Perkhidmatan Komersial, Multi Channel TV di ASTRO, sebuah kumpulan media terkemuka di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan televisyen bersatelit DTH (Direct-To-Home), radio komersial dan program televisyen.

Beliau juga pernah bertugas sebagai Timbalan Presiden Pelaporan Perakaunan dan Pengurusan Kewangan di Celcom, salah sebuah syarikat telekomunikasi mudah alih terulung negara serta pernah berkhidmat di Arthur Andersen dan Ernst & Young.

Mazhairul memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di dalam bidang Perakaunan & Kewangan dari University of Lancaster, United Kingdom dan adalah Fellow di Persatuan Akauntan Bertauliah Berpiagam (ACCA) dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).



**NIK JOHAAN
NIK HASHIM**

*Pengarah Kanan,
Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan*

**AMIL IZHAM
HAMZAH**

*Pengarah Kanan,
Pelaburan*

**SURIDAH
JALALUDDIN**

*Pengarah Kanan,
Pelaburan/Perkhidmatan Bersama*

Nik Johaan Nik Hashim ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan serta Jawatankuasa Pengurusan. Nik Johaan merupakan salah seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas pelaburan Ekuinas dalam sektor makanan & minuman (F&B) serta sektor perkhidmatan. Beliau juga menerajui fungsi Pengurusan Pihak Berkepentingan di Ekuinas.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nik Johaan bertugas di CIMB Investment Bank dan mempunyai pengalaman perbankan lebih 18 tahun terutamanya di dalam bidang perbankan pelaburan di mana beliau mengetuai dan mengendalikan urusniaga pasaran modal pinjaman, pensindiketan pinjaman, tawaran awam awal (IPO), penasihat projek dan pelaksanaan penstrukturan semula hutang. Dalam tempoh perkhidmatannya di bank tersebut, beliau juga telah bertugas selama tiga tahun di CIMB Bank sebagai Pengarah Kawasan bagi bahagian perbankan pengguna dan perbankan perniagaan. Jawatan terakhir yang disandang oleh beliau di CIMB ialah Pengarah dan Ketua, Perhubungan Perbadanan Multinasional dan Kerajaan.

Nik Johaan menamatkan pengajian di University of Leicester, United Kingdom dengan ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Ekonomi dan mempunyai ijazah Sarjana dalam bidang Perbankan Antarabangsa & Perkhidmatan Kewangan dari University of Reading, United Kingdom.

Amil Izham Hamzah ialah Pengarah Kanan Pelaburan di Ekuinas dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan. Beliau adalah salah seorang Pengarah Kanan yang bertanggungjawab ke atas portfolio Ekuinas dalam sektor pendidikan dan sektor makanan & minuman (F&B).

Sebelum ini, Amil Izham menyandang jawatan Ketua Pegawai Kewangan di Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) di mana beliau bertanggungjawab menguruskan laporan kewangan, perbendaharaan, penstrukturan semula hutang, penggabungan dan pengambilalihan, dan perhubungan pelabur. Beliau juga pernah bertugas di PricewaterhouseCoopers Kuala Lumpur, Petronas dan juga Deloitte Touche Tohmatsu di Perth, Australia.

Amil Izham ialah ahli Institut Akauntan Berpiagam Australia (ICAA) dan memiliki ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari University of New South Wales, Sydney, Australia dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di bidang Pemasaran Antarabangsa dari Berne University of Applied Sciences, Switzerland.

Suridah Jalaluddin ialah Pengarah Kanan, Pelaburan/Perkhidmatan Bersama di Ekuinas dan merupakan pengarah gantian kepada Dato' Abdul Rahman Ahmad dalam Lembaga Pengarah syarikat portfolio Ekuinas iaitu Alliance Cosmetics Group. Suridah menyelia semua fungsi perkhidmatan bersama yang meliputi modal insan, pentadbiran, pengurusan sistem maklumat, komunikasi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Suridah merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif di NTV7, sebuah stesen televisyen popular milik Media Prima Berhad (MPB), berikutan penjualan syarikat medianya sendiri iaitu Big Tree Outdoor Sdn Bhd (Big Tree) kepada MPB. Beliau menubuhkan Big Tree pada tahun 1994 untuk memberi tumpuan kepada pengiklanan papan tanda di lebuh raya, pusat transit dan gedung membeli-belah. Kegigihan Suridah telah membolehkan beliau mengembangkan syarikat menjadi salah sebuah syarikat pengiklanan luar terbesar di Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman yang luas di dalam bidang media, pengiklanan dan komunikasi, di Malaysia dan juga United Kingdom.

PENGURUSAN LAIN





HENG KHIM HUI

*Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio,
Penciptaan Nilai dan Operasi*



**SHARIFAH
NORALINA
SYED YASSIN**

Pengarah, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio, Sumber Manusia



**NORAMLY
BACHOK**

Ketua, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko



WAN MOHD AZRAN

Pengarah Bersekutu, Perundangan

WARGA PELABURAN



Kiri ke Kanan:

1. RIZAL MOHD ZIN
2. MOHD IRWAN AHMAD MUSTAFA
3. HOWARD SOH SOON HU'ANG

Kiri ke Kanan:

4. LIM FU YEN
5. TENGKU MOHAMED HAFIZ SAFIYUDDEEN
6. MOHAMED OMAR FATEH MOHAMED



Kiri ke Kanan:

7. HASLINA ALI
8. WONG PAI SENT
9. TENGKU ADRINNA SHAHAZ TENGKU AZMAN



Kiri ke Kanan:

- 10. TEO WEI MIN
- 11. WAFIY ABDUL AZIZ
- 12. SALAHUDDIN KHAIRUDDIN

Kiri ke Kanan:

- 13. ADDENO ABDUL RASYID
- 14. MOHAMMAD BAZIL RAZIF
- 15. MOHD AFIQ MOHD FOZI



Kiri ke Kanan:

- 16. AHMAD FAEEZ MOHD SOFFI
- 17. NADHRA IMAN AHMAD FAUZI

PENGURUSAN KANAN SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO



1.



2.

ICON OFFSHORE BERHAD

1. Dr. Jamal Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Zaleha Abdul Hamid
Ketua Pegawai Kewangan

KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT

1. Datuk Dr. Parmjit Singh
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Mohd Helmy Norman
Ketua Pegawai Kewangan
3. Dr. Athula Pitigala Arachchi
Ketua Pegawai Eksekutif, APIIT Lanka



1.



2.



3.



1.



2.

UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY

1. Wan Ahmad Saifuddin Wan Ahmad Radzi
Ketua Pegawai Eksekutif
2. Muhammad Lukman Musa
Ketua Pegawai Operasi/Ketua Pegawai Kewangan

KUMPULAN COSMOPOINT

1. Mohamad Kamal Nawawi
Ketua Pegawai Eksekutif, Cosmopoint Group of Companies
2. Muhamad Firdaus Jamal
Naiib Presiden Kewangan, Cosmopoint Group of Colleges
3. Izz Al-Din Maslan
Ketua Eksekutif, Cosmopoint Group of Colleges



1.



2.



3.

ALLIANCE COSMETICS GROUP

1. Ng Chee Eng
Ketua Pegawai Eksekutif



1.



1.

KUMPULAN REVENUE VALLEY

1. George Ang
Ketua Pegawai Eksekutif



1.



2.

KUMPULAN COOLBLOG

1. Eng Ser Chin
Pengarah Urusan

2. Jerrene Pang
Pengarah Eksekutif

SAN FRANCISCO COFFEE

1. Koo Sue San
Pengurus Besar

2. Rashdan Othman
Pengarah Operasi



1.



2.



1.



2.

ORKIM SDN BHD

1. Wan Izani Wan Mahmood
Pengarah Eksekutif

2. Captain Khoo Chin Yew
Pengarah Eksekutif

PRIMABAGUZ

1. Wong Kok Heng
Ketua Pegawai Eksekutif

2. Yusmaleni Idrus
Pegawai Kewangan



1.



2.

ILMU EDUCATION GROUP

1. Liza Karim
Pengarah, Perkhidmatan Bersama

2. Nuraini Hamid
Pegawai Kewangan



1.



2.

PRESTASI

BERSEMANGAT

PRESTASI UNGGUL · MENCIPTA NILAI

Kami melaksanakan kemajuan strategik dan kukuh ke arah
mencapai wawasan pertumbuhan dan memenuhi mandat dengan
mencapai prestasi luar biasa.







**PRESTASI
UNGGUL.
MENCIPTA
NILAI.**




Ekuinas Food Group adalah salah satu kumpulan makanan yang terbesar di Malaysia dengan jenama F&B yang kukuh seperti Tony Roma's, Manhattan Fish Market, San Francisco Coffee, Coolblog dan pembuatan makanan, PrimaBaguz.

LAPORAN PRESTASI PELABURAN

A. KESELURUHAN


1. Dana Diterima

Jumlah dana terkumpul diterima RM3.0 bilion : RM600.0 juta diterima pada 2014



2. Penggunaan Dana

Modal dilaburkan RM2.2 bilion : RM1.3 bilion sudah terealisasi



B. PELABURAN LANGSUNG

1. Tinjauan Dana

EKUINAS DIRECT (TRANCHE I) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE II) FUND	EKUINAS DIRECT (TRANCHE III) FUND
Tahun Penubuhan 2010	Tahun Penubuhan 2012	Tahun Penubuhan 2014
Status : Diagihkan Sepenuhnya	Status : Komited sepenuhnya	Status : Dilaburkan
Modal Komited RM1.0 bilion	Modal Komited RM1.0 bilion	Modal Komited RM1.5 bilion
Tempoh 5 tahun + 2 tahun	Jangka masa pelaburan 3 tahun to 5 tahun	
Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	Tumpuan Geografi Malaysia	
Tumpuan Pelaburan Buy-Out dan Dana Modal Pertumbuhan	Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Percutian, Medikal dan Perkhidmatan	

2. Aktiviti Pelaburan

a) Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2014



RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Pelaburan Susulan (follow-on):					
1. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B		3.0	-	3.0
2. Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B		18.0	-	18.0
Pelaburan Baharu:					
1. Coolblog Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%	50.8	-	50.8
2. Orkim Sdn Bhd (Orkim)	Minyak & Gas	95.5%	346.3	-	346.3
3. Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%	70.0	-	70.0
4. Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan	60.0%	54.0	-	54.0
Jumlah untuk tahun 2014			542.1	-	542.1

b) Aktiviti Pelaburan Langsung Kumulatif sehingga 31 Disember 2014




RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan Komited	Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
Ekuias Direct (Tranche I) Fund					
1. Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%	39.9	119.6	159.5
2. Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%	99.8	-	99.8
3. Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%	241.0	-	241.0
4. Asia Pacific Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%	102.0	-	102.0
5. Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan - F&B	74.1%	68.2	-	68.2
6. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	90.0%	30.0	-	30.0
7. Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	85.8%	64.6	-	64.6
8. Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%	246.0	-	246.0
9. UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%	58.5	2.5	61.0
10. Icon Offshore Berhad (Icon)	Minyak & Gas	70.7%	308.2	-	308.2
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			1,258.2	122.1	1,380.3
Ekuias Direct (Tranche II) Fund					
1. Burger King Singapore Pte Ltd (BKS)	Peruncitan - F&B	100.0%	78.2	-	78.2
2. Icon Offshore Berhad (Icon)	Minyak & Gas	17.4%	175.9	-	175.9
3. PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%	40.0	-	40.0
4. Cosmo Restaurants Sdn Bhd (BKM)	Peruncitan - F&B	20.9%	48.8	-	48.8
5. Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	76.5%	32.3	-	32.3
6. Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	-	3.0	-	3.0
7. Revenue Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	-	18.0	-	18.0
8. Coolblog Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%	50.8	-	50.8
9. Orkim Sdn Bhd (Orkim)	Minyak & Gas	95.5%	346.3	-	346.3
10. Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%	70.0	-	70.0
11. Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan	60.0%	54.0	-	54.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			917.3	-	917.3
Jumlah Kumulatif Pelaburan yang dilaksanakan			2,175.5	122.1	2,297.6

c) Analisis Komposisi Pelaburan



MENGIKUT SEKTOR



MENGIKUT KATEGORI





KAWALAN VS MODAL PERTUMBUHAN





c) Analisis Komposisi Pelaburan (sambungan)

SYARIKAT TERSENARAI VS
SYARIKAT PERSENDIRIAN

■ Syarikat Tersenarai
■ Syarikat Persendirian

SYARIKAT MANDIRI (STANDALONE)
VS BELI & BINA

■ Syarikat Mandiri (Standalone)
■ Beli & Bina



3. Aktiviti Pelupusan

a) Aktiviti Pelupusan pada tahun 2014

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% pemegangan Dana Terealisasi	Kos Pelaburan Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
Separa Terealisasi						
Icon Offshore Berhad [#]	2014	52.0	208.9	545.4	68.0%	2.6

b) Aktiviti Terealisasi Kumulatif pada 31 Disember 2014

Syarikat RM juta	Tahun Terealisasi	% pemegangan Dana Terealisasi	Kos Pelaburan Terealisasi	Jumlah Terealisasi	IRR Kasar % Tahunan	Gandaan Nilai
Terealisasi Sepenuhnya						
Tanjung Offshore Berhad*	2012	100.0	99.8	62.0	-19.2%	0.6
Konsortium Logistik Berhad	2013	100.0	241.0	347.4	19.4%	1.5
Separa Terealisasi						
Icon Offshore Berhad [#]	2014	52.0	208.9	545.4	68.0%	2.6
Jumlah Hasil Terealisasi				954.8	27.0%	1.7

* Pelupusan pelaburan dalam Tanjung Offshore Berhad adalah sebahagian daripada aktiviti penstrukturan semula portfolio O&G Ekuinas apabila ia melabur semula hasil sebagai pelaburan tambahan dalam Icon Offshore Berhad.

[#] Terealisasi merentasi dua dana; Ekuinas Direct (Tranche I) Fund and Ekuinas Direct (Tranche II) Fund.

4. Prestasi Syarikat Portfolio


a) Prestasi Syarikat Portfolio – Hasil dan EBITDA bergabung

	Hasil Digabungkan (RM juta)			EBITDA (RM juta) *		
	2014 A	2013 B	% Pertumbuhan A - B	2014 A	2013 B	% Pertumbuhan A - B
Education	317.4	296.7	7.0%	88.7	85.5	3.7%
BK Group	256.7	226.5	13.4%	(10.2)	(10.1)	(0.9%)
Food Group	271.8	231.9	17.2%	25.7	26.5	(3.1%)
PrimaBaguz	66.3	63.8	3.9%	10.8	10.4	4.3%
Food Group	338.0	295.7	14.3%	36.5	36.9	(1.0%)
Icon Offshore	318.9	334.9	(4.8%)	184.7	190.9	(3.2%)
Orkim	143.5	136.4	5.2%	70.1	67.8	3.5%
ACG	102.2 [#]	100.0 [#]	2.2%	98.5 [#]	100.0 [#]	(1.5%)
Jumlah Syarikat Portfolio	1,518.4	1,430.9	6.1%	401.9	403.5	(0.4%)

* EBITDA dan Keuntungan Selepas Cukai (PAT) tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa.

[#] Keputusan ACG dilaporkan dalam nilai indeks.

b) Prestasi Syarikat Portfolio – Pertumbuhan Hasil dan EBITDA bergabung



Ini mewakili jumlah proforma disatukan untuk semua syarikat portfolio sedia ada seolah-olah mereka berada di bawah pemilikan Ekuinas untuk sepanjang tahun.

5. Prestasi Dana

5.1 Ekuinas Direct (Tranche I) Fund

a) Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2014

	2013 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2014 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	1,080.0	15.7	1,095.7
C. Modal Dilabur semula	166.0	2.0	168.0
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	1,246.0	17.7	1,263.7
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	40.0	-	40.0
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	1,286.0	17.7	1,303.7
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	43.1	17.2	60.3
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	558.8	(253.6)	305.2
Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	68.6	259.1	327.7
Perbelanjaan Faedah	(14.6)	(1.5)	(16.1)
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	655.9	21.2	677.1
Perbelanjaan Organisasi	(214.6)	22.3	(192.3)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	(463.3)	(411.2)	(874.5)
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(22.0)	(367.7)	(389.7)
G. Nilai Aset Bersih	1,264.0	(350.0)	914.0
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	902.4	(130.3)	772.1
Peningkatan/(Pengurangan) atas Nilai Saksama Pelaburan	558.8	(253.6)	305.2
Pelaburan pada Nilai Saksama	1,461.2	(383.9)	1,077.3
Tambah: Baki Tunai	36.4	(30.4)	6.0
Tambah: Modal Kerja	(233.6)	64.3	(169.3)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	1,264.0	(350.0)	914.0
Nilai Aset Bersih	1,264.0	(350.0)	914.0
H. Modal Diagihkan	297.3	413.2	710.5
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	1,561.3	63.2	1,624.5
IRR Kasar Tahunan	25.5%		19.6%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	20.4%		15.3%

* termasuk pengagihan modal dilabur semula.

b) Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche I) pada 31 Disember 2014


Syarikat	Kepentingan %	Kos Pelaburan* RM juta
Pelaburan:		
ACG	20.0	39.9
APIIT	51.0	102.0
Cosmopoint	90.0	246.0
UNITAR	90.0	58.5
SF	90.0	17.0
BKM	74.1	68.2
RV	85.8	64.6
Icon	32.8	175.9
		772.1
Pelupusan:		
TOB	24.0	99.8
KLB	61.6	241.0
Icon	38.0	132.3
		473.1

PULANGAN KASAR PORTFOLIO
RM JUTAPendapatan
Dividen
60.3Pertambahan
dalam nilai
saksama
305.2Keuntungan
dari pelupusan
327.7Perbelanjaan
Faedah
(16.1)**677.1**JUMLAH
NILAI
PORTFOLIO**RM1.4**
BILION**IRR %**19.6%
setahun15.3%
setahun

IRR Kasar IRR Bersih


* Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited.

c) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche I) Fund



^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM677.1 juta pada tahun 2014.

d) Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche I) Fund pada 31 Disember 2014



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2013 bernilai RM655.9 juta.

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2014 bernilai RM677.1 juta.

^C Jumlah digabung membawa kepada peningkatan nilai pada tahun ini bernilai RM21.2 juta.


5.2 Ekuinas Direct (Tranche II) Fund

a) Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2014

	2013 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2014 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	1,000.0	-	1,000.0
B. Modal Dipanggil	214.3	98.7	313.0
C. Modal Dilabur semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	214.3	98.7	313.0
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	214.3	98.7	313.0
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	0.1	0.1
Keuntungan/(Kerugian) Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	130.1	(59.2)	70.9
Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	-	77.4	77.4
Perbelanjaan Faedah	2.9	(2.9)	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	133.0	15.4	148.4
Perbelanjaan Organisasi	(45.3)	(18.1)	(63.4)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	(97.8)	(97.8)
Pengurangan bersih dalam Nilai Aset Bersih	87.7	(100.5)	(12.8)
G. Nilai Aset Bersih	302.0	(1.8)	300.2
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	240.0	331.6	571.6
Peningkatan/(Pengurangan) atas Nilai Saksama Pelaburan	130.1	(59.2)	70.9
Pelaburan pada Nilai Saksama	370.1	272.4	642.5
Tambah: Baki Tunai	1.5	(0.4)	1.9
Tambah: Modal Kerja	(69.6)	(274.6)	(344.2)
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	302.0	(1.8)	300.2
Nilai Aset Bersih	302.0	(1.8)	300.2
H. Modal Diagihkan	-	97.8	97.8
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	302.0	96.0	398.0
IRR Kasar Tahunan	68.9%		31.9%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	50.4%		19.3%

* termasuk pengagihan modal dilabur semula.

b) Prestasi Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2014


[#] Kos pelaburan mewakili jumlah pelaburan komited yang telah diguna.


^{*} Pelaburan berjumlah RM124.0 juta dalam Tenby dan Tranglo dilakukan pada 2014 dan selesai pada Q1 2015.

c) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul Ekuinas Direct (Tranche II) Fund



^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM148.4 juta.

d) Perubahan Nilai Portfolio Ekuinas Direct (Tranche II) Fund pada 31 Disember 2014



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2013 bernilai RM133.0 juta.

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2014 bernilai RM148.4 juta.

^C Jumlah digabung membawa kepada penambahan nilai bagi tahun bernilai RM15.4 juta.

SYARIKAT PORTFOLIO

Ilmu Education Group (ILMU)



Jumlah Modal Dilaburkan

**RM426.8
JUTA**

**SALAH SATU
KUMPULAN
PENDIDIKAN
TERBESAR DI
MALAYSIA**

**HASIL
RM317.4
JUTA
PERTUMBUHAN
7.0%**

**EBITDA sebelum EI
RM88.7
JUTA
PERTUMBUHAN
3.7%**



BILANGAN PELAJAR

**30,514
PERTUMBUHAN
6.1%**



PROFIL SYARIKAT

Kumpulan Pendidikan APIIT

- Ditubuhkan: 1993
- Lokasi: Technology Park, Bukit Jalil
- Jenis pendidikan: K-12 dan pengajian tinggi
- Pengkhususan dalam: Pengajian tinggi yang berkualiti untuk kursus-kursus Teknologi, Kejuruteraan dan Perniagaan serta pendidikan K-12 swasta bagi sukatan pelajaran antarabangsa dan tempatan
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 12,000

APIIT Lanka

- Ditubuhkan: 1993
- Lokasi: Colombo, Sri Lanka
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan dalam: Kursus Jurusan Komputer, Perniagaan dan Undang-undang
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 1,000

Kumpulan Cosmopoint

- Ditubuhkan: 1991
- Lokasi: Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan dalam: Program kursus berkaitan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulineri, Penyiaran, Multimedia dan juga kursus-kursus industri lain yang boleh dipasarkan.
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 8,000

UNITAR International University

- Ditubuhkan: 1997
- Lokasi: Kelana Jaya, Selangor + 10 pusat serantau bebas
- Jenis pendidikan: Pengajian tinggi
- Pengkhususan dalam: Program pendidikan di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah untuk mengembangkan capaian pembelajaran yang berkualiti melalui program pembelajaran konvensional dan jarak jauh.
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 8,000

Kumpulan Sekolah Tenby

- Ditubuhkan: 1960
- Lokasi: Ipoh, Miri, Setia Eco Park, Johor dan Pulau Pinang
- Jenis pendidikan: K-12
- Pengkhususan dalam: Pendidikan K-12 swasta bagi sukatan pelajaran antarabangsa dan tempatan
- Populasi Pelajar: Lebih daripada 4,000

RASIONAL PELABURAN

Industri yang besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi.

Digabungkan untuk membina salah satu kumpulan pendidikan terbesar di Malaysia.

**BUTIRAN TRANSAKSI**

KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT  JENIS PELABURAN Pelaburan <i>buy-out</i> asset bukan teras syarikat awam tersenarai TARIKH PEROLEHAN Feb 2011 MODAL DILABURKAN RM102.0 Juta PEMILIKAN 51.0%	KUMPULAN COSMOPOINT  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Mac 2012 MODAL DILABURKAN RM246.0 Juta PEMILIKAN 90.0%	UNITAR INTERNATIONAL UNIVERSITY  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Mei 2012 MODAL DILABURKAN RM58.5 Juta PEMILIKAN 90.0%	APIIT LANKA  JENIS PELABURAN Pelaburan susulan (<i>Follow-on</i>) untuk perkembangan serantau TARIKH PEROLEHAN Dis 2013 MODAL DILABURKAN RM20.3 Juta PEMILIKAN 76.5%	TENBY SCHOOLS  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Selesai pada suku pertama tahun 2015 MODAL DILABURKAN RM70.0 Juta PEMILIKAN 70.0%
---	---	---	---	---

	2014 Tidak Diaudit RM juta	2013 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	317.4	296.7	7.0
EBITDA sebelum EI	88.7	85.5	3.7
Bilangan pelajar	30,514	28,767	6.1

Angka ini tidak termasuk Kumpulan Sekolah Tenby.

EI: butiran luar biasa.

Kumpulan Makanan



Jumlah Modal Dilaburkan

RM173.3 JUTA

SALAH SEBUAH
KUMPULAN MAKANAN
DAN MINUMAN
BUMIPUTERA
TERBESAR DI
MALAYSIA

HASIL

RM338.0 JUTA

PERTUMBUHAN
14.3%

EBITDA sebelum EI

RM36.5 JUTA

PERTUMBUHAN
(1.0)%



JUMLAH CAWANGAN

424

PERTUMBUHAN
16.2%



PROFIL SYARIKAT

Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (San Francisco Coffee)

- Ditubuhkan: 1997
- Jumlah cawangan: 32
- Jenis: Kafe

Revenue Valley Sdn Bhd (Tony Roma's, Popeyes, Manhattan Fish Market, New York Steak Shack)

- Ditubuhkan: 2002
- Jumlah cawangan: 87
- Jenis: Makanan kasual

PrimaBaguz Sdn Bhd

- Mengilang dan mengedarkan produk berasaskan daging premium yang halal seperti sosej, daging sejuk, produk dan sos sedia dimakan.
- Membekalkan produknya ke Restoran Perkhidmatan Segera (QSR), hotel, restoran dan katerer (HORECA) serta pemborong.

Coolblog Desserts Sdn Bhd (Coolblog)

- Ditubuhkan: 2007
- Jumlah cawangan: Lebih daripada 300
- Jenis: Pencuci mulut dan minuman berkonsep kiosk

RASIONAL PELABURAN

Pelaburan di dalam jenama global yang kukuh dan jenama tempatan yang mantap.

Pelaburan di dalam industri makanan dan minuman, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.

Platform untuk membina salah sebuah kumpulan makanan dan minuman Bumiputera terbesar di Malaysia.

Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia, Singapura dan Thailand.

Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangun pengurus profesional muda.



BUTIRAN TRANSAKSI

SAN FRANCISCO COFFEE  JENIS PELABURAN Pelaburan modal pertumbuhan dalam syarikat Malaysia TARIKH PEROLEHAN Sep 2011 MODAL DILABURKAN RM20.0 juta PEMILIKAN 90.0%	REVENUE VALLEY SDN BHD  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Jan 2012 MODAL DILABURKAN RM72.6 juta PEMILIKAN 85.8%	COOLBLOG  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Jul 2014 MODAL DILABURKAN RM40.7 juta PEMILIKAN 60.0%	PRIMABAGUZ SDN BHD  JENIS PELABURAN Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh TARIKH PEROLEHAN Nov 2013 MODAL DILABURKAN RM40.0 juta PEMILIKAN 100.0%
---	---	---	---

	2014 Tidak Diaudit RM juta	2013 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	338.0	295.7	14.3
EBITDA sebelum EI	36.5	36.9	(1.0)
Jumlah cawangan	424	365	16.2

EI: butiran luar biasa.

BK Group



Jumlah Modal Dilaburkan

**RM145.7
JUTA**
**JENAMA
GLOBAL**
YANG KUKUH DENGAN
KEHADIRAN SERANTAU
**HASIL
RM256.7
JUTA
PERTUMBUHAN
13.4%**


JUMLAH CAWANGAN

**89
PERTUMBUHAN
10.0%**

PROFIL SYARIKAT
BURGER KING® Malaysia

- Ditubuhkan: 1997
- Jumlah cawangan: 47
- Jenis: Restoran Perkhidmatan Segera (QSR)

BURGER KING® Singapore

- Ditubuhkan: 1982
- Jumlah cawangan: 42
- Jenis: Restoran Perkhidmatan Segera (QSR)

RASIONAL PELABURAN

Pelaburan di dalam jenama global yang kukuh dan jenama tempatan yang mantap.

Pelaburan di dalam industri makanan dan minuman, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.

Platform untuk membina salah sebuah kumpulan makanan dan minuman Bumiputera terbesar di Malaysia.

Mewujudkan kehadiran serantau dengan segera melalui operasi di Malaysia dan Singapura.

Kumpulan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membentuk dan membangunkan pengurus profesional muda.


BUTIRAN TRANSAKSI
BURGER KING® MALAYSIA

JENIS PELABURAN

Pelaburan modal pertumbuhan dalam syarikat Malaysia

TARIKH PEROLEHAN

September 2011

MODAL DILABURKAN

RM103.6 juta

PEMILIKAN

95.0%

BURGER KING® SINGAPORE

JENIS PELABURAN

Pelaburan susulan (*Follow-on*) untuk perkembangan serantau

TARIKH PEROLEHAN

September 2012

MODAL DILABURKAN

RM42.1 juta

PEMILIKAN

100.0%

	2014 Tidak Diaudit RM juta	2013 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	256.7	226.5	13.4
EBITDA sebelum EI	(10.2)	(10.1)	(0.9)
Jumlah cawangan	89	81	10.0

EI: butiran luar biasa.

Icon Offshore Berhad



Icon Offshore Berhad adalah gabungan di antara **TANJUNG KAPAL SERVICES SDN BHD (TKS) & OMNI PETROMARITIME SDN BHD (OMNI)** yang telah dimuktamadkan pada November 2012

Jumlah modal dilaburkan

RM435.9 JUTA

PERKHIDMATAN KAPAL SOKONGAN LUAR PESISIR YANG TERBESAR DI MALAYSIA

HASIL RM318.9 JUTA
PERTUMBUHAN (4.8)%

PAT sebelum EI

RM90.8 JUTA
PERTUMBUHAN 1.3%



PROFIL SYARIKAT

- Icon Offshore Berhad (Icon) adalah gabungan di antara Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS) dan Omni Petromaritime Sdn Bhd (Omni) yang telah dimuktamadkan pada 20 November 2012.
- Icon ialah syarikat berfokus kepada perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) yang terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV, menurut Laporan Infield.
- Syarikat ini memiliki sebanyak 33 kapal yang beroperasi di Malaysia, Thailand dan Qatar. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah beroperasi di peringkat antarabangsa di lebih daripada 10 negara di Asia Tenggara dan Timur Tengah.

RASIONAL PELABURAN

Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh.

Platform untuk membina salah sebuah syarikat OSV tempatan terbesar.



BUTIRAN TRANSAKSI

JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh

SEKTOR

Minyak & Gas

TARIKH PEROLEHAN

November 2012, penggabungan TKS dan Omni

MODAL DILABURKAN

RM435.9 juta

PEMILIKAN

42.3%

PENJUALAN SEBAHAGIAN

Jun 2014 + 45.8%

	2014 Tidak Diaudit RM juta	2013 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	318.9	334.9	(4.8)
EBITDA sebelum EI	184.7	190.9	(3.2)
PAT sebelum EI	90.8	89.6	1.3

EI: butiran luar biasa.

Alliance Cosmetics Group



Jumlah Pelaburan Bersama

**RM119.6
JUTA**

Jumlah Modal Dilaburkan

**RM39.9
JUTA**

SYARIKAT TERKEMUKA
DI PASARAN UMUM
KOSMETIK BERWARNA
DAN WANGIAN DI
**MALAYSIA,
SINGAPURA
DAN BRUNEI**

HASIL
**RM102.2
JUTA**
PERTUMBUHAN
2.2%

EBITDA sebelum EI
**RM98.5
JUTA**
PERTUMBUHAN
(1.5)%

**PROFIL SYARIKAT**

- Syarikat terkemuka di pasaran umum kosmetik berwarna dan wangian di Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Syarikat memasar, mengedar dan menjual pelbagai jenama kosmetik dan produk-produk kecantikan termasuk Silkygirl, Silky White dan SG Men, Revlon, Pierre Fabre dan Elancyl.
- Jenama tempatan, Silkygirl mempunyai pasaran terbesar di Malaysia bagi rangkaian kosmetik berwarna di pasaran umum.

RASIONAL PELABURAN

Syarikat bertumbuh tinggi yang beroperasi di Malaysia, Singapura dan Brunei.

Pasukan pengurusan yang mantap dan terbukti.

Jenama tempatan yang mantap.

Peluang yang teguh untuk berkembang ke peringkat serantau terutamanya di Indonesia.

**BUTIRAN TRANSAKSI****PELABURAN JENIS**

Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh

SEKTOR

Barangan Pengguna Laris (FMCG)

TARIKH PEROLEHAN

Januari 2010

MODAL DILABURKAN

RM39.9 juta

PEMILIKAN

Efektif 20.0%

PELABUR BERSAMA

Navis Capital Partners

JUMLAH PELABURAN BERSAMA

RM119.6 juta

	2014 Tidak Diaudit (Indeks)	2013 Diaudit (Indeks)	Pertumbuhan %
Hasil	102.2	100.0	2.2
EBITDA sebelum EI	98.5	100.0	(1.5)

EI: butiran luar biasa.

* Atas sebab-sebab sensitiviti perniagaan dan keperluan kerahsiaan oleh pelabur bersama, keputusan ACG dilaporkan dalam nilai indeks.

Orkim




Jumlah Modal Dilaburkan

**RM331.0
JUTA**

 SALAH SATU SYARIKAT KAPAL
TANGKI PRODUK PETROLEUM
BERSIH YANG MEMILIKI

30%
BAHAGIAN PASARAN

**HASIL
RM143.5
JUTA
PERTUMBUHAN
5.2%**
**EBITDA sebelum EI
RM70.1
JUTA
PERTUMBUHAN
3.5%**


Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan

**11 BUAH
KAPAL**

dibawah hak milik dan pengurusan



PROFIL SYARIKAT

- Salah satu syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Ditubuhkan pada tahun 2004, bermula dalam perniagaan broker kapal.
- Rekod prestasi pertumbuhan yang kukuh dengan 11 buah kapal di bawah hak milik dan pengurusan.
- Mengangkut CPP dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh negara dan pada masa ini memiliki 30% bahagian daripada pasaran terkemuka.

RASIONAL PELABURAN

Rekod prestasi operasi yang kukuh dengan barisan 11 buah kapal yang masih baharu di bawah pengurusannya iaitu pada purata usia 4 tahun.

Pengurusan yang mantap dan mempunyai dinamik pertumbuhan yang menggalakkan, terutamanya dalam Pengangkutan Gas Petroleum Cecair (LPG), yang pada masa ini dikuasai oleh syarikat-syarikat asing.

BUTIRAN TRANSAKSI

JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh

SEKTOR

Minyak & Gas

TARIKH PEROLEHAN

Disember 2014

MODAL DILABURKAN

RM331.0 juta

PEMILIKAN

95.5%

	2014 Tidak Diaudit RM juta	2013 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	143.5	136.4	5.2
EBITDA sebelum EI	70.1	67.8	3.5
PAT sebelum EI	30.0	33.5	(10.0)

EI: butiran luar biasa.

Tranglo



Jumlah Modal Dilaburkan

RM54.0 JUTA

PERINTIS DALAM PERKHIDMATAN
KIRIMAN WANG
MUDAH ALIH

SALAH SATU PENGENDALI
UTAMA DALAM
**PEMINDAHAN
MASA BUAL
RENTAS
SEMPADAN**

PEJABAT ANTARABANGSA DI
**INDONESIA,
TIMUR TENGAH
DAN UNITED
KINGDOM**



PROFIL SYARIKAT

- Ditubuhkan pada tahun 2009 dengan ibu pejabat di Kuala Lumpur, dan pejabat-pejabat peringkat antarabangsa di Indonesia, Timur Tengah, dan United Kingdom.
- Menyediakan platform bagi syarikat-syarikat telekomunikasi mudah alih (syarikat telekomunikasi) untuk memudahkan pemindahan rentas sempadan kredit prabayar dan penghantaran wang dengan cara yang cepat, mudah dan selamat.

RASIONAL PELABURAN

Sebuah perintis industri dengan rekod prestasi yang kukuh dan perhubungan yang lama terjalin dengan syarikat-syarikat telekomunikasi Malaysia dan global.

Perniagaan yang semakin berkembang dalam perkhidmatan pengiriman wang mudah alih rentas sempadan, yang menawarkan potensi yang signifikan.

BUTIRAN TRANSAKSI

JENIS PELABURAN

Pelaburan majoriti di dalam syarikat Malaysia yang kukuh

SEKTOR

Teknologi, Media dan Telekomunikasi (TMT)

TARIKH PEROLEHAN

Dijadualkan selesai dalam Q1 2015

MODAL DILABURKAN

RM54.0 juta


PEMILIKAN

60.0%

6. Pengagihan

Jumlah Komited	RM 500.0 juta
Jumlah Pengagihan pada 31 Disember 2014	RM 200.0 juta

RANGKA KERJA PENGAGIHAN



C. PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1. Tinjauan Dana

PENYUMBERAN LUAR			
EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND		EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II) FUND	
Tahun Penubuhan 2010		Tahun Penubuhan 2013	
Status	Dilaburkan	Status	Dimulakan pada September 2013
Modal Komited			
Ekuinas RM400.0 juta		Ekuinas RM240.0 juta	
LP Lain RM151.9 juta		LP Lain RM135.1 juta	
Jumlah RM551.9 juta		Jumlah RM375.1 juta	
Tempoh	Jangkamasa Pelaburan	Tempoh	Jangkamasa Pelaburan
6 tahun + 1 tahun	3 tahun to 6 tahun	7 tahun + 1 tahun	3 tahun to 7 tahun
Tumpuan Geografi Malaysia Dana Modal Pertumbuhan			
Sektor Keutamaan Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Medikal, Perkhidmatan			

2. Profil OFM yang dilantik



NAVIS CAPITAL PARTNERS

Nama Dana
Navis Malaysia Growth
Opportunities Fund I, L.P.

Saiz Dana
RM301.9 juta

Navis ditubuhkan pada tahun 1998 untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian menerusi pelaburan “buy-out” yang berorientasikan pertumbuhan di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Firma ini menyumbangkan modal dan kepakaran pengurusan kepada syarikat terpilih yang mantap dengan tujuan untuk memperbaiki kedudukan kewangan, operasi dan strategi syarikat. Firma ini menumpukan secara eksklusif kepada syarikat yang beroperasi di Asia terutamanya di Asia Selatan dan Tenggara di mana prinsipal-prinsipal Navis telah lama berada di sini. Firma ini menguruskan modal terikat berjumlah kira-kira USD5 bilion.

Navis juga dipilih sebagai *Mid-Market Firm of the Year in Asia* dan *Firm of the Year in Southeast Asia* di *Private Equity International (PEI) Awards 2014*.



CIMB PRIVATE EQUITY

Nama Dana
CIMB National Equity
Fund Ltd. P.

Saiz Dana
RM125.0 juta

CIMB Group adalah sebuah kumpulan perbankan yang kedua terbesar terkemuka di Malaysia dan salah sebuah kumpulan perbankan universal yang terkemuka di ASEAN.

Beribu pejabat di Kuala Lumpur, Kumpulan ini kini beroperasi di sembilan daripada 10 negara-negara ASEAN di mana ia menawarkan perkhidmatan perbankan pengguna, perbankan pelaburan, perbankan Islam, pengurusan aset dan produk serta insurans. CIMB Private Equity, sebuah anak syarikat milik penuh Kumpulan CIMB, adalah perniagaan dalam Bahagian Strategi and Pelaburan Strategik (GSSI) Kumpulan CIMB yang ditubuhkan untuk membawa kepakaran kewangan, pengalaman dan rangkaian ke dalam bidang pelaburan alternatif, termasuk ekuiti persendirian, hartanah, infrastruktur dan keadaan-keadaan tertentu. CIMB PE menguruskan lebih RM6 bilion dalam modal yang dilaburkan pada 31 Disember 2013.



TREMENDOUS ASIA PARTNERS

TREMENDOUS ASIA PARTNERS

Nama Dana
TAP Harimau Fund L.P.
(Dahulunya dikenali sebagai
Asiasons Harimau Fund L.P.)

Saiz Dana
RM125.0 juta

Tremendous Asia Partners (TAP) adalah Kumpulan Pelaburan dan Pengurusan Aset Alternatif yang memberi tumpuan kepada peluang-peluang di rantau Asia Tenggara.

Dahulunya dikenali sebagai Asiasons Private Equity, ia telah dijenamakan semula kepada TAP yang timbul daripada aktiviti “buy-out” pengurusan yang baharu dimuktamadkan. Pasukan pengurusan TAP menggabungkan pengalaman operasi dan pelaburan merentasi 4 buah negara dengan kejayaan yang terbukti dalam mengenal pasti dan menguruskan peluang pelaburan berorientasikan pertumbuhan serta menjalankan urusan niaga merentas sempadan di rantau ini. Strategi pelaburan TAP adalah bertumpu dari segi geografi di Asia Tenggara, terutamanya Malaysia, Thailand, Singapura dan Indonesia manakala sektor tumpuannya adalah dalam sektor pengguna yang merangkumi makanan dan minuman, pendidikan, penjagaan kesihatan, gaya hidup, media dan hiburan.

2. Profil OFM yang dilantik



TAEI PARTNERS

Nama Dana
TAEI Tijari (OFM) L.P.
Saiz Dana
RM101.0 juta

Sebuah firma pengurusan pelaburan yang terkemuka di Asia Tenggara yang berjaya menjadi rakan kongsi untuk penambahan nilai dan pertumbuhan bagi perniagaan dan syarikat-syarikat di rantau ini.

Melalui pelbagai dana konvensional dan Islamik, firma ini kini mempunyai aset bernilai kira-kira USD1 bilion di bawah pengurusannya, dengan pangkalan pelabur yang terdiri daripada pelabur institusi dari Asia (khususnya ASEAN), Amerika Utara, Eropah dan Timur Tengah. TAEI Partners mempunyai operasi serantau yang kukuh dan memberi tumpuan kepada pelbagai sektor termasuk sektor berkaitan pengguna seperti produksi makanan, produk penjagaan kesihatan dan hartanah serta perkhidmatan sokongan, produk dan utiliti O&G dan juga sektor infrastruktur.



RM CAPITAL PARTNERS

Nama Dana
RMCP One Sdn Bhd
Saiz Dana
RM109.0 juta

RMCP telah ditubuhkan pada bulan Julai 2011 oleh sekumpulan profesional dalam bidang pelaburan dari Ethos Capital Sdn Bhd, di mana ia menguruskan sebuah dana ekuiti persendirian berjumlah RM215.0 juta.

RMCP One Sdn Bhd akan melaburkan dana tersebut ke dalam syarikat-syarikat Malaysia dalam beberapa sektor tumpuan iaitu FMCG, O&G, peruncitan, pendidikan dan kesihatan. Strategi penciptaan nilai RMCP termasuklah penghaluan semula strategik, penyusunan tadbir urus, kecemerlangan operasi dan rangkaian perniagaan antara lainnya.



TUAS CAPITAL PARTNERS

Nama Dana
Tuas Capital Partners
Malaysia Growth Fund I L.P.
Saiz Dana
RM85.0 juta

Sebuah kumpulan ekuiti persendirian yang ditubuhkan pada tahun 2012 oleh sekumpulan profesional yang terbukti mempunyai pengalaman yang mendalam di pasaran Asia Tenggara serta pelbagai kepakaran dalam pengurusan aset, ekuiti persendirian dan perbankan pelaburan.

Kumpulan ini menyokong dan mempercepatkan pertumbuhan perniagaan dengan memanfaatkan peluang dan hubungan dalam lingkungan Asia yang lebih besar melalui prinsipal dan rakan-rakan institusinya, KAF Group dan Evia Capital Partners yang diasaskan di Singapura.



CAHYA MATA SARAWAK

CMS OPUS PRIVATE EQUITY

Nama Dana
COPE Opportunities 3 Sdn Bhd
Saiz Dana
RM80.0 juta

COPE telah ditubuhkan pada tahun 2005 oleh profesional Ekuiti Persendirian (PE) berpengalaman yang telah berada di bidang ekuiti persendirian serantau semenjak 1997.

Dengan kepakaran unik COPE, syarikat ini telah diamanahkan untuk menguruskan beberapa dana PE yang dilaburkan oleh pelabur institusi terkemuka. Ia adalah salah satu daripada beberapa firma PE yang diuruskan oleh Prinsipal yang menerima pakai prinsip-prinsip pelaburan patuh Syariah. COPE bertujuan untuk menilai-tambah dan berkembang dengan syarikat-syarikat pelaburan berpertumbuhan tinggi yang mempunyai kehadiran di peringkat tempatan dan antarabangsa. COPE bersama-sama dengan syarikat yang berkaitan, Opus Asset Management Sdn Bhd, kini mempunyai RM3.2 bilion dalam jumlah aset di bawah pengurusan.

3. Aktiviti Pelaburan

a) Aktiviti pelaburan Program Penyumberan Luar untuk tahun 2014

RM juta Syarikat Portfolio	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
1. R.E.A.L Education Group	CNEF	Pendidikan	28.1	5.3	33.4	-	33.4
2. Mega Fortris (Malaysia) Sdn Bhd	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
3. Big Sdn Bhd (BIG Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.5	22.1	-	22.1
Jumlah pada tahun 2014			63.7	16.8	80.5	-	80.5

b) Aktiviti Pelaburan Kumulatif Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2014

RM juta Syarikat Portfolio	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
1. Atelier Asia Sdn Bhd	Navis MGO	FMCG	11.8	5.2	17.0	-	17.0
2. MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)	Navis MGO	Peruncitan & Percutian	17.4	3.6	21.0	119.7	140.7
3. SEG International (SEGi)	Navis MGO	Pendidikan	44.9	17.6	62.5	214.5	277.0
4. Strateq Sdn Bhd	Navis MGO	Perkhidmatan	22.6	14.4	37.0	-	37.0
5. HG Power Transmission Sdn Bhd	Navis MGO	Perkhidmatan	27.0	11.9	38.9	-	38.9
6. Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan	34.7	15.3	50.0	-	50.0
7. Macroiosk Sdn Bhd	CNEF	Perkhidmatan	21.1	13.3	34.4	-	34.4
8. R.E.A.L Education Group	CNEF	Pendidikan	28.1	5.3	33.4	-	33.4
9. Mega Fortris (Malaysia) Sdn Bhd	TAP	Pembuatan	18.0	7.0	25.0	-	25.0
10. Big Sdn Bhd (BIG Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan	17.6	4.5	22.1	-	22.1
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche I			243.2	98.1	341.3	334.2	675.5

b) Aktiviti Pelaburan Kumulatif Program Penyumberan Luar pada 31 Disember 2014 (Sambungan)

RM juta Syarikat Portfolio	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan bersama Pelabur Lain	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah OFM		
1. STX Precision Corporation Sdn Bhd	COPE	Perkhidmatan	12.0	4.0	16.0	19.0	35.0
2. Consobiz Ventures Sdn Bhd	RMCP	FMGC	8.3	6.7	15.0	-	15.0
Jumlah Pelaburan di bawah Tranche II			20.3	10.7	31.0	19.0	50.0
Jumlah Kumulatif			263.5	108.8	372.3	353.2	725.5

4. Prestasi Dana

4.1 Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund

a) Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2014

	2013 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2014 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	400.0	-	400.0
B. Modal Dipanggil	209.9	74.4	284.3
C. Modal Dilabur semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	209.9	74.4	284.3
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	209.9	74.4	284.3
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
(Kerugian)/Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	14.6	42.2	56.8
(Kerugian)/Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	(2.1)	0.3	(1.8)
Perbelanjaan Faedah	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	12.5	42.5	55.0
Perbelanjaan Organisasi	(6.2)	(2.0)	(8.2)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
Peningkatan bersih dalam Nilai Aset Bersih	6.3	40.5	46.8
G. Nilai Aset Bersih	216.2	114.9	331.1
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	201.6	72.7	274.3
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	14.6	42.2	56.8
Pelaburan pada Nilai Saksama	216.2	114.9	331.1
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	-	-	-
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	216.2	114.9	331.1
Nilai Aset Bersih	216.2	114.9	331.1
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	216.2	114.9	331.1
IRR Kasar Tahunan	5.0%		10.6%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	2.4%		8.8%

4.2 Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund

a) Nilai Aset Bersih (NAV) Dana pada 31 Disember 2014

	2013 RM juta	Perubahan dalam tahun RM juta	2014 RM juta
A. Modal Diperuntukkan	240.0	-	240.0
B. Modal Dipanggil	18.3	14.3	32.6
C. Modal Dilabur semula	-	-	-
D. Jumlah Modal Disediakan (B+C)	18.3	14.3	32.6
E. Surutan Hutang (Kos Terlunas)	-	-	-
F. Jumlah Modal Dilabur (D+E)	18.3	14.3	32.6
Tambah peningkatan ke atas Nilai Aset Bersih:			
Pendapatan Dividen	-	-	-
(Kerugian)/Keuntungan Belum Direalisasi atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(15.4)	(15.4)
Keuntungan direalisasi dari aktiviti Pelupusan	-	-	-
Perbelanjaan Faedah	-	-	-
Jumlah Pulangan Kasar Portfolio	-	(15.4)	(15.4)
Perbelanjaan Organisasi	(1.2)	(1.2)	(2.4)
Pengagihan Modal kepada Rakan Terhad (C+H)*	-	-	-
Peningkatan bersih dalam Nilai Aset Bersih	(1.2)	(16.6)	(17.8)
G. Nilai Aset Bersih	17.1	(2.3)	14.8
Nilai Aset Bersih terdiri daripada:			
Pelaburan - pada kos	17.1	13.1	30.2
Keuntungan Belum Direalisasi Bersih atas Nilai Saksama Pelaburan	-	(15.4)	(15.4)
Pelaburan pada Nilai Saksama	17.1	(2.3)	14.8
Tambah: Baki Tunai	-	-	-
Tambah: Modal Kerja	-	-	-
Tambah: Modal Tidak Dipanggil	-	-	-
Bersamaan Nilai Aset Bersih	17.1	(2.3)	14.8
Nilai Aset Bersih	17.1	(2.3)	14.8
H. Modal Diagihkan	-	-	-
Jumlah Nilai Aset Bersih tambah Modal Diagihkan (G+H)	17.1	(2.3)	14.8
IRR Kasar Tahunan*	N/M		N/M
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)*	N/M		N/M

* Nilai IRR Kasar dan IRR Bersih bagi Ekuinas Outsourced (Tranche II) Fund tidak dibentangkan kerana dana masih di peringkat awal pelaburan.

SYARIKAT PORTFOLIO

**MCAT BOX OFFICE SDN BHD (MBO)****Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Peruncitan & Percutian
Tarikh Perolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas: RM17.4 juta



SEGi
University
Group

SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)**Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: Mac 2012

Modal Komited Ekuinas: RM44.9 juta

**STRATEQ SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Mac 2013

Modal Komited Ekuinas: RM22.6 juta

**HG POWER TRANSMISSION SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Mei 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM27.0 juta

**BRICKFIELDS ASIA COLLEGE****Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: November 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM34.7 juta

**BIG SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: Navis Capital Partners
Sektor: FMCG & Peruncitan
Tarikh Perolehan: November 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM17.6 juta

**MACROKIOSK SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: CIMB Private Equity
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Julai 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM21.1 juta

**R.E.A.L. EDUCATION GROUP****Butiran Transaksi**

OFM: CIMB Private Equity
Sektor: Pendidikan
Tarikh Perolehan: Mei 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM28.1 juta

**STX PRECISION CORPORATION SDN BHD****Butiran Transaksi**


OFM: CMS Opus Private Equity
Sektor: Perkhidmatan
Tarikh Perolehan: Disember 2013

Modal Komited Ekuinas:
RM12.0 juta

**CONSOBIZ VENTURES SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: RM Capital Partners
Sektor: FMCG
Tarikh Perolehan: Februari 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM8.3 juta

**MEGA FORTRIS (MALAYSIA) SDN BHD****Butiran Transaksi**

OFM: Tremendous Asia Partners
Sektor: Pembuatan
Tarikh Perolehan: Jun 2014

Modal Komited Ekuinas:
RM18.0 juta

D. PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a) Nilai Ekuiti Bumiputera dan Nilai Ekonomi Keseluruhan

Jumlah bagi Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				KESELURUHAN SYARIKAT			
	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur	Sebelum Kemasukan Ekuinas	Pada 31 Dis	Peningkatan Nilai Bumiputera	Gandaan bagi Modal Dilabur
2014	2,096.5	4,460.9	4,246.2	1.9x	3,790.5	6,470.5	5,517.6	2.4x
2013	1,367.2	3,010.6	2,838.2	1.7x	2,893.3	4,874.5	4,087.5	2.5x

b) Syarikat Portfolio - Pengurusan dan Kakitangan

	Bilangan Kakitangan Bumiputera	Jumlah Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera daripada Jumlah Ke seluruh Kakitangan	Peningkatan % Bumiputera selepas Kemasukan
2014				
Pengurusan	140	356	39.3%	9.4%
Kakitangan	6,185	11,841	52.2%	18.3%
2013				
Pengurusan	82	201	40.8%	12.3%
Kakitangan	5,265	9,336	56.4%	17.1%

E. EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUS DANA

Ekuinas telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat pengurus dana untuk menguruskan dana yang diperuntukkan oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd (E-Cap), yang berperanan sebagai syarikat modal dana.

Perjanjian pengurusan dana ini tertakluk kepada Perjanjian Pengurusan Dana Global (GMFA) yang ditandatangani oleh Ekuinas, YEN dan E-Cap. Di bawah GMFA, Ekuinas dibayar fi pengurusan sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan selepas direalisasi. Fi pengurusan yang diterima digunakan oleh Ekuinas untuk menampung perbelanjaan operasinya (OPEX). Justeru itu, Ekuinas sendiri tidak akan mencatat tahap keuntungan operasi yang tinggi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, Ekuinas mencatat keputusan seperti berikut:

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)	2014 RM juta	2013 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	2,640.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	40.3	33.8
Keuntungan Selepas Cukai (PAT)	14.5	14.6
Nisbah OPEX kepada FuM	1.0%	1.3%

TADBIR URUS KORPORAT

FOKUS

MELAKSANA STRATEGI · MEMBAWA MANFAAT

Kami fokus dalam mencapai objektif. Kami melaksanakan strategi dengan menetapkan prioriti yang jelas, mematuhi amalan tadbir urus korporat yang terbaik dan menggunakan keupayaan tersendiri.





**MELAKSANA
STRATEGI.
MEMBAWA
MANFAAT.**





Portfolio Minyak & Gas Ekuinas: Icon Offshore Berhad, salah satu syarikat berfokus dengan perkhidmatan kapal sokongan Luar Pesisir dan Orkim Sdn Bhd, salah satu syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih yang terkemuka.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

PENGENALAN

Oleh kerana Ekuinas bukan sebuah entiti tersenarai, syarikat tidak perlu mematuhi syarat-syarat pendedahan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia) atau Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Walau bagaimanapun, sebagai syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Ekuinas memberikan komitmen penuh untuk bersifat telus dalam menyediakan laporan untuk Laporan Tahunan Syarikat. Oleh yang demikian, laporan di dalam seksyen ini telah disediakan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik yang digariskan oleh Bursa Malaysia, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) serta Dasar Pendedahan Ekuinas dan meliputi Penyata Tadbir Urus Korporat, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Laporan Jawatankuasa Audit.

Penyata-penyata ini, di mana bersesuaian, telah disediakan berdasarkan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) dan kami berharap dapat menyediakan maklumat penting yang bermakna berkenaan amalan tadbir urus Ekuinas kepada semua pihak berkepentingan.

Sehubungan itu, kami ingin menekankan bahawa semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik oleh Kerajaan Malaysia sebagai pemegang saham muktamad Syarikat. Walau bagaimanapun, untuk tujuan laporan ini, kami telah mengklasifikasikan pengarah yang tidak berkhidmat dengan Kerajaan (dan tidak berada di dalam perkhidmatan Kerajaan selama dua tahun) sebagai Pengarah Bebas, iaitu bebas dari pihak Pengurusan dan bebas daripada sebarang perniagaan atau hubungan lain yang boleh mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan. Pengarah yang bukan di dalam lingkungan takrifan ini dianggap sebagai Pengarah Bukan Bebas.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Lembaga Pengarah Ekuinas percaya bahawa tadbir urus korporat yang mantap adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Ia memastikan kepentingan pihak-pihak berkepentingan terpelihara di samping mempertingkatkan prestasi dan keberterangjawaban korporat.

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai standard tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas di peringkat Syarikat di samping menggalakkan amalan tadbir urus yang mantap dalam Rangka Kerja ini di semua syarikat portfolio kami.

Satu rangka kerja tadbir urus korporat yang pragmatik telah dibangunkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan diguna pakai oleh Ekuinas berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- i. Menggalakkan ketelusan, keberterangjawaban dan tindakan responsif;
- ii. Mengukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mengimbangi antara risiko dan pulangan; dan
- iii. Menggalakkan inovasi dan keusahawanan di dalam Syarikat melalui kecekapan pemerhatian dan rangka kerja pengurusan risiko.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Penyata Tadbir Urus yang Baik		Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam	
Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah (✓)	Peranan dan Tanggungjawab Pengarah (✓)	Sistem & Kawalan Dalam (✓)	Rangka Kerja Audit Dalam (✓)
Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)	Kebertanggungjawaban dan Audit (✓)	Rangka Kerja Pengurusan Risiko (✓)	Rangka Kerja Audit Luaran (✓)

KOD ETIKA

Kod Etika Pengarah (✓)	Kod Etika Kakitangan (✓)	Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan (✓)
Dasar Penipuan dan <i>Whistle Blowing</i> (✓)		
Pendedahan dan Urusniaga Sekuriti (✓)		

Nota: (✓) Lengkap disediakan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

Ekuinas mengiktiraf peranan penting semua ahli Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusannya dalam merumus dan menentukan hala tuju serta operasi Ekuinas. Ekuinas diterajui dan diurus oleh ahli Lembaga Pengarah yang berpengalaman luas dan berkemahiran tinggi dari pelbagai latar belakang meliputi sektor Kerajaan dan sektor swasta, dan mereka ini amat penting dalam menentukan hala tuju strategik keseluruhan Ekuinas.

Sepanjang tahun ini, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tadbir urus yang tertinggi diamalkan demi melindungi dan meningkatkan nilai pihak-pihak berkepentingan.

Sebagai sebahagian daripada amalan terbaik dalam tadbir urus korporat, Lembaga Pengarah telah meluluskan piagam tadbir urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting untuk diguna pakai oleh Lembaga Pengarah. Seperti yang termaktub di dalam piagam tersebut, ahli-ahli Lembaga Pengarah dikehendaki melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan secara profesional, selaras dengan undang-undang dalam memastikan kepentingan pihak berkepentingan sentiasa terpelihara. Piagam ini merangkumi, antara lain, perkara-perkara berikut:

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Kod Perilaku;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- Pengasingan Kuasa;
- Perwakilan Kuasa;
- Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Proses Audit dan Kawalan Dalam.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas mengguna pakai prinsip-prinsip dan syor-syor utama amalan yang baik sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Pindaan 2012) (Kod) dan keperluan lain seperti:

- i. Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR);
- ii. Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah (CG Guide) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia Berhad; dan
- iii. Rangka Tindakan Tadbir Urus Korporat oleh Suruhanjaya Sekuriti.

TANGGUNGJAWAB AHLI-AHLI LEMBAGA DAN HAD BIDANG KUASA

Ekuinas telah menubuhkan Had Bidang Kuasa yang memperuntukkan kuasa membuat keputusan sepenuhnya kepada Lembaga mengenai perkara-perkara tertentu seperti:

- i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Pelan tahunan, bajet dan strategi Syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan perwakilan kuasa syarikat; dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Had Kuasa juga menetapkan kuasa yang diwakilkan dan had kelulusan bagi keputusan-keputusan penting, pengendalian dan perbelanjaan modal dan perolehan barangan dan perkhidmatan. Selain daripada urusan yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, Lembaga Pengarah meluluskan sebahagian besar transaksi yang melebihi had nilai ambang tertentu, manakala mewakilkan kuasa untuk transaksi di bawah had-had tersebut kepada pihak Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

Lembaga Pengarah juga telah menerima pakai Piagam Lembaga/Tadbir Urus yang menetapkan nilai, prinsip dan etos utama Ekuinas. Dalam hal ini, Piagam Lembaga/Tadbir Urus berfungsi bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, bahkan ia juga merupakan pernyataan am mengenai hasrat dan jangkaan bagaimana Lembaga Pengarah akan menyempurnakan tugas-tugasnya. Ia juga berfungsi sebagai sumber rujukan, yang memberi panduan kepada ahli-ahli lembaga pengarah serta kumpulan Pengurusan Kanan baru.

JAWATANKUASA-JAWANTANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan; dan
- Jawatankuasa Pelaburan CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan mematuhi saranan Kod di mana berkenaan. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Kepelbagaian pengalaman dan kemahiran yang sesuai dipertimbangkan seiring dengan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan bidang tugas (TOR) utamanya adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Ahli : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Datuk Noriyah Ahmad

Butir-butir lanjut mengenai TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 149 hingga 155 Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi : Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Ahli : Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Sebanyak satu (1) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 134.

Bidang Tugas

Tanggungjawab utama NRC selaras dengan bidang tugasnya adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan fungsi-fungsi berikut:

a. *Fungsi Utama*

Berkenaan dengan pencalonan, tugas-tugas jawatankuasa ini termasuklah:

- mencalonkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon untuk dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- semasa membuat saranan, mempertimbangkan calon pengarah yang dicadangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga Pengarah;
- membantu Lembaga Pengarah membuat semakan tahunan berhubung gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan ciri-ciri lain, termasuk keupayaan utama yang harus dimiliki oleh Pengarah Bukan Eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah;
- menilai saiz dan komposisi Lembaga Pengarah bagi memudahcara pencalonan calon-calon Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai secara keseluruhan keberkesanan Lembaga Pengarah, jawatankuasa Lembaga Pengarah dan pengarah individu.

Berhubung dengan ganjaran, tanggungjawab NRC merangkumi perkara berikut:

- menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar umum bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang perlu dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- mewujudkan prosedur rasmi dan telus untuk merangka dasar tentang jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain termasuk bonus, insentif dan opsyen saham;
- merangka pakej ganjaran untuk CEO dan ahli Pengurusan lain dengan tujuan menarik dan mengekalkan Pengurusan berkaliber tinggi yang berupaya meraih kejayaan untuk pemegang saham dan mendukung standard perkhidmatan yang tinggi untuk pihak berkepentingan, dengan mengambil kira persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Setelah pakej disediakan, cadangan akan dibuat bagi mendapatkan kelulusan daripada Lembaga Pengarah;
- menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang penambahbaikan kepada dasar dan pakej ganjaran kumpulan Pengurusan dan isu-isu lain yang berkaitan dengan ganjaran Pengurusan setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara dalam struktur ganjaran kakitangan di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja skim insentif tahunan ini merangkumi:-
 - Kenaikan gaji berasaskan merit;
 - Bonus berasaskan merit; dan
 - Insentif pengekalan dan ganjaran.

b. Bidang kuasa

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan daripada mana-mana kakitangan Syarikat untuk melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional luar termasuk nasihat perunding bebas berhubung ganjaran, dan jika perlu, memastikan penasihat luar ini hadir semasa mesyuaratnya serta mendapatkan maklumat berwibawa yang terkini mengenai ganjaran yang ditawarkan di syarikat-syarikat lain, di mana segala perbelanjaan ditanggung oleh Syarikat.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan supaya sebarang laporan atau tinjauan dibuat untuk membantu memenuhi kewajipannya sekiranya perlu.

c. Komposisi Ahli

NRC dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif, yang kesemuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tidak mempunyai sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Salah seorang Pengarah Bebas ini akan dilantik sebagai Pengerusi NRC.

d. Setiausaha

Setiausaha Syarikat dan/atau Setiausaha-setiausaha Syarikat dilantik sebagai Setiausaha NRC.

e. Mesyuarat

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC perlu diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Korum dicapai apabila mana-mana dua ahli hadir.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Setiausaha bertanggungjawab untuk menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan merekodkan minit mesyuarat.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC disifatkan sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC bersidang, dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2014

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- Penilaian para Pengarah Bebas;
- Kajian semula dan kelulusan Penandaarasan Pasaran, Cadangan Struktur Gaji dan Cadangan Faedah Penggajian;
- Menilai saiz dan komposisi Lembaga Pengarah dan memberi pengesyoran yang sepatutnya kepada Lembaga Pengarah;
- Mempertimbangkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas, Pembayaran Bonus dan Kenaikan Gaji Berasaskan Merit bagi tahun kewangan 2014; dan
- Mengkaji Cadangan Rangka Kerja KPI bagi tahun kewangan 2014.

c. Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur yang diterima pakai merupakan struktur yang lazimnya diamalkan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuklah:

- Meluluskan cadangan keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- Meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- Mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa Pelaburan CSR

Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2013 untuk memastikan penilaian bebas dan tadbir urus yang baik dalam penyaluran dana untuk Program Pembinaan Keupayaan Usahawan Bumiputera, yang merupakan program CSR berorientasikan pelaburan di bawah rangka kerja keseluruhan CSR. Butir-butir rangka kerja dan aktiviti-aktiviti CSR dibentangkan di 162 to 171 di dalam Laporan Tahunan ini.

Tanggungjawab dan fungsi utama CIC termasuk:

- melantik Pemilik Proses untuk program ini;
- meluluskan cadangan belanjawan bagi apa-apa projek di bawah program ini, pelaksanaan keseluruhan serta mengkaji keberkesanan program; dan
- mengkaji dan meluluskan perancangan tahunan program berdasarkan lingkungan bajet keseluruhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

e. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO, terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan utama untuk menggariskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolio.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah ke atas semua Pengarah Ekuinas berasaskan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Penerimaan pakai Kod Etika Pengarah memformalkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhannya.

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dengan menentukan objektif-objektif Ekuinas dan cara untuk mencapainya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau secara efektif pengurusan Ekuinas yang merangkumi sistem kawalan dan akauntabiliti;
- melantik dan melucutkan jawatan CEO;
- mengesahkan pelantikan dan, di mana sesuai, meluluskan pelucutan jawatan Pengurusan Kanan (berdasarkan saranan CEO);
- menentukan pembangunan dan pelan penggantian atau pelapis bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan;
- menyediakan input dan meluluskan strategi korporat dan belanjawan tahunan Syarikat;
- meluluskan dan memantau kemajuan perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, sambil memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- meluluskan dan memantau laporan kewangan dan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran.

Kod Etika Kakitangan dan Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan

Kod Etika Kakitangan dan Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan telah disediakan dan diterima pakai oleh kakitangan dan penyedia perkhidmatan Ekuinas untuk menggalakkan standard perilaku yang tinggi berhubung dengan amalan perniagaan beretika. Dasar-dasar ini memberi panduan mengenai standard tingkah laku yang diharapkan daripada semua kakitangan dan rakan perniagaan dan dengan jelas menyatakan kesan-kesan daripada pelanggaran yang mungkin melibatkan penamatan pekerjaan/perkhidmatan dan pelucutan jawatan.

Dasar Anti-Penipuan dan *Whistleblowing*

Bagi mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar *whistleblowing* telah diperkenalkan bagi membolehkan kakitangan mempunyai akses untuk membuat laporan terhadap sebarang salah laku yang disyaki. Ini termasuk salah laku penipuan, penyalahgunaan aset, gangguan seksual, pecah amanah, rasuah, amalan perakaunan yang mencurigakan, penyalahgunaan maklumat sulit, kelakuan atau tindakan yang dianggap bercanggah dengan kepentingan Syarikat, menyalahi undang-undang dan dasar awam, menyalahi sebarang dasar Syarikat dan Kod Perilaku Syarikat atau sengaja menyembunyikan sebarang perkara di atas. Dasar ini menunjukkan komitmen Syarikat terhadap integriti dan perilaku beretika bagi membantu mengekalkan persekitaran kerja di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa takut kepada hukuman.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkaitan perkara yang dibincangkan di mesyuarat Lembaga Pengarah kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk mengkaji, menimbang dan memahami dengan lebih dalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan. Justeru, perbincangan mesyuarat akan lebih tertumpu kepada soalan-soalan berkaitan perkara-perkara berbangkit.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan hal-hal yang berbangkit;
- iv. Laporan berkenaan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan suku tahunan kewangan dan laporan prestasi pelaburan Syarikat; dan
- vi. Perkara penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Pengarah Urusan Pelaburan (COO) dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah sentiasa dimaklumkan tentang perkembangan mutakhir mengenai keperluan statutori dan kawal selia berkaitan tugas dan tanggungjawab mereka. Apabila perlu, para Pengarah turut disediakan dengan laporan ad hoc, kertas maklumat dan latihan yang berkaitan, demi memastikan mereka sedia maklum akan hal ehwal penting yang berkaitan dengan perniagaan, operasi, korporat, perundangan dan industri.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap sudah tersedia sebelum keputusan penting diambil.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, dan memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah pada masa ini dianggotai oleh enam (6) ahli, yang terdiri daripada Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang (1) Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tidak seorang pun daripada para pengarah yang dilantik mempunyai tempoh perkhidmatan terkumpul melebihi sembilan (9) tahun.

Struktur semasa Lembaga Pengarah dan integriti setiap individu Pengarah memastikan bahawa tiada seorang individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan. Dua pertiga daripada ahli Lembaga Pengarah adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, melebihi keperluan satu pertiga seperti yang dinyatakan dalam Kod dan Keperluan Penyenaraian Bursa. Ini mencerminkan komitmen Lembaga Pengarah untuk mengekalkan perwakilan Pengarah bebas yang kukuh dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan objektiviti dalam semua isu yang dibincangkan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang berbeza meliputi pengalaman industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, serta kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam usaha memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas dalam mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian terkemuka. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa berdasarkan skala operasi Syarikat pada masa ini, bilangan Pengarah sedia ada merupakan saiz yang optimum untuk memastikan Lembaga Pengarah dapat berfungsi dengan berkesan.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz tersebut adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan pengesahan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, Jawatankuasa juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 127 to 128 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

GANJARAN PARA PENGARAH

Objektif dasar ganjaran Pengarah Syarikat adalah untuk menarik dan mengekalkan pengarah berkaliber tinggi yang diperlukan untuk menerajui Syarikat ke arah mencapai kejayaan. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, tahap imbuhan adalah berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC menyarankan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif	Gaji dan Imbuhan Lain	Bonus Tidak Tetap	Sumbangan KWSP	Jumlah
Dato' Abdul Rahman Ahmad	RM1,092,000	RM425,000	RM258,480	RM1,775,480

Pengarah Bukan Eksekutif	Fi Pengarah	Elaun dan Imbuhan Lain	Jumlah
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	RM100,000	RM29,500	RM129,500
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	RM80,000	RM27,000	RM107,000
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	RM80,000	RM20,500	RM100,500
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	RM80,000	RM7,500	RM87,500
Datuk Noriyah Ahmad	RM80,000	RM27,500	RM107,500

MENGEKALKAN LEMBAGA PENGARAH YANG BEBAS, MANTAP DAN BERKESAN

Penilaian prestasi Lembaga Pengarah menyediakan saluran yang berkesan untuk menilai bukan sahaja para pengarah bebas tetapi juga prestasi keseluruhan Lembaga Pengarah. Ia juga menyerlahkan perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dan tindakan pemulihan ke atas cara pentadbiran dan proses Lembaga Pengarah.

Syarikat telah mengguna pakai metodologi **"Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah" (BEE)** yang menumpukan kepada, antara lainnya:

- Penilaian prestasi Lembaga Pengarah – tanggungjawab, komposisi, pentadbiran dan proses, perilaku, interaksi dan komunikasi, keberkesanan Pengerusi dan CEO;
- Penilaian prestasi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah – struktur dan proses, akauntibiliti dan tanggungjawab, keberkesanan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah; dan
- Menanda aras keputusan penilaian Lembaga Pengarah dengan contoh sepadan bagi mendapatkan pandangan tambahan mengenai kecekapan dan isu-isu berkaitan Lembaga Pengarah.

BEE melibatkan penyempurnaan soal selidik oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, dan Jawatankuasa Pelaburan secara keseluruhannya. Penilaian formal ke atas prestasi Lembaga Pengarah telah dilaksanakan pada Mac 2013.

Bagi memastikan integriti dan kebebasan dalam proses penilaian, syarikat PwC Advisory Services dilantik sebagai Penasihat Bebas untuk memudah cara proses, menjadual dan melaporkan keputusan penilaian kepada Pengerusi. Ringkasan laporan kemudian dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

Di samping itu, Lembaga Pengarah, melalui NRC, telah mengadakan penilaian bebas ke atas semua Pengarah Bebas dalam tahun kewangan tersebut. Kriteria penilaian bebas tersebut adalah berpandukan takrifan “pengarah bebas” seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia MMLR. Selain itu, para Pengarah juga mengemukakan pengisytiharan tahunan bagi mematuhi Kod Etika Pengarah.

Ketidaksandaran dan Imbangan Kuasa

Untuk memastikan keseimbangan kuasa, jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif tidak dipegang oleh individu yang sama. Pengasingan yang jelas bagi kedua-dua peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang konstruktif di peringkat Lembaga Pengarah. Penggabungan kedua-dua jawatan ini boleh menyebabkan sikap berat sebelah dan menjejaskan keupayaan dan kesanggupan para Pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan mereka secara bebas. Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudah cara tugas Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan, kecekapan serta fungsi Lembaga Pengarah, di samping memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara. CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang merupakan individu-individu berkecuali tinggi dan terbilang, saling berkongsi pengetahuan yang mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan niaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas. Ini adalah untuk memastikan mereka mampu melakukan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Mereka bukan sahaja membawa kualiti kesaksamaan kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah tetapi juga memberi input yang membina dan berharga dalam mencapai keputusan itu.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah seperti yang dibentangkan di halaman 68 hingga 75 Laporan Tahunan ini.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Di samping itu, mesyuarat Lembaga Pengarah juga turut diadakan secara khusus untuk mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pelaburan dan isu-isu lain yang berbangkit. Lazimnya, Lembaga Pengarah juga bermesyuarat, sekurang-kurangnya sekali setahun, dengan pihak pengurusan kanan syarikat-syarikat portfolio untuk membincangkan hal-hal strategik, prestasi atau sebarang isu yang berkaitan dengan bidang perniagaan tertentu.

Jadual bagi mesyuarat Lembaga Pengarah diserahkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk merancang dan mendapatkan komitmen masa dari semua Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut.

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	AC	NRC	IC	CIC
	Bilangan Mesyuarat Dihadiri				
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	7 dari 7	5 dari 5	1 dari 1	-	-
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	6 dari 7	5 dari 5	1 dari 1	-	-
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	5 dari 7	-	1 dari 1	3 dari 3	-
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	3 dari 7	-	-	-	-
Datuk Noriyah Ahmad	7 dari 7	5 dari 5	-	-	1 dari 1
Dato' Abdul Rahman Ahmad	7 dari 7	-	-	3 dari 3	1 dari 1

Nota

1. AC – Jawatankuasa Audit
2. NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
3. IC – Jawatankuasa Pelaburan
4. CIC – Jawatankuasa Pelaburan CSR

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun mengikut bidang tugasnya.

LATIHAN PENGARAH

Belanjawan khusus bagi latihan Pengarah disediakan setiap tahun untuk menggalakkan para Pengarah menghadiri latihan yang berkaitan dan bermanfaat bagi membantu mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan dengan bidang atau industri tertentu. Para Pengarah juga menghadiri latihan untuk memastikan mereka mengetahui perkembangan semasa serta keperluan statutori dan kawal selia yang terkini.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai pembentang/penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dibentangkan pada halaman 135 hingga 136 Laporan Tahunan ini.

Program Latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2014

Pengarah	Tajuk Seminar/Bengkel/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	Form vs Function in Corporate Governance - Compliance and Lessons Learned	Sanjay Sidhu, Executive Director - BDO Malaysia / Maxis Berhad	10 Februari 2014
	KL Business Club - Changing Landscape of Asean	Professor Dr. Farish Noor, S Rajaratnam School of International Studies, Nanyang Technological University	23 April 2014
	Invest Malaysia Conference 2014	Pelbagai Pembentang / CIMB Berhad	9 & 10 Jun 2014
	The Malaysian Private Equity Forum	Pelbagai Pembentang / Ekuiti Nasional Berhad	9 September 2014
	Khazanah Megatrends Forum 2014	Pelbagai Pembentang / Khazanah Nasional Berhad	29 & 30 September 2014
	Great Companies Deserve Great Boards	Beverly A Behan, President Board Advisor, LLC / Malaysian Directors Academy (MINDA)	17 Oktober 2014
	Stay Humble, Act Nimble	Karamjit Singh, CEO Digital News Asia / Maxis Berhad	11 Disember 2014
	AEC & Globalisation	Tan Sri Rafidah Aziz, Chairman of AirAsia X / ABC Advisory Council	1 Disember 2014
	Khazanah Global Lectures - Great Cities - The Future	Boris Johnson, Mayor of London / Khazanah Nasional Berhad	2 Disember 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	ISIS National Forum on GST	ISIS	11 Februari 2014
	Perdana Leadership Roundtable on "Surviving the Next Global Financial Crisis"	Perdana Leadership Foundation	17 Mac 2014
	BNM-FIDE Forum Dialogue with the Governor "Economic & Financial Services Sector: Trends & Challenges Moving Forward"	Bank Negara Malaysia	24 Mac 2014
	FIDE Forum: Recovery & Resolution Plan "Board Leading the Way"	Bank Negara Malaysia / FIDE	9 Mei 2014
	TU-ASEAN International Conference 2014	Centre of Asean Studies, Thammasat University, Thailand	6 Julai 2014
	UiTM Global Economic Symposium	UiTM	6 September 2014
	The Malaysian Private Equity Forum	Pelbagai Pembentang / Ekuiti Nasional Berhad	10 September 2014
	Annual ASEAN Corporate Governance Summit 2014	Malaysian Institute of Corporate Governance	2 Oktober 2014
	Board of Directors Breakfast Series: "Great Companies Deserve Great Board"	Bursa Malaysia Berhad	10 Oktober 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014

Pengarah	Tajuk Seminar/Bengkel/Kursus	Pembentang/Penganjur	Tarikh
Tan Sri Mohamed Azman Yahya	Directors' In-house Training - Oil & Gas Industry Overview, QHSE and Personal Data Protection Act Compliance	Scomi Group Bhd	16 Januari 2014
	Talk on the Impact of GST on Property Developers	Symphony Life Berhad	19 Februari 2014
	Perdana Leadership Foundation Roundtable "Surviving The Next Global Financial Crisis" chaired by Tun Dr Mahathir Mohamad	Perdana Leadership Foundation	17 Mac 2014
	LSE Asia Forum 2014 - Building Asian futures: integration, welfare and growth?	London School of Economics	2 April 2014
	Dialogue with YAB PM "Sustainability & Diversity"	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	9 April 2014
	Forum on Integrated Reporting with the theme "Revolutionising the Way We Communicate Value in Malaysia"	SC/IIRC/ACCA Malaysia	23 April 2014
	KLBC Fireside Chat: TPP and Malaysia: Being Part of the Future Global Trade with YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, MITI	KLBC	6 Ogos 2014
	Business leaders dialogue with YAB PM and presentation by Minister in the PM's Office on "Partnerships in Nurturing Human Capital"	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	26 Ogos 2014
	CEO Forum 2014 "Malaysia: Surviving the Next Global Financial Crisis" : Panellist for Plenary Session: "Is the World Headed Towards Another Financial Catastrophe?"	Perdana Leadership Foundation	24 September 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014
Datuk Seri Dr. Rahamat Bivi Yusoff	New Funding Framework Best Practices Exchange Week	MDEC	11 – 15 Februari 2014
	Spring Meeting in World Bank Group and International Monetary Fund and Frontier in Development Policy, a Leadership Course	World Bank	14 – 18 April 2014
	The Global Entrepreneurship Summit 2014 (GES)	GES Marrakech, Morocco	19 – 21 November 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014
Datuk Noriyah Ahmad	The Malaysian Private Equity Forum	Pelbagai Pembentang / Ekuiti Nasional Berhad	9 September 2014
	Transforming the Nation National Conference	PTD Alumni	10 September 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014
Dato' Abdul Rahman Ahmad	The Malaysian Private Equity Forum	Pelbagai Pembentang / Ekuiti Nasional Berhad	9 - 10 September 2014
	Training on GST	PwC / Ekuiti Nasional Berhad	8 Disember 2014

INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak yang berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh menyatakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa dalam menyediakan penyata kewangan, Syarikat telah menggunakan dasar perakaunan yang sesuai, diguna pakai dan disokong oleh pertimbangan dan anggaran yang munasabah dan berhemat secara konsisten. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan untuk perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBASAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar Syarikat terlibat dalam menyediakan perkhidmatan lain bukan audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, juruaudit luar telah menyediakan pengesahan bertulis bahawa mereka telah mengkaji perkhidmatan bukan audit yang disediakan kepada Syarikat pada tahun ini, dan sepanjang pengetahuan juruaudit luar, perkhidmatan bukan audit tidak menjejaskan kebebasan juruaudit luar. Laporan Tahunan Syarikat juga menzahirkan fi yang diterima oleh juruaudit luar untuk kerja-kerja bukan audit.

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang memberikan jaminan munasabah mengenai operasi yang cekap dan berkesan dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 140 hingga 148 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalaman

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit, yang mana ini menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus.

Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



DASAR DAN GARIS PANDUAN PENDEDAHAN KORPORAT

Ekuinas telah menggariskan dan menerima pakai garis panduan pendedahan, yang dirumuskan berdasarkan beberapa garis panduan industri termasuklah yang dinyatakan di dalam Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Butiran dasar pendedahan dan rangka kerja dibentangkan di halaman 156 hingga 157 di dalam Laporan Tahunan ini.

Sebagai sebahagian daripada dasar pendedahan ini, Syarikat telah mendedahkan urusniaga berkaitan di dalam penyata kewangan. Butiran transaksi urusniaga berkaitan yang dilaksanakan oleh Syarikat di sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 digariskan di dalam Laporan Kecil Kewangan.

Laporan Jawatankuasa Audit dibentangkan di 149 to 155 Laporan Tahunan ini.

HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memainkan peranan dan memenuhi matlamatnya sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Dalam perkara ini, Syarikat sedar akan kepentingan memelihara ketelusan dan akauntabiliti bagi memastikan hubungan dengan pihak berkepentingan Syarikat sentiasa baik dan produktif. Komitmen penuh untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik tadbir urus korporat Ekuinas, selain daripada memastikan keperluan kawal selia dipenuhi dengan sewajarnya.

Oleh yang demikian, Ekuinas bertekad mengekalkan standard tertinggi dalam menyediakan maklumat penting yang relevan mengenai perkembangan Syarikat serta mengurus kepentingan pihak berkepentingannya. Oleh yang demikian, Syarikat amat menitikberatkan kepentingan penyebaran maklumat yang tepat pada masanya dan telus kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Ekuinas amat menitikberatkan komunikasi dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan ini dilakukan melalui komunikasi secara proaktif dengan mereka tentang isu-isu penting dalam usaha memahami keperluan dan harapan mereka dengan lebih mendalam. Dengan ini, Syarikat berharap dapat memberikan maklum balas yang sesuai dan sewajarnya.

Laporan Tahunan

Selain membuat pengumuman media, Syarikat juga menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan tentang aktiviti perniagaan, kewangan dan aktiviti utama lain di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengemukakan pendedahan yang jelas dan menyeluruh di dalam Laporan Tahunan, selaras dengan prinsip yang termaktub dalam Bursa Malaysia MMLR (di mana perlu) dan Kod.

Siaran Akhbar

Syarikat membuat pengumuman melalui siaran akhbar dan mengadakan sidang media untuk memaklumkan maklumat terkini mengenai kemajuan syarikat, perkembangan penting korporat dan pelbagai inisiatif perniagaan.

Laman Web Syarikat

Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman web sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Ini termasuk mewujudkan seksyen khusus untuk tadbir urus korporat dan menyediakan maklumat seperti dasar pendedahan, laporan tahunan, siaran akhbar, pengumuman dan maklumat korporat.

Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawangnya di **www.ekuinas.com.my**.

Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:

Telefon : 03-7710 7171

Faks : 03-7710 7173

Perkara Umum

Unit Komunikasi

E-mel : info@ekuinas.com.my

Tadbir Urus Korporat

Unit Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko

E-mel : governance@ekuinas.com.my

Penyata Tadbir Urus Korporat ini dibuat menurut resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 20 Mac 2015.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

PENGENALAN

Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamannya menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun MMLR tidak terpakai kepada Syarikat.

Bagi menyediakan penyata ini, Lembaga Pengarah telah berpandukan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamannya: Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Tersenarai oleh Institut Juraudit Dalamannya Malaysia yang diterima pakai dan diluluskan oleh Bursa Malaysia.

TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Dalam menjalankan tugas yang diamanahkan, Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi memastikan kecukupan dan integriti memuaskan melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa sistem ini hanya boleh memberikan jaminan yang munasabah dan bukan jaminan mutlak terhadap kerugian ketara, penipuan, kenyataan yang tidak tepat dan pelanggaran undang-undang atau peraturan.

Jawatankuasa Audit (AC) ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC).

Lembaga Pengarah juga telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalamannya dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalamannya.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Kanan memainkan peranan penting dalam membantu Lembaga Pengarah melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan dengan mengenal pasti dan menilai risiko yang dihadapi, serta mereka bentuk, pengoperasian dan pemantauan sistem kawalan dalaman yang bersesuaian untuk mengurangkan dan mengawal risiko-risiko ini.

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalamannya

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga semasa penyata ini diluluskan.


SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang menerangkan dengan jelas akauntibiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin Syarikat mencapai matlamat strategiknya.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan mengekalkan rangka kerja kawalan dalaman yang bersesuaian. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urusan strategik khusus serta memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



Jawatankuasa Audit (AC)

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit, menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama AC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang menyelia fungsi audit dalaman Syarikat melapor terus kepada Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit dianggotai keseluruhannya oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh CEO dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. Walaupun risiko yang dilaporkan tidak mewakili semua risiko perniagaan yang dihadapi oleh Ekuinas, objektif laporan risiko adalah untuk mengenalpasti risiko perniagaan yang penting untuk menggariskan langkah utama bagi mengurangkan risiko yang melibatkan Ekuinas sebagai organisasi dan juga syarikat portfolionya.

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan ditarafkan untuk menentukan kesan dan kemungkinan ia berlaku berdasarkan Rangka Kerja Penarafan Risiko Syarikat berlandaskan Dasar Pengurusan Risiko Ekuinas yang telah diluluskan.

Dalam usaha mengurangkan risiko, inisiatif utama dikenalpasti melalui perbincangan dengan pihak Pengurusan. Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan didokumenkan dalam laporan dan dibentangkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun. Proses ini dikendalikan setiap suku tahun, di mana risiko perniagaan baru dikenalpasti dan risiko sedia ada dikaji semula serta keberkesanan inisiatif pengurangan risiko yang telah dikenalpasti turut dipantau.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab RMC:

- menyemak dan mengesyorkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun;
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.

Selaras dengan tanggungjawab di atas, empat (4) mesyuarat RMC telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2014. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan CGRM adalah untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Pengurusan syarikat untuk menjalankan tugas dengan berkesan dengan melaksanakan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko, mencadangkan cara untuk mengurangkan risiko tersebut dan memastikan proses tadbir urus korporat yang betul. Sebagai peranan penting dalam proses ini, CGRM akan memberikan analisis, penilaian, nasihat dan maklumat yang bebas kepada Jawatankuasa Audit berkenaan aktiviti yang dikaji.

Aktiviti utama yang dijalankan oleh CGRM yang menambah nilai kepada Syarikat dan syarikat portfolio adalah seperti berikut:-

- **Mengkaji Matlamat dan Aktiviti**
Mengkaji aktiviti operasi dan memastikan matlamat utama adalah sejajar dengan matlamat keseluruhan perniagaan.
- **Menilai Risiko**
Mengenalpasti semua aktiviti dan faktor risiko berkaitan yang boleh diaudit dan menilai kepentingannya.
- **Mengesahkan Maklumat Kewangan dan Bukan Kewangan**
Mengkaji dan mengumpul maklumat yang memuaskan, berdasarkan fakta dan lengkap.
- **Menganalisis Operasi**
Menganalisa dan memeriksa operasi untuk menilai keberkesanannya dan jika perlu, membuat cadangan untuk penambahbaikan.
- **Memberikan Jaminan Tentang Pematuhan**
Memberikan jaminan mengenai pematuhan kepada keperluan berkanun, undang-undang, dasar dan garis panduan syarikat.
- **Mencadangkan Kawalan Dalaman**
Mencadangkan kawalan yang bersesuaian untuk mengatasi kekurangan dan menambahbaik operasi.
- **Menjamin Perlindungan**
Menilai dasar-dasar sedia ada bagi melindungi aset syarikat.
- **Menasihati dan Memudahcara**
Membantu menubuhkan rangka kerja pengurusan risiko yang sesuai, menilai risiko dan memantau keberkesanan program pengurusan risiko dan memastikan kecukupan sistem kawalan dalaman.
- **Tugasan Khas dan Ad-hoc**
Menjalankan penyiasatan dan semakan ad-hoc yang dipohon oleh Pengurusan dan/atau Jawatankuasa Audit.

Pelan tahunan dan KPI CGRM dikaji dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah dan keputusan audit dilaporkan secara berkala kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan.

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Strategi Pengurangan Risiko

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalanpastian dan pengurusan risiko yang penting untuk mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji semula dan ditambah baik secara sistematik.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat jenis ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)			
Strategik	Pelaburan Langsung	Program Penyumbangan Luar	Operasi
➤ Persekitaran Luaran ➤ Pembiayaan ➤ Kawalan setia ➤ Pihak Berkepentingan	➤ Aliran urusniaga dan penilaian ➤ Prestasi dan pengurusan pelaburan ➤ Objektif sosial	➤ Pemilihan OFM ➤ Prestasi OFM ➤ Pengurusan OFM	➤ Sumber Manusia ➤ Perbendaharaan ➤ Pengurusan Kewangan dan Pelaporan ➤ Pematuhan ➤ Perkhidmatan Bersama

RISIKO SYARIKAT PORTFOLIO			
Strategik dan Pasaran	Perniagaan dan Kewangan	Penciptaan Nilai	Strategik Pelaksanaan
➤ Persekitaran Luaran ➤ Industri ➤ Kerajaan dan Kawal Selia	➤ Operasi perniagaan ➤ Perbelanjaan modal dan pelaburan ➤ Penggajian Hutang	➤ Pengembangan Perniagaan ➤ Penggabungan & Pengambilalihan	➤ Sumber Manusia ➤ Sistem dan Proses IT ➤ Pengurusan dan Laporan Kewangan ➤ Tadbir Urus dan Pematuhan

Risiko strategik yang merangkumi persekitaran luaran, pasaran dan industri, kawal selia dan pengurusan pihak berkepentingan diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan. Penerimaan dan pelaksanaan dasar-dasar Pendedahan, Pengurusan Pihak Berkepentingan dan Komunikasi adalah sebahagian daripada pelan pengurangan risiko untuk risiko strategik.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggajian, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat.

Risiko operasi, yang wujud dalam semua aktiviti perniagaan, merupakan risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan sokongan kepada kawalan, proses atau sistem dalaman. Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mengguna pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat. Rangka kerja ini telah didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan urusan yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini diterima pakai di dalam semua proses pelaburan dan urusan pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusan strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambilkira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Laporan Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan pendekatan Ekuinas terhadap pengurusan risiko, mengaitkannya dengan matlamat strategik dan organisasi dan menyepadukannya dengan proses perniagaan syarikat. Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, dan keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan Syarikat Portfolio. Elemen utama proses ini adalah:

PENDEKATAN PENILAIAN RISIKO			
KONTEKS	KEKERAPAN	PROSES	
Ekuinas	Dikemaskini setiap Suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun	Memastikan kajian risiko-risiko utama dan langkah-langkah pengurangan bagi Syarikat dan syarikat-syarikat portfolio dibentangkan di mesyuarat RMC dan pembentangan seterusnya kepada AC dan Lembaga.
Syarikat Portfolio	Dikemaskini setiap Suku tahun	Laporan Risiko setiap suku tahun	
Cadangan Pelaburan	Apabila perlu	Prosedur Cadangan pelaburan	

Proses Kawalan Dalaman Utama

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**


Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan mempunyai Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.

• **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat. Prosedur bertulis ini meliputi bidang Pelaburan Langsung, Program Penyumberan Luar, Kewangan, Sumber Manusia, Teknologi Maklumat (IT), Perolehan, Perundangan, Pengurusan Pihak Berkepentingan, Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) serta dasar dan prosedur penting lain. Rangka Kerja SOP untuk syarikat adalah seperti ilustrasi di bawah:

RANGKA KERJA DASAR DAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

Sejajar dengan Model Operasi Ekuinas



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	Kewangan & Perakaunan		Sumber Manusia	
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi: ➤ Aset Tetap (✓) ➤ Tunai Runcit (✓) ➤ Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan (✓) ➤ Belanjawan (✓) ➤ Pembayaran & Tuntutan (✓) ➤ Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan (✓)		Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi: ➤ Pengurusan Gaji (✓) ➤ Latihan & Pembangunan (✓) ➤ Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan (✓) ➤ Pengurusan Prestasi & Pampasan (✓) ➤ Pelan Pengekalan Jangka Panjang (✓) ➤ Pengurusan Bakat (✓) ➤ Hubungan Pekerja (✓)	
	Perbendaharaan ➤ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan (✓)		Perundangan ➤ Prosedur Operasi Standard Perundangan (✓)	
	Perolehan & Pentadbiran ➤ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan (✓)		MIS ➤ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat (✓)	
	Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ➤ Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR (✓)		Komunikasi ➤ Dasar Komunikasi (✓)	
	Pengurusan Pihak Berkepentingan ➤ Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan (✓)		Dasar Pendedahan ➤ Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan (✓)	

Nota: (✓) Lengkap/Sempurna dan diluluskan untuk diterima pakai

- **Kod Etika**

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borangakuan penerimaannya.

- **Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban dan menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, kontraktor, perunding dan penasihat utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini yang tidak terhad kepada penamatan perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar dan Prosedur Sumber Manusia**

Syarikat telah menetapkan garis panduan yang sewajarnya bagi pengambilan dan pemberhentian kakitangan, program latihan untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan cukup terlatih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Senarai SOP Sumber Manusia yang telah didokumenkan adalah seperti berikut:

- Terma dan Faedah Penggajian;
- Pengurusan Gaji;
- Pengurusan Prestasi dan Pampasan;
- Hubungan Pekerja;
- Latihan dan Pembangunan;
- Pengambilan Pekerja; dan
- Pengurusan Prestasi dan Pampasan.

- **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**

Antara komponen utama Rangka Kerja SOP ialah Dasar dan Prosedur ICT. Ia digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam urusan ICT Syarikat dan juga untuk melindungi sumber, pengkalan data dan maklumat syarikat. Panduan prinsip bagi Dasar dan Prosedur ICT adalah seperti berikut:

- Dasar Pengurusan ICT dan Pengguna;
- Pengurusan Keselamatan;
- Dasar E-mel;
- Dasar Internet;
- Dasar Kesenambungan dan Pemulihan Perniagaan;
- Dasar Pengurusan Aset ICT;
- Dasar Pengurusan Perubahan;
- Pengurusan Peristiwa; dan
- Pengurusan Komunikasi ICT.

- **Proses Belanjawan**

Setiap Jabatan di dalam Syarikat dikehendaki menyediakan belanjawan tahunan bagi membentuk belanjawan dan rancangan keseluruhan Syarikat yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah. Sistem laporan untuk menilai perbelanjaan sebenar berbanding belanjawan telah diwujudkan dan sebarang percanggahan ketara yang dikesan akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

- **Dasar Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan**

Di antara komponen utama Rangka Kerja SOP dan Dasar adalah Dasar dan Prosedur Laporan Kewangan dan Garis Panduan Penilaian Saksama Portfolio Pelaburan yang digubal bagi memastikan kawalan pengurusan yang mencukupi dan operasi yang lancar dalam aktiviti kewangan syarikat.

Matlamat SOP ini adalah untuk memastikan laporan kewangan syarikat mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia dan memastikan penilaian dibuat mengikut prinsip penilaian umum yang diterima pakai dan juga menurut cadangan seperti yang dinyatakan dalam "International Private Equity and Venture Capital Valuation Guidelines" (Garis Panduan IPEV).

- **Pendedahan Urusniaga Sekuriti**

Sejajar dengan komitmen Syarikat untuk mengukuhkan standard etika perniagaan yang tinggi, satu Dasar Perdagangan Orang Dalam dan Dasar Pendedahan telah dilaksanakan. Kakitangan Ekuinas diminta untuk menandatangani Akujanji Kelakuan Profesional yang menyediakan garis panduan ketakdedahan maklumat sulit, konflik kepentingan dan larangan perdagangan orang dalam. Satu senarai diedarkan secara tetap kepada semua kakitangan bagi memaklumkan larangan pelaburan di dalam sekuriti tersenarai yang telah dikenalpasti.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar Whistle Blowing**

Buku panduan dan dasar ini adalah sebahagian daripada budaya Syarikat dan membuktikan komitmen Syarikat dalam mencegah penipuan. Ia juga memupuk persekitaran yang telus dan terbuka agar penipuan di dalam Syarikat dapat dilaporkan.

- **Pengurusan Prestasi**

Syarikat komited untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkeupayaan, berdedikasi dan berbakat. Pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan terus ditekankan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif demi memastikan kakitangan mempamerkan mutu dan kemahiran yang sewajarnya. Bagi menyemai budaya kerja berprestasi tinggi, semakan prestasi dan ganjaran dikait rapat dengan penunjuk prestasi utama sejajar dengan visi dan misi Syarikat.

- **Rangka Kerja Latihan dan Pembangunan**

Syarikat mengamalkan dasar melatih kakitangan di semua peringkat supaya mereka mampu melaksanakan tugas semasa dengan cekap, di samping melatih mereka yang berpotensi untuk melaksanakan tugas dengan tanggungjawab yang lebih besar supaya mereka bersedia untuk menggalasnya apabila diperlukan.

- **Dasar Komunikasi**

Dasar Komunikasi dilaksanakan demi memastikan bahawa komunikasi di seluruh Syarikat, serta kepada masyarakat awam dan pihak berkepentingan, diurus secara berkesan. Ini penting bagi memastikan imej Ekuinas yang konsisten sepanjang masa.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

• Dasar dan Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Dasar dan Rangka Kerja CSR digubal untuk memastikan tadbir urus yang baik bagi semua aktiviti CSR yang dijalankan oleh Syarikat mengikut prinsip-prinsip panduan dan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Dasar ini mempunyai tujuan yang berikut:

- i. Mendokumenkan komitmen dan harapan Lembaga Pengarah dan Pengurusan ke atas tanggungjawab kakitangan semasa melaksanakan aktiviti CSR Syarikat;
- ii. Menyediakan garis panduan dalam membuat keputusan untuk pemilihan inisiatif CSR; dan
- iii. Memastikan aktiviti CSR Syarikat memenuhi objektif dan niat yang ditetapkan.

Di samping itu, Jawatankuasa Pelaburan CSR (CIC) telah ditubuhkan untuk memastikan penilaian yang bebas dan tadbir urus yang baik dalam penyaluran dana untuk Program Pembangunan Kapasiti Usahawan Bumiputera.

• Kawalan Pelaburan

Di dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.

Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

• Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan

Garis panduan pendedahan Ekuinas digubal berdasarkan beberapa garis panduan industri, antaranya, termasuklah yang digariskan dalam *The Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, kumpulan pemantau ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan. Rangka kerja ini juga digubal berikutan kajian ke atas pendedahan yang dibuat oleh syarikat ekuiti persendirian, dana negara berdaulat dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia. Maklumat dasar dan rangka kerja pendedahan diterangkan dengan terperinci di halaman 156 to 157 dalam Laporan Tahunan ini.

Semakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2014.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad ini dilaksanakan selaras dengan Panduan Amalan Disyorkan (RPG) 5 (Pindaan) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. RPG 5 (Pindaan) tidak memerlukan juruaudit luar untuk menyatakan pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Tumpuan ke atas langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampunan perniagaan akan terus dilaksanakan.

Penyata ini dibuat menerusi resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 20 Mac 2015.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit (AC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Komposisi dan Kehadiran Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Komposisi Jawatankuasa Audit dan rekod kehadiran adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Kehadiran mesyuarat	%
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Datuk Noriyah Ahmad	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100

Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan, Ketua CGRM dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. Jawatankuasa Audit juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit pada 13 Mac 2014 dan 18 September 2014.

Pengerusi Jawatankuasa Audit membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah. Minit-minit mesyuarat diambil dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Audit serta ahli-ahli Lembaga Pengarah yang lain.

Objektif

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun serta tanggungjawab lain yang berkaitan dengan kawalan dalaman, hal ehwal kewangan dan perakaunan, pematuhan dan pengurusan risiko.

Bidang Tugas

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:

Komposisi Ahli

Komposisi Ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:

- Jawatankuasa Audit hendaklah dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahlinya hendaklah terdiri daripada Pengarah bebas dan semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:
 - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika beliau bukan ahli MIA, beliau hendaklah memiliki sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman bekerja dan:
 - beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - beliau adalah ahli salah sebuah persatuan akauntan seperti yang termaktub dalam Bahagian II Jadual Pertama, Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit;
- Sekiranya berlaku kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit dan menyebabkan ketidakpatuhan terhadap keperluan yang dinyatakan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam tempoh tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat hendaklah bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Skop

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua kakitangan diarahkan agar bekerjasama seperti mana yang diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa ini menjalankan tanggungjawabnya;
- Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalam dan pihak Pengurusan melalui mesyuarat yang telah ditetapkan;
- Jawatankuasa Audit akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalam dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- Jawatankuasa Audit boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa Audit membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan syarikat yang membabitkan implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Audit agar penyiasatan dapat dijalankan.

Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai kuasa berikut seperti yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah:

- kuasa untuk menyiasat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang bebas dan bukan eksekutif, tanpa kehadiran mana-mana pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau sekiranya perlu.

Mesyuarat

- Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan fungsi mereka. Korum mesyuarat Jawatankuasa Audit ialah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- selain daripada ahli-ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan kumpulan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dibentangkan untuk perbincangan. Juruaudit Luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit, di atas permintaan Juruaudit Luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- Juruaudit berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan hendaklah hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Jawatankuasa tersebut.

Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit berkaitan kumpulan-kumpulan berikut adalah seperti di bawah:

a. Lembaga Pengarah

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang sediakan oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk dilaporkan kepada Lembaga Pengarah:
 - Mengetahui fakta penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
 - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Audit dengan menumpukan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Audit, secara berkala;
 - Ringkasan mengenai kebimbangan dan kelemahan ketara dalam persekitaran kawalan yang diperhatikan sepanjang tahun dan langkah-langkah sesuai yang diambil untuk menangani isu-isu tersebut;
- Menyelia fungsi jabatan CGRM dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- Mengkaji segala urusan berkaitan pematuan yang disediakan oleh Pengurusan berkaitan keperluan kawal selia atau keperluan pelaporan luar lain, berhubung operasi Syarikat;
- Semakan laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit, oleh yang demikian, semua fungsi yang dinyatakan di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit dan diselaraskan dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan; dan
- Mempertimbangkan perkara-perkara lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

b. Juruaudit Luar

- Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan memastikan penyelarasan sekiranya ia melibatkan lebih daripada satu firma audit;
- Berbincang dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahunan dan tahunan Syarikat, dengan memberi tumpuan khusus terhadap:
 - sebarang perubahan dalam dasar dan amalan perakaunan;
 - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
 - andaian usaha berterusan; dan
 - pematuan kepada piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

c. Juruaudit Dalaman

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan lain-lain perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
 - Mengkaji semula kecukupan skop, fungsi, sumber fungsi audit dalaman dan memastikan ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
 - Menyemak semula program dan proses audit dalaman, hasil program dan hasil proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan sewajarnya diambil susulan daripada saranan fungsi audit dalaman;
 - Menyemak sebarang penilaian yang dibuat ke atas prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
 - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah bidang kuasa fungsi audit dalaman;
 - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman;
 - Mengemaskini maklumat terkini tentang peletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab perletakan jawatan;
 - Memastikan Audit Dalaman sentiasa mempunyai sumber yang mencukupi dan cekap;
 - Memantau dengan teliti sebarang percanggahan ketara antara Audit Dalaman dengan pihak Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
 - Mempertimbangkan isu-isu penting yang diperolehi daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

d. Transaksi Pihak Berkaitan

- Mempertimbangkan sebarang transaksi pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.

Aktiviti-aktiviti

Sejajar dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja bagi tahun kewangan tersebut yang masing-masing disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan laporan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting untuk diguna pakai oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak fi juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan mempertimbangkan laporan audit, isu dan saranan daripada juruaudit dalaman dan luar berdasarkan audit yang dikendalikan sepanjang tahun ini;
- Menyemak kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan dalam lingkungan fungsi audit dalaman untuk melaksanakan pelan ini serta hasil kerja mereka; dan
- Menyemak dan mempertimbangkan semakan khas dan semakan ad-hoc yang dijalankan oleh CGRM atas permintaan khas Jawatankuasa Pengurusan/Audit.

Fungsi Audit Dalam

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan kepada Ketua Pegawai Eksekutif dari aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam Tadbir Urus Korporat yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan system kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman dengan sumber yang mencukupi untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman dan keseluruhan amalan tadbir urus yang cekap. Semakan dan inisiatif penambahbaikan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam pelan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit pada tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumenkan dan memformalkan dasar dan prosedur Syarikat, mengkaji semula serta mendokumenkan risiko Ekuinas untuk dilaporkan kepada RMC dan Jawatankuasa Audit.

Di samping itu, CGRM juga turut berbincang dengan syarikat-syarikat portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik. Di antara inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan bersama dengan pengurusan syarikat-syarikat portfolio adalah menyemak dan mengemaskini had kuasa untuk diluluskan dan diguna pakai, membantu dalam menubuhkan unit audit dalaman dalam syarikat-syarikat portfolio (di mana perlu) dan membantu mereka dalam inisiatif penambahbaikan tadbir urus dan kawalan mengikut keperluan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Ringkasan inisiatif tadbir urus utama yang dilaksanakan di syarikat portfolio pasca-perolehan Ekuinas adalah seperti berikut:

Syarikat-Syarikat Portfolio	Had Kuasa Melulus	EXCO dan Lembaga Pengarah	Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat	Rangka Kerja Prosedur Operasi Standard	Audit Dalaman/ Pematuhan	Dasar/Laporan Pengurusan Risiko	Ulasan Proses Penambahbaikan
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓	✓	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓	✓
	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan	✓	✓	-
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	-	✓	-
	✓	✓	✓	✓	✓	✓	Sedang dilaksanakan
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	-	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan

Syarikat-Syarikat Portfolio	Had Kuasa Melulus	EXCO dan Lembaga Pengarah	Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat	Rangka Kerja Prosedur Operasi Standard	Audit Dalaman/ Pematuhan	Dasar/Laporan Pengurusan Risiko	Ulasan Proses Penambahbaikan
	✓	✓	-	-	-	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	Sedang dilaksanakan	✓	✓
	✓	✓	-	Sedang dilaksanakan	-	✓	✓
	✓	✓	-	Sedang dilaksanakan	-	✓	Sedang dilaksanakan

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses ketekunan wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan menurut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 20 Mac 2015.

DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antara lainnya seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau sovereign wealth funds dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.


Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarkan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan dana negara berdaulat yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan saksama dan menyeluruh kepada pihak awam melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa.
- Bersikap responsif terhadap permohonan maklumat daripada pihak berkepentingan utama; dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat atas permintaan rakan pelabur bersama atau sekiranya pendedahan tersebut dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai syarikat, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Rangka Kerja Pendedahan Ekuinas



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

RENDAH DIRI

MEMPERKASA KOMUNITI · MENYUNTIK KELAINAN

Kami berpegang teguh kepada asal-usul kami dan berkhidmat untuk satu tujuan yang lebih besar. Kami menghidupkan etika kerja yang mencerminkan semangat bersatu, saling hormat menghormati dan mengutamakan kebaikan bersama.







**MEMPERKASA
KOMUNITI.
MENYUNTIK
KELAINAN.**



Sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat, Ekuinas memberi sokongan kepada sebuah organisasi bukan kerajaan, PUSAKA dalam usaha-usahanya untuk mengekalkan seni rebana ubi dan berkongsi pengetahuannya kepada generasi lebih muda.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

GAMBARAN KESELURUHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan penyertaan ekonomi Bumiputera melalui pendekatan pelaburan ekuiti persendirian kami, model operasi Ekuinas itu sendiri merupakan satu objektif sosial. Namun demikian, kami menyedari bahawa terdapat banyak kumpulan dalam masyarakat yang akan mendapat lebih manfaat dengan adanya sokongan dan bantuan dari Ekuinas.

Pada tahun 2013, Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ekuinas telah diperkenalkan bagi menyediakan sebuah struktur untuk pelbagai aktiviti CSR.


Objektif Rangka Kerja CSR adalah untuk memperkasakan kedua-dua komuniti usahawan Bumiputera melalui Pembinaan Keupayaan Usahawan dan juga masyarakat Malaysia melalui aktiviti sosial, yang akan menjadi pemangkin kepada penambahbaikan dalam bidang pendidikan, meningkatkan tahap kehidupan golongan yang miskin dan kurang bernasib baik, dan memperkasakan para profesional di dalam lapangan seni dan budaya.

Semua aktiviti dan tindakan CSR Ekuinas mencerminkan agenda perniagaan teras kami, iaitu mewujudkan nilai strategik dan menjana kesan yang berkekalan dan positif untuk perniagaan dan masyarakat. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dijalankan oleh kakitangan secara sukarela untuk menggalakkan semangat altruisme di kalangan semua kakitangan Ekuinas.

Bagi tahun 2014, tumpuan aktiviti CSR Ekuinas adalah Pembinaan Keupayaan Usahawan, Pendidikan dan sokongan dari para profesional dalam lapangan seni dan budaya.







Rajah 1: Rangka Kerja CSR Ekuinas

PEMBINAAN KEUPAYAAN USAHAWAN 2014

Berikutan kejayaan projek perintis di bawah program CSR 2013 - Habibah Enterprise Sdn Bhd atau lebih dikenali sebagai Bibah Songket – pasukan CSR terus menyalurkan usaha bagi membantu syarikat-syarikat di bawah kategori Perusahaan Mikro dan Kecil (MASE).

Pada mulanya, lima syarikat dipertimbangkan untuk Program CSR 2014 dan selepas menggunakan alat MASE – Pemeriksaan Diagnostik dan Pelan Tindakan MASE – untuk mengenalpasti dan menangani cabaran yang dihadapi oleh perniagaan, pasukan CSR bersama-sama dengan pengurusan memilih Al Quds Travel Sdn Bhd (Al Quds) sebagai syarikat yang dibimbing di bawah Program Pembinaan Keupayaan Usahawan 2014.

Al Quds telah dipilih sebagai syarikat kedua untuk program CSR kerana perniagaannya yang sejajar dengan objektif dan prinsip CSR Ekuinas – sebuah **syarikat Bumiputera, dengan impak yang bermakna dan meluas** serta **pengasas yang bersemangat** yang ingin memastikan **kemampuan perniagaan** mereka dengan **menangani isu-isu** yang kami percaya boleh diselesaikan. Al Quds mempunyai pasukan pengurusan yang mantap dengan fokus strategik yang kukuh dalam menempatkan dirinya dalam perniagaan pelancongan yang sangat kompetitif. Selain itu, perniagaan tersebut memberi tumpuan kepada masyarakat Islam dan menawarkan peluang pekerjaan berskala besar melalui cawangan-cawangannya. Sebuah pasukan yang terdiri daripada dua orang sukarelawan dari Ekuinas, bersama-sama dengan dua individu yang berdedikasi dari Pricewaterhouse Coopers (PwC) telah mengambil masa kira-kira enam bulan untuk membentuk konsep pendekatan holistik dalam menangani cabaran perniagaan utama yang dihadapi oleh Al Quds.

Al Quds telah ditubuhkan pada tahun 2000 oleh sepasang suami isteri di Kota Bharu, Wan Muhd Zamri dan Razni Eliana, yang masih aktif menguruskan operasi perniagaan harian bersama 50 orang kakitangan. Perniagaan tersebut khusus memberi tumpuan kepada pelancongan Islam untuk destinasi domestik dan antarabangsa serta menyediakan perkhidmatan yang komprehensif termasuk penjualan tiket, pakej pelancongan, pengangkutan dan perkhidmatan lain yang berkaitan. Ia kini mempunyai enam (6) cawangan di seluruh negara termasuk di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu, Tawau dan Bangi.

Selepas beberapa perbincangan dengan kakitangan utama dan lawatan suai kenal ke ibu pejabat di Kota Bharu untuk memahami perniagaan, keputusan daripada Pemeriksaan Diagnostik MASE menunjukkan bahawa perniagaan tersebut berjalan dengan lancar. Perniagaan tersebut berdepan dengan cabaran perniagaan yang minimal iaitu kekurangan proses kewangan dan sistem IT. Selain itu, ia juga menghadapi masalah akses yang terhad kepada pembiayaan bagi tujuan mengembangkan lagi perniagaan. Seterusnya, satu Pelan Tindakan MASE telah dibangunkan bagi menangani cabaran-cabaran ini dan pendekatan yang menyeluruh telah diambil untuk menyelesaikan masalah-masalah perniagaan.

Pasukan CSR dan PwC bekerjasama untuk mengukuhkan proses kewangan Al Quds untuk menjadikannya lebih cekap dan juga untuk melaksanakan sistem teknologi maklumat (IT) yang komprehensif untuk menyokong keperluan perniagaan yang semakin berkembang. Pelaburan dalam sistem IT dijangka akan membantu Al Quds untuk bersaing dengan pemain industri yang lebih besar dan mengatasi halangan dan membuka peluang yang lebih meluas, terutamanya dalam menawarkan perkhidmatan kepada pasaran Haji dalam masa terdekat. Sistem IT yang canggih ini akan memperlengkapkan Al Quds dalam menawarkan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dengan mempercepatkan proses tempahan dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan jualan, di samping mempertingkatkan analisis perniagaan dari segmen-segmen yang menguntungkan.

Agensi Pelancongan berlandaskan Islam yang terkemuka di Kota Bharu

...menghadapai cabaran-cabaran perniagaan untuk naik ke tahap yang lebih kompetitif

KEPIMPINAN YANG MANTAP

Diuruskan oleh pasukan suami isteri dengan wawasan jangka panjang yang mantap

PROSES KEWANGAN YANG TIDAK EFISIEN

Proses perlu dilakukan secara manual; banyak berasaskan kertas

MODEL PERNIAGAAN YANG BAGUS

Pengkhususan yang terkenal di kalangan komuniti tempatan dengan perkhidmatan yang diperibadikan untuk setiap pelanggan

SISTEM IT YANG TIDAK MENCUKUPI

Sistem sedia ada terlalu asas untuk menyokong keperluan yang semakin bertambah dan tidak dihubungkan dengan cawangan

TAWARAN PRODUK YANG SANGAT BAIK

Perniagaan berasaskan niat yang baik untuk berkhidmat kepada komuniti muslim yang mempunyai permintaan yang tinggi ke atas perkhidmatan pelancongan berlandaskan Islam

AKSES YANG TERHAD KEPADA PEMBIAYAAN

Pembiayaan modal perlu untuk mengembangkan perniagaan - pasaran Haji



Rajah 2: Kekuatan dan Cabaran Al Quds

Ekuinas telah memperuntukkan sehingga RM350,000 untuk membantu Al Quds dalam meningkatkan keupayaan perniagaan agar dapat mencapai potensi sepenuhnya. Inisiatif tersebut dijangka siap pada Jun 2015 beserta semua inisiatif lain, pementoran dan latihan secara aktif, Al Quds akan menjadi serba lengkap untuk menawarkan perkhidmatan kepada pasaran haji pada tahun 2017.

Dalam tahun 2015, Program Pembinaan Keupayaan Usahawan berhasrat untuk mengenal pasti tiga syarikat dalam kategori MASE yang akan dibimbing dan untuk merealisasikan potensi perniagaan mereka. Peserta akan diberi akses ke pelbagai peluang pembangunan dari Ekuinas – dari segi pendidikan keusahawanan, sumber manusia, pemasaran, kewangan dan perakaunan, dan nasihat undang-undang am.

Berikut adalah beberapa maklumat yang diperlukan untuk pemilik perniagaan mikro dan kecil yang berminat untuk dipertimbangkan bagi Program Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR Ekuinas:



Rajah 3: Maklumat asas yang diperlukan untuk dinilai bagi Program Pembinaan Keupayaan Usahawan CSR Ekuinas

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang program ini, pihak yang berminat boleh menghubungi unit CSR di Ekuinas:

Tel : 03-7710 7171 E-mel : info@ekuinas.com.my

PENEGASAN KE ATAS PEMERKASAAN PENDIDIKAN

Sebagai satu daripada enam sektor tumpuan Ekuinas untuk pelaburan, sektor pendidikan merupakan industri utama di mana Ekuinas berharap dapat memberi sumbangan penting. Ekuinas tidak hanya mempunyai salah satu kumpulan pendidikan swasta terbesar di negara ini, tetapi juga berharap untuk dapat menyenaraikannya di dalam Bursa Malaysia dalam masa terdekat.

Selain mewujudkan nilai tersendiri dalam aset-aset pendidikan kami, dan memberi impak kepada kehidupan pelajar-pelajar serta para staf, Ekuinas juga berusaha untuk menyentuh kehidupan komuniti melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan di bawah rangka kerja CSR kami.

Sumbangan yang paling utama adalah biasiswa yang disediakan oleh Ekuinas untuk pelajar daripada Kumpulan Cosmopoint yang layak dan juga melalui pihak luar, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB),

yang ditugas untuk meningkatkan kualiti, kuantiti dan kesesuaian bakat Bumiputera ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi.

Dana Pendidikan Ekuinas-Kumpulan Cosmopoint

Syarikat portfolio kami, Kumpulan Cosmopoint, yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT), telah menyediakan akses kepada pendidikan lanjutan bagi mereka yang tidak mempunyai peluang untuk berbuat demikian, misalnya, mereka yang mempunyai latar belakang yang kurang bernasib baik dari segi pendapatan isi rumah serta prestasi akademik.

Selaras dengan tema Ekuinas iaitu MEREALISASIKAN POTENSI, Ekuinas, melalui Kumpulan Cosmopoint, telah menyediakan biasiswa berjumlah RM1.8 juta kepada lebih 800 orang pelajar. Penerima telah dipilih daripada tiga skim iaitu **Dana Sara Diri**, **Dana Potensi** dan **Dana Bestari** masing-masing untuk menampung perbelanjaan hidup mereka, memberi motivasi kepada mereka dalam meneruskan pengajian mereka serta memberi ganjaran kepada yang berprestasi cemerlang.



EKUINAS, MELALUI KUMPULAN COSMOPOINT, TELAH MENYEDIKAN BIASISWA BERJUMLAH RM1.8 JUTA KEPADA LEBIH 800 ORANG PELAJAR





Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)

Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB) yang ditubuhkan di bawah Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera Kerajaan, menguruskan pelbagai program di peringkat rendah dan menengah, serta kursus peningkatan kemahiran teknikal untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi bakat-bakat dalam bidang berpotensi tinggi seperti minyak dan gas, elektrik dan elektronik, marin dan lain-lain.

Pada tahun 2012, Ekuinas telah memperuntukkan RM1.0 juta dalam bentuk wang tunai untuk YPPB dan untuk gelombang pertamanya (2012-2014), YPPB telah memasukkan sejumlah 54 orang sarjana ke dalam tiga institusi yang berbeza di bawah Ekuinas iaitu Asia Pacific University (APU), UNITAR International University (UNITAR) dan Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) dengan nilai pelaburan sebanyak lebih RM1.6 juta.

PROGRAM INTERVENSI PENERAJU EDU



1. Pembangunan Kepimpinan

- Siswazah muda yang berkelulusan peringkat atas – disalurkan ke organisasi-organisasi yang mempunyai program pembangunan bakat/modal insan yang maju serta banyak memberi pendedahan kepada industri.
- Potensi Pengurusan Pertengahan – ‘cross-fertilization’ dengan syarikat untuk memberi pendedahan dari segi pengurusan dan perniagaan yang lebih luas.
- Pemimpin Usahawan – membangunkan pelapis untuk kemampanan dan kesinambungan perniagaan.

PENERAJU
PEMIMPIN

2. Pembangunan dan Pensijilan Golongan Professional

- Perakaunan Profesional – meningkatkan jumlah graduan Perakaunan menjadi Akauntan Professional dan memberi pendedahan kepada mereka yang telah menerima latihan untuk menjadi Akauntan Profesional.
- Program Pakar – menyokong mereka yang berkecualan untuk mengikuti program pakar meneruskan pengajian di universiti atau institusi swasta (Perubatan, Jurutera Penerbangan Berlesen dan sebagainya).

PENERAJU
PROFESSIONAL

3. Pengurusan dan Pembangunan Kemahiran

- Kemahiran teknikal – meningkatkan kemahiran di dalam bidang yang mempunyai pertumbuhan pendapatan tinggi (sektor Minyak & Gas, E&E, Marin dan sebagainya).

PENERAJU
SKIL

4. Bantuan di peringkat sekolah rendah dan menengah

- Peringkat Menengah ke Pengajian Tinggi – pelajar berprestasi sederhana dari keluarga berpendapatan rendah dan sederhana akan disalurkan ke pusat pengajian tinggi yang berkualiti (universiti dan vokasional).
- Rendah ke Menengah – pelajar berprestasi sederhana yang berpotensi dari kawasan berpendapatan sederhana rendah dan sederhana akan disalurkan ke sekolah yang berkualiti tinggi (sekolah kebangsaan, swasta dan antarabangsa).

PENERAJU
TUNAS

5. Peruntukan tambahan untuk pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke IPTA dan IPTS tempatan dan luar negara untuk kursus-kursus tertentu di institut-institut terpilih.

SPPIM
Sistem Pendidikan Persekolahan

PROGRAM PELATIH PENGURUSAN SYARIKAT PORTFOLIO EKUINAS (EPCGTP)

Program Pelatih Siswazah Syarikat Portfolio Ekuinas (EPCGTP) yang telah dilancarkan pada tahun 2012, adalah sebuah program jangka-masa satu tahun yang ditawarkan kepada siswazah Malaysia dari universiti tempatan. Program ini direka untuk menawarkan para siswazah Malaysia dengan peluang untuk belajar dan persembahkan kemahiran profesional bagi meningkatkan peluang mereka mendapat pekerjaan.

Semua peserta diberi perhatian teliti dari segi keperluan pembangunan mereka dan pada akhir tempoh latihan, satu kajian telah dijalankan bersama semua pelatih bagi mengenal pasti serta memahami jurang dan keperluan graduan tempatan.

Kemasukan 2014

Dalam program tahun 2014, peserta Kumpulan 3 telah dibahagikan kepada dua kumpulan – EPCGTP dan Program Pelatih Pengurusan F&B (FMTP), di mana FMTP mempunyai fokus yang khusus untuk menempatkan para pelatih di dalam syarikat F&B di bawah Ekuinas. Program 2014 ini telah menerima 806 permohonan, yang mana 40 orang telah dipilih dan ditempatkan di syarikat-syarikat portfolio Ekuinas yang mengambil bahagian iaitu BURGER KING®, San Francisco Coffee, Tony Roma's, Manhattan Fish Market, Alliance Cosmetics Group, Icon Offshore, Cosmopoint Group dan PrimaBaguz.

Struktur Program

Rangka kerja program EPCGTP terdiri daripada empat komponen utama seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah – Aktiviti Bilik Darjah, Latihan di Tempat Kerja, Ulasan Kemajuan dan Perbincangan Rakan Sebaya.



Rajah 5: Rangka Kerja EPCGTP

Aktiviti Bilik Darjah menyediakan latihan formal dalam Bahasa Inggeris, komunikasi dan pembentangan, kemahiran asas komputer, keusahawanan, serta kepimpinan dan pembangunan peribadi. Tenaga pengajar bagi kursus Bahasa Inggeris dilantik bagi meningkatkan kemahiran para pelatih dalam penggunaan Bahasa Inggeris untuk tujuan perniagaan. Ini kerana faktor kelemahan penguasaan Bahasa Inggeris telah dikenalpasti sebagai satu kelemahan utama graduan tempatan.

Perunding luar, NOESIS, telah dilantik untuk bekerjasama dengan Ekuinas dalam Program Pembangunan Kepimpinan. **Mastery Leadership Programme and Advanced Leadership Programme**, yang merangkumi kepimpinan, keusahawanan dan pemahaman profil diri, telah direka untuk memenuhi keperluan khusus bagi pelatih apabila memulakan kerjaya mereka.

Modul kedua rangka kerja ini menekankan bimbingan **dan latihan amali** sepanjang tahun bagi pelatih. Sesi terperinci dijalankan setiap suku tahun bertujuan untuk memantau perkembangan mereka serta menyediakan maklum balas kepada pelatih berkenaan hal-hal kerja dan kelakuan mereka dari segi pekerjaan dan tingkah laku.

Ulasan Kemajuan juga dijalankan setiap suku tahun bersama penyelia mereka dan jabatan sumber manusia di setiap syarikat portfolio. Prestasi dan kemajuan pelatih untuk tempoh setiap tiga bulan itu akan dikaji dengan tujuan memberi para pelatih sasaran pembangunan pekerjaan yang realistik.

Para pelatih juga belajar untuk memperbaiki diri melalui **Kumpulan Perbincangan Rakan Sebaya** di mana mereka dapat berkongsi dan belajar daripada satu sama lain.

Sesi pembinaan pasukan atau 'team building' biasanya diadakan kira-kira enam bulan setelah program ini dijalankan, di mana aktiviti yang direka membina kepimpinan peribadi dan kerja berpasukan.

Pada akhir program ini, siswazah berhimpun sekali lagi untuk melengkapkan kemahiran mereka dengan teknik penulisan resume dan latihan temubual yang terperinci bagi memastikan mereka bersedia untuk ke peringkat pekerjaan yang seterusnya bersama organisasi lain.



90%
**PELATIH TELAH BERJAYA
 MENDAPAT PELUANG
 PEKERJAAN
 DARI SYARIKAT PORTFOLIO
 DAN SYARIKAT LUAR
 EKUINAS**

Kejayaan EPCGTP

Bagi Ekuinas, kejayaan program ini diukur menerusi kadar kebolehan pekerjaan setiap pelatih - sama ada mereka bekerja dengan organisasi pilihan mereka atau bersama Syarikat Portfolio Ekuinas. Setakat ini Ekuinas telah menawarkan peluang kepada 72 pelatih di bawah program ini dan 44 daripada mereka masih bersama Syarikat Portfolio kami dan enam telah melanjutkan pelajaran mereka.

Kami dengan sukacita, melaporkan bahawa 90% pelatih telah berjaya mendapat peluang pekerjaan dan ini telah menunjukkan pencapaian kami dalam membangunkan bakat Bumiputera melalui inisiatif pembangunan modal insan ini.

Rancangan bagi tahun 2015

Di masa hadapan, kami merancang untuk meningkatkan lagi kesedaran program ini di kalangan pelajar universiti tempatan termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UITM), UNITAR International University (UNITAR) dan Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC).

Pasukan kami juga akan bekerjasama dengan SL1M (Skim Latihan 1 Malaysia) dan Graduan untuk menjemput siswazah dari pangkalan data mereka untuk memohon program EPCGTP ini. Program ini akan terus dipertingkatkan dengan modul baharu seperti kepentingan imej peribadi dan penjenamaan, dan meningkatkan masa latihan untuk modul Bahasa Inggeris dan Komunikasi bagi kecekapan bertulis dan lisan.

Bagi program tahun 2015, dua sesi pengambilan akan diadakan iaitu pada bulan Jun dan September, dan jumlah tersebut akan meningkat kepada 60 pelatih. Kriteria pemilihan tetap sama dengan fokus utama masih memperkasakan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah.

MEMPERLUASKAN SOKONGAN KEPADA MASYARAKAT

Selain inisiatif yang diterajui Ekuinas dalam membina keupayaan usahawan dan pendidikan, kami juga menghulur bantuan kewangan untuk menyokong pelbagai permintaan daripada syarikat media, persatuan industri dan pertubuhan bukan kerajaan. Inisiatif yang menumpukan perhatian dalam membasmi kemiskinan dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan juga dalam senarai keutamaan kami.



Menyumbang Ke Arah Pemerkasaan Belia

Pembangunan belia terus menjadi tumpuan kami dalam tahun yang dikaji. Ekuinas menyokong BN Youth Job Fair 2014 yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan pada Mei 2014, satu acara yang mempertemukan sektor kerajaan dan swasta untuk bersama-sama menangani isu pengangguran dan menawarkan peluang kerja.

Pesta pekerjaan yang diadakan sempena Festival Belia Putrajaya yang telah menarik beribu pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang, pesta pekerjaan tersebut memberikan 20,000 peluang dari lebih 400 syarikat dan agensi-agensi kerajaan. Ekuinas dan syarikat portfolionya, San Francisco Coffee berbangga kerana menjadi sebahagian daripada usaha bersepadu untuk memperkasakan belia negara kita.

Menyokong Inisiatif Belia Peka Sosial

Satu lagi acara kemuncak tahun ini ialah lawatan sambil belajar *Meningkatkan Perniagaan Islam melalui Perpaduan dan Rangkaian (EMBUN)* yang disertai oleh 38 orang pelajar dari Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam untuk mengkaji bagaimana model perniagaan sosial boleh menjadi berkesan dan meluas untuk digunakan di Malaysia. Rombongan yang diketuai oleh dua pensyarah menemukan para pelajar dengan masyarakat luar negara dan mendedahkan pemahaman kepada mereka tentang perniagaan sosial dimana ia telah menjadi satu gaya hidup.

Sepanjang perjalanan 10-hari, mereka bertemu dengan Datuk Bandar Wiesbaden, juga dikenali sebagai Kota Perniagaan Sosial di Jerman, yang telah berkongsi pandangan tentang bagaimana perniagaan sosial telah menyumbang kepada kesejahteraan penduduk bandar itu, terutama ibu-ibu tunggal dan keluarga berpendapatan rendah. Mereka melawat Grameen Creative Lab, yang diasaskan oleh penyokong mikro kredit terkenal, pemenang Hadiah Nobel Prof Dr Muhammad Yunus, dan belajar bagaimana pusat ini menghubungkan ibu tunggal, wanita menganggur dan pendatang dengan badan-badan profesional yang menyediakan latihan, bimbingan dan kaunseling.

Mereka juga melawat Willowbrook Farm di Oxford, United Kingdom, yang mewakili satu gelombang baharu dalam pertanian, di mana piawaian organik dan halal berkumpul dengan kepakaran ekologi dan kesungguhan, dan Fakulti Perniagaan ESSEC di Perancis, salah sebuah sekolah perniagaan terkemuka di dunia dan sekolah pertama di Perancis untuk mewujudkan pusat kecemerlangan keusahawanan sosial. Matlamat mereka, apabila pulang, adalah untuk meletakkan EMBUN sebagai inkubator di UiTM untuk melaksanakan projek perintis dalam perniagaan sosial dengan harapan dapat menyumbang ke arah mengatasi beberapa masalah sosial di Malaysia.



Seragam Sekolah Baharu untuk Anak-anak Yatim dan Miskin

Ekuinas juga menghulurkan sumbangan kepada Yayasan Pendidikan Pelajar Melayu (YPPM) untuk menyokong inisiatif mereka dalam menggalakkan anak-anak yatim dan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah untuk kembali ke sekolah bagi tahun akademik 2015. Pakaian sekolah, kasut dan beg sekolah baharu telah disumbangkan kepada 109 penerima dari beberapa kawasan di Lembah Klang, dengan harapan dapat membantu menaikkan semangat dan memberi inspirasi kepada kanak-kanak ini untuk belajar bersungguh-sungguh dan berazam untuk berjaya.



Menggalakkan Perkongsian Ilmu Ke Arah Masyarakat Bermaklumat

Inisiatif-inisiatif lain yang telah menerima sokongan Ekuinas termasuk penajaan terjemahan Bahasa Malaysia untuk jilid ketiga dan keempat buku rujukan seni bertajuk 'Narratives in Malaysia Art' yang akan digunakan dalam fakulti seni universiti tempatan, National Symposium IPTS Kebangsaan 2014 diadakan sebagai platform untuk menyatukan pemimpin-pemimpin pelajar di institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia dan menggabungkan idea-idea mereka untuk menangani isu-isu nasional dan global di kalangan pemimpin-pemimpin pelajar dari semua universiti awam Malaysia, Sidang Kemuncak EVE (Empowering Venus Everywhere) untuk memberi inspirasi dan memupuk keyakinan diri di kalangan pelajar wanita, dan menyokong produksi teater Shakespeare 'A Midsummer Night's Dream' oleh anak-anak muda daripada syarikat portfolio Ekuinas, Asia Pacific Smart School di Subang, Selangor.

Dalam bidang awam, Ekuinas juga menyokong program-program yang dianjurkan oleh kumpulan media untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu tertentu seperti sidang yang membincangkan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kesannya kepada pemilik perniagaan, dan juga Forum Bajet 2015 untuk membahaskan cabaran dan cara ke hadapan untuk dasar dan program memperkasakan ekonomi Bumiputera.



Meningkatkan Kemampanan Kraf Tradisional

Seni tradisional dan budaya Malaysia yang kaya telah diturunkan daripada nenek moyang kita melalui generasi ke generasi, dan walaupun beberapa aspek terus hidup di dalam masyarakat moden hari ini, kraf tertentu kini jarang diamalkan dalam skala yang besar dan oleh itu berisiko untuk hilang dan dilupakan. Sebagai contoh, seni membuat dan bermain rebana ubi - gendang paling hebat dan menakjubkan dalam semua gendang di Malaysia dan gendang pertama seumpamanya, yang ditemui di Kelantan lebih kurang dua abad yang lalu.

Sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang dikenali sebagai PUSAKA, diasaskan oleh penyair terkenal di Malaysia yang juga seorang penulis, penterjemah dan wartawan, Eddin Khoo, didedikasikan untuk menyokong daya maju bagi seni tradisional Malaysia dan bekerjasama dengan pengamal budaya untuk memastikan tradisi ini diteruskan dan didokumentasikan untuk generasi akan datang.

PUSAKA telah memohon dari Ekuinas untuk menyokong usaha-usaha khusus dalam membantu mereka untuk mengekalkan seni membuat rebana ubi dengan menurunkan kemahiran dan juga pengetahuan tentangnya kepada generasi muda. Masyarakat di Pasir Mas, Kelantan kini dapat melihat pencergasan dan kebangkitan semula rebana ubi dengan persembahan bertenaga di bawah kepimpinan bersemangat Cikgu Alam, pengerusi Kawasan Rukun Tetangga Banggol Perdana yang berazam untuk memupuk pemain dan pembuat rebana ubi sedia ada untuk mengajar seni tersebut kepada anak-anak muda dalam komuniti mereka.

Dengan kerjasama PUSAKA di dalam projek ini, Ekuinas menyokong kemampanan program di mana pakar seni memberi tunjuk ajar secara aktif kepada generasi muda mengenai selok-belok seni tersebut. PUSAKA juga akan mendokumentasikan proses latihan dan kemahiran ini bagi memastikan teknik dan maklumat mengenai seni tradisi ini disimpan dan diarkibkan untuk pengetahuan generasi akan datang.

Satu lagi projek yang juga di bawah kajian adalah kesenian tukang perak tradisional Kelantan yang terkenal dengan reka bentuk halus yang diilhamkan daripada alam semula jadi serta mempunyai mutu hasil kerja yang unggul. Pada suatu masa dahulu, industri ini berkembang pesat di negeri ini, namun kini hanya segelintir tukang-tukang perak yang tinggal. Mereka telah menimba kemahiran daripada generasi tukang-tukang perak yang terdahulu. Antara inisiatif yang mungkin boleh dilaksanakan oleh pasukan Ekuinas adalah satu kajian untuk meningkatkan kemampanan kemahiran tradisional.



Misi Bantuan Banjir Ekuinas-ILMU ke Pantai Timur

Pada tahun 2014, Ekuinas dan Syarikat Portfolionya di bawah ILMU Education Group (ILMU) telah memberikan respons positif kepada krisis negara apabila enam buah negeri di Malaysia telah dilanda bencana banjir yang paling teruk pernah berlaku semenjak beberapa dekad yang lalu dari segi jumlah mangsa (yang menjejaskan lebih 200,000 orang), kepantasan berlakunya banjir tersebut dan kerugian kewangan, dengan negeri Kelantan sebagai yang negeri paling terjejas. Bencana banjir ini memperlihatkan kerjasama di antara pelbagai badan kerajaan dan swasta, serta individu yang prihatin, dalam mengumpulkan masa dan sumber untuk membantu mangsa-mangsa banjir.

Salah satu keperluan mendesak yang dihadapi negara selepas banjir akhirnya reda adalah untuk melengkapkan sekolah-sekolah dan pelajarnya agar hanya bersedia untuk tahun akademik yang baharu. Demi menyahut seruan Kementerian Pendidikan agar pihak korporat turut memberikan bantuan, kakitangan Ekuinas, bersama-sama dengan kakitangan dan pelajar Kolej Kuala Lumpur Metropolitan University (KLMUC), UNITAR International University (UNITAR) dan Cosmopoint International College of Technology (CICT) meluankan masa sebelum tarikh pembukaan sekolah untuk membantu dalam pembersihan sekolah yang terjejas akibat banjir di Kelantan. Sebanyak enam buah sekolah termasuk Sekolah Menengah Kota Bharu, Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri dan Maahad Muhammadi Perempuan, dibersihkan bersama-sama dengan 73 rumah, dan bantuan dalam bentuk wang tunai dan keperluan asas sekolah juga diberikan.

Misi kedua kemudiannya dianjurkan untuk membantu dalam membersihkan dan mengecat Sekolah Kebangsaan Durian Tawar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak di Pahang, di mana Ekuinas dan sukarelawan dari ILMU juga telah mengagihkan semua barang keperluan untuk kanak-kanak di situ agar mereka dapat hadir ke sekolah.

Bagi misi banjir, sejumlah 100 orang kakitangan dan pelajar dari Ekuinas dan syarikat portfolionya – ILMU Education Group meluankan masa mereka untuk melibatkan diri secara sukarela dalam kerja-kerja bantuan selepas banjir yang disokong oleh peruntukan sebanyak RM100,000 daripada Ekuinas. Ekuinas merancang untuk meneruskan kerja-kerja bantuan selepas banjir di sepanjang 2015 untuk membantu mereka yang mengalami kerosakan rumah dan juga untuk menyokong pemilik-pemilik perniagaan kecil agar mereka dapat berdikari semula.

**EKUINAS BERCADANG
MENERUSKAN
USAHA MEMBANTU
MANGSA BANJIR
SEPANJANG
TAHUN 2015**

MAKLUMAT-MAKLUMAT LAIN

PERISTIWA PENTING KORPORAT

2009

Jun

Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengumumkan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad, sebuah institusi pelaburan baharu.

September

Pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas.

Disember

Ekuinas menerima RM100.0 juta pertama daripada RM500.0 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9.

2010

Januari

Permulaan Tranche I untuk Pelaburan Langsung dengan peruntukan RM1.0 bilion. Baki sebanyak RM400.0 juta daripada RM500.0 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia ke-9 telah diterima.

Pelaburan pertama:
Alliance Cosmetics Group.

Jun

Pelaburan kedua: Tanjung Offshore Berhad.

Julai

Pelantikan Pengurus Dana Penyumbangan. Luar bagi Tranche I, Program Penyumbangan Luar.

Oktober

Pelaburan ketiga:
Konsortium Logistik Berhad.

November

Pelaburan keempat:
Kumpulan Pendidikan APIIT.

2011

Februari

Dana pertama untuk tahun 2011 sebanyak RM300.0 juta diterima daripada Kerajaan.

Mac

Permulaan Tranche I bagi Program Penyumbangan Luar dengan jumlah dana sebanyak RM543.0 juta.

Pelaburan Program Penyumbangan Luar:

- OFM: Navis Capital Partners
- Syarikat: Atelier Asia Sdn Bhd

April

Pengumuman keputusan kewangan Ekuinas bagi tahun 2010 oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak:-

- Pulangan Kasar Portfolio: RM54.5 juta
- IRR Kasar: 53.1% setahun, IRR bersih 24.3% setahun.
- Peningkatan nilai dalam ekuiti Bumiputera: RM483.2 juta (1.3 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).
- Jumlah Peningkatan Nilai Pemegang Saham: RM582.1 juta (1.5 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).

Ogos

Dana tambahan RM300.0 juta lagi diterima daripada Kerajaan, menggenapkan dana diperuntukkan bagi tahun 2011 sebanyak RM600.0 juta.

September

Pelaburan kelima dan keenam:
Cosmo Restaurants Sdn Bhd, pemilik dan pengendali francais BURGER KING® Malaysia dan San Francisco Coffee.

Disember

Pelaburan Ketujuh:
Revenue Valley Group yang terdiri daripada Manhattan Fish Market, Tony Roma's dan Popeyes.

Pelaburan kelapan:
Kumpulan Cosmopoint yang terdiri daripada Kuala Lumpur Metropolitan University College dan Cosmopoint International College of Technology.

2012

Januari

Ekuinas memulakan proses pemilihan pengurus dana pihak ketiga bagi Program Penyumbangan Luar Tranche II.

Mac

Ekuinas menerima peruntukan dana sebanyak RM300.0 juta bagi tahun 2012 daripada Kerajaan.

April

Pengumuman keputusan TK2011 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Tan Sri Nor Mohamed Yakcop:-

- Pulangan Kasar Portfolio: RM174.1 juta.
- IRR Kasar: 35.1% setahun, IRR bersih 23.2% setahun.
- Peningkatan nilai dalam ekuiti Bumiputera: RM806.5 juta (1.4 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).
- Peningkatan jumlah nilai pemegang saham: RM986.2 juta (1.7 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).

Pelaburan Program Penyumbangan Luar:

- OFM: Navis Capital Partners
- Syarikat: MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO) dan SEG International Berhad (SEGI).

Mei

Pelaburan Kesembilan: Unitar Capital Sdn Bhd, pemilik dan pengendali University of Management and Technology (UMTECH). UMTECH kini dikenali sebagai UNITAR International University.

Jun

Ekuinas menerima peruntukan dana tambahan daripada Kerajaan sebanyak RM400.0 juta bagi tahun 2012.

July

Pelaburan kesepuluh:
Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS).

2012

September

Pelaburan ke-11:
OMNI Petromaritime Sdn Bhd (OMNI)

Pelaburan ke-12:
Burger King Singapore Pte Ltd

Oktober

Pelancaran Tranche II
Pelaburan Langsung dengan peruntukan
RM1.0 bilion.

November

Ekuinas melaksanakan penstrukturan semula strategik bagi portfolio O&G untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada pasaran kapal sokongan luar pesisir (OSV) yang diperolehi oleh Tanjung Kapal Services Sdn Bhd (TKS).

Penyatuan strategik dua syarikat OSV, TKS dan OMNI untuk mewujudkan satu daripada kumpulan OSV terbesar Malaysia, Icon Offshore Berhad.

2013

April

Pengumuman keputusan TK 2012:

- Pulangan Kasar Portfolio: RM368.6 juta.
- IRR Kasar: 27.5% setahun, IRR bersih 20.6% Setahun.
- Peningkatan nilai dalam ekuiti Bumiputera: RM1.9 bilion (1.4 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).
- Peningkatan nilai jumlah pemegang saham: RM2.4 bilion (1.7 x modal yang dilaburkan oleh Ekuinas).

Pelaburan Program Penyumbangan Luar:

- OFM: Navis Capital Partners
- Companies: Strateq Group dan HG Power Transmission Sdn Bhd

Ekuinas menerima peruntukan dana sebanyak RM600.0 juta untuk 2013 daripada Kerajaan.

September

Permulaan Tranche II untuk Program Penyumbangan Luar dengan jumlah dana sebanyak RM375.1 juta.

Oktober

Pelupusan utama pertama: Penjualan 61.6% kepentingan dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB).

Melalui pelaburan ini, Ekuinas menjana jumlah yang direalisasikan sebanyak RM347.4 juta termasuk dividen terkumpul yang diterima.

Pelaburan Program Penyumbangan luar:

- OFM: Navis Capital Partners
- Syarikat: Brickfields Asia College
- OFM: CIMB Private Equity
- Syarikat: Macro Kiosk Berhad
- OFM: CMS Opus Private Equity
- Syarikat: STX Precision Corporation Sdn Bhd
- OFM: RM Capital Partners
- Syarikat: Consobiz Ventures Sdn Bhd

Disember

Pelaburan ke-13:
PrimaBaguz Sdn Bhd.

Pelaburan ke-14:
Modal tambahan dalam Integrated Food Group (IFG) untuk memperoleh sebanyak 20.9% kepentingan tambahan daripada pemegang saham minoriti dan suntikan modal baharu dalam Cosmo Restaurants, pemilik dan pengendali francais BURGER KING® Malaysia.

Pelaburan ke-15:
Pelaburan susulan dalam Ilmu Education Group (ILMU) untuk membolehkannya melabur dalam APIIT Lanka Pvt. Ltd.

GLOSARI TERMA LAZIM DALAM EKUITI PERSENDIRIAN

Pelaburan *Buy-out* (juga dikenali sebagai MBO-LBO-MBI-BIMBO)

Pelaburan *buy-out* membolehkan pengurusan operasi sedia ada dan pelabur untuk memperoleh atau membeli pegangan saham ketara dalam syarikat yang diuruskan. Syarikat ekuiti persendirian biasanya mendapatkan kepentingan majoriti dalam ekuiti syarikat yang disasarkan apabila *buy-out* berlaku.

Strategi “Beli dan Bina”

Strategi yang menyokong pertumbuhan organik portfolio syarikat melalui perolehan tambahan.

Pelaburan ‘*Bolt-on*’ (juga dikenali sebagai Pelaburan Tambahan)

Pelaburan yang dilaksanakan melalui syarikat portfolio sedia ada, kebiasaannya perniagaan dalam industri yang sama, dan memberikan nilai strategik.

Pelaburan Bersama

Pelaburan bersama ialah pelaburan minoriti yang dibuat bersama-sama pelabur ekuiti persendirian yang lain. Ianya pasif dan merupakan satu pelaburan tiada kepentingan kerana syarikat ekuiti persendirian yang terlibat biasanya menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan.

Komitmen

Jumlah modal tertentu yang dijanjikan untuk dana ekuiti persendirian. Jumlah komitmen kepada dana ekuiti persendirian adalah bersamaan dengan jumlah saiz dana.

Pelaburan Komited

Amaun modal yang telah dikhususkan untuk pelaburan dalam syarikat portfolio.

Surutan (*Drawdown*)

Perbuatan memindahkan modal yang telah dikhususkan kepada dana untuk membuat pelaburan.

Pasaran Baharu Muncul

Dana yang melabur dalam ekuiti atau memberi pinjaman kepada pasaran baharu muncul yang selalunya mempunyai pertumbuhan yang tinggi dan mudah berubah.

Dana kepada Kumpulan Wang

Instrumen kewangan yang melabur dalam beberapa kerjasama ekuiti persendirian. Program Penyumbangan Luar Ekuinas adalah Dana kepada Kumpulan Wang di mana Ekuinas mengumpulkan modal dengan pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga yang telah dilantik untuk melabur bagi pihaknya.

Rakan Am (General Partner)

Rakan Am bertanggungjawab menguruskan portfolio dan keuntungan dana ekuiti persendirian.

Modal Pertumbuhan

Modal pertumbuhan merujuk kepada dana yang digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat atau digunakan untuk mengembangkan perniagaan.

Rakan Terhad (Limited Partner)

Institusi atau pelabur individu/sofistikated yang menyumbang modal kepada dana ekuiti persendirian. Dalam kes Ekuinas, Rakan Terhadnya ialah Yayasan Ekuiti Nasional/ Kerajaan Malaysia.

Fi Pengurusan

Fi pengurusan ketika tempoh pelaburan adalah dikira sebagai peratusan fi yang dikenakan ke atas komitmen yang dibuat oleh rakan terhad kepada dana. Penentu utama beban kerja Rakan Am adalah mencari potensi pelaburan dan ini dipacu oleh saiz jumlah komitmen kepada dana dan bukan amaun sebenar yang dilaburkan pada tahap tertentu dalam jangka hayat dana.

Kadar Pulangan Dalam (IRR) Bersih %

Kadar Pulangan Dalam Bersih diterima oleh Rakan Terhad selepas ditolak fi dan carry. Kadar pulangan dalam adalah berdasarkan aliran tunai direalisasi dan penilaian faedah berbaki dalam perkongsian. IRR adalah angka anggaran, kerana ia bergantung bukan sahaja kepada aliran tunai tetapi juga penilaian aset yang tidak direalisasi.

Syarikat Portfolio/Syarikat Penerima Pelaburan

Syarikat portfolio atau syarikat penerima pelaburan ialah syarikat atau entiti di mana dana ekuiti persendirian melabur. Kesemua syarikat ini disokong oleh syarikat ekuiti persendirian dan diletakkan di bawah portfolio pelaburan.

Kerjasama Awam-Swasta

Persetujuan/perjanjian kontraktual di antara badan-badan awam, pihak berkuasa tempatan atau kerajaan pusat dengan syarikat-syarikat swasta untuk menghasilkan projek umum, sosial atau infrastruktur ekonomi.

Sektor Tumpuan

Dana yang dilaburkan khusus dalam perniagaan yang beroperasi dalam industri atau sektor tertentu dalam ekonomi.

Modal Teroka

Modal teroka adalah sejenis pelaburan ekuiti persendirian yang memberi modal kepada perniagaan baru dan sedang berkembang. Dana teroka ini melabur dalam syarikat-syarikat permulaan dan perniagaan kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan definisi di www.preqin.com dan kegunaan dalaman yang diterima pakai di Ekuinas.

DIREKTORI KUMPULAN

Alliance Cosmetics Sdn Bhd

No. 35, Jln Pelukis U1/46
Temasya Industrial Park
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
T : 03-5569 4588
F : 03-5569 4366
W : www.silkycosmetics.com

APIIT Lanka

No. 388, Union Place
Colombo 2, Sri Lanka
T : +94 117 675 100
F : +94 112 687 249
W : www.apiit.lk

Asia Pacific Schools

No. 1, Persiaran A
Off Jalan Lapangan Terbang Subang
47200 Subang
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7847 1000
F : 03-7847 1001
W : www.apss.edu.my
www.apis.edu.my

Asia Pacific University of Technology & Innovation

Technology Park Malaysia
Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur
T : 03-8996 1000
F : 03-8996 1001
W : www.apu.edu.my

Burger King Singapore Pte Ltd

Level 3, No. 2 Ang Mo Kio Street 64
Econ Building #03-05
Singapore 569084
T : +65-6853 4744
F : +65-6853 4644
W : www.burgerking.com.sg

Coolblog Group of Companies

No.31 Jalan Firma 2/1
Kaw. Perindustrian Tebrau
81100 Johor Bahru, Johor
T : 07-355 5001
F : 07-353 8001
W : www.coolblog.com.my

Cosmopoint Sdn Bhd

Level 10, Wisma Havela Tharkadas
No. 1, Jalan Tiong Nam
Off Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
T : 03-2694 9455
F : 03-2694 9477/03-2691 4079
W : www.cosmopoint.edu.my

Icon Offshore Berhad

Level 12A, East Wing, The Icon
No.1, Jalan 1/68F, Off Jalan Tun Razak
55000 Kuala Lumpur
T : 03-2180 6300
F : 03-2165 1085/1086
W : www.iconoffshore.com.my

Kuala Lumpur Metropolitan University College

Level 20, Menara Tun Ismail Mohamed Ali
No. 25, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
T : 03-2604 6000
F : 03-2604 6060
W : www.klmu.edu.my

UNITAR International University

3-01A, Level 3, Tierra Crest
Jalan SS6/3
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7627 7200
F : 03-7627 7447
W : www.unitar.my

Prima Baguz Sdn Bhd

No. 16 & 18, Jalan P/13
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan
T : 03-8925 3788
F : 03-8925 1612
W : www.primahalal.com

Cosmo Restaurants Sdn Bhd/ Revenue Valley SdnBhd/ San Francisco Coffee Sdn Bhd

Unit 3.01, Wisma Academy
No. 4A, Jalan 19/1
46300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
T : 03-7957 1118
F : 03-7957 0118/03-7957 9118
W : www.burgerking.com.my
www.sfcoffee.com
www.tonyromas.com.my
www.manhattanfishmarket.com
www.nysteamshack.com

Orkim Sdn Bhd

Suite 22.02, 22nd Floor
Plaza Permata, Jalan Kampar
50400, Kuala Lumpur
T : 03-4042 9299
F : 03-4042 6299
W : www.orkim.com.my

Tenby Sdn Bhd

16, Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30020, Ipoh, Perak
T : 05-525 2628
F : 05-525 2881
W : www.tenby.edu.my

Tranglo Sdn Bhd

Unit 10-1, Tower 9
Avenue 5, Bangsar South
8, Jln Kerinchi
59200 Kuala Lumpur
T : 03-2241 4188
F : 03-2241 4189
W : www.corporate.tranglo.com

www.ekuinass.com.my

Ekuiti Nasional Berhad 868265 U

Aras 13 Surian Tower, No 1 Jalan PJJ 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor
Tel: +603 7710 7171 Faks: +603 7710 7173